



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA KINABALU

MODUL OASIS

Bahasa Melayu (1103) **Sijil Pelajaran Malaysia**

FORMAT BAHARU (KSSM)
MENGIKUT TEMA
KERTAS 2

BIDANG BAHASA
SEKTOR PEMBELAJARAN
PPD KOTA KINABALU



ISI KANDUNGAN

SEUNTAI KATA DARI MEJA EDITOR.....	53
TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM 2021.....	55
SENARAI PENYUMBANG MODUL KERTAS 2.....	56
TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN	61
TEMA: KESELAMATAN	68
TEMA: PERPADUAN	78
TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN	87
TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI.....	96
TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU	104
TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN	114
TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN	123
TEMA: SEJARAH DAN WARISAN	131
TEMA: SUKAN DAN REKREASI	140
TEMA: PENDIDIKAN	148
TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN	157
TEMA: KERJAYA.....	166
TEMA: INTEGRITI	175
TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA	185
TEMA: PENTADBIRAN DAN POLITIK.....	194
TEMA: PELANCONGAN	212
LAMPIRAN.....	222

SEUNTAI KATA DARI MEJA EDITOR

Salam sejahtera dan salam *“Dare to Change”* PPD Kota Kinabalu, terlebih dahulu rasa syukur dipanjatkan atas kesihatan yang diberikan kepada kami warga pendidik untuk terus dapat berkarya demi kelangsungan pendidikan anak-anak bangsa.

Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu sangat komited dalam memartabatkan pendidikan di daerah ini terutamanya dalam usaha meningkatkan peratus murid layak mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memenuhi salah satu syarat wajib iaitu lulus mata Pelajaran Bahasa Melayu SPM.

Pada tahun 2021 bermulalah cabaran baharu bagi guru-guru dan juga murid-murid calon SPM apabila pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kini telah berada di tingkatan 5. Rentetan daripada itu, Format baharu untuk SPM telah diperkenalkan sejajar dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang baharu.

Menyedari bahawa dalam mendepani sesuatu yang baharu pasti banyak cabaran, antaranya kekurangan bahan rujukan, kekurangan soalan-soalan contoh dan mungkin kefahaman yang belum mendalam. Maka, bidang Bahasa Sektor Pembelajaran PPD Kota Kinabalu telah membentuk Task Force Bahasa Melayu dalam kesiapsiagaan menghadapi SPM format baharu ini. Antara tugas yang telah dirancang ialah pembinaan modul untuk Bahasa Melayu SPM.

Modul Oasis Bahasa Melayu SPM, terdiri daripada Kertas 1 dan Kertas 2 meliputi 18 tema dalam DSKP berserta skema jawapan telah berjaya disediakan. Usaha ini menggabungkan tenaga dan idea guru-guru BM di sekolah-sekolah menengah daerah Kota Kinabalu. Bahan modul yang telah dihantar melalui proses semakan, penambahbaikan dan mana-mana yang perlu telah diubah suai oleh pasukan Task Force sebelum dimasukkan dalam kompilasi bahan Modul.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua guru yang menyumbang idea dan bahan bagi pembinaan modul ini. Syabas kepada pasukan Task Force yang berjaya menyudahkannya meskipun turut dibatasi oleh masa dan pelbagai kekangan namun tetap memberikan komitmen yang terbaik. Sesungguhnya usaha dan kerjasama antara JPNS, PPD, SISC+, pasukan Task Force, guru-guru BM, ketua-ketua Panitia BM, Ketua-Ketua Bidang Bahasa, Penolong-penolong Kanan dan Pengetua Sekolah amat besar maknanya dalam menyemarakkan rasa tanggungjawab secara kolektif dalam memacu kecemerlangan dan memartabatkan pendidikan sebagaimana yang dihasratkan oleh KPM.

Akhir kata, semoga Modul Oasis Bahasa Melayu SPM ini dapat sedikit sebanyak memberi manfaat kepada para guru Bahasa Melayu dan murid-murid calon SPM di daerah Kota Kinabalu dan negeri Sabah atau di mana-mana jua berada. Ilmu yang sedikit, jika dikongsi pasti bercambah dan bertambah, maka demikian, ramailah yang akan mendapat manfaatnya. Mohon maaf daripada kami jua andai ada kekurangan dalam setiap proses pembelajaran ini.

Sekian.

Angela Tundim
30 APRIL 2021

APRESIASI

*JPN SABAH
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN SABAH*

*PUAN TAH NIA BINTI HJ JAMAN
(Pegawai Pendidikan Daerah Kota Kinabalu)*

SEKTOR PEMBELAJARAN PPD KOTA KINABALU

BIDANG BAHASA PPD KOTA KINABALU

TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM PPD KOTA KINABALU

*ANGELA TUNDIM
(SISC+ Bahasa PPDKK)
PENYUNTING BAHAN
HARLIANA BINTI MOHD. ARIFIN - (OK9 S1)
JAUHARIAH PARMIN - (OK9 S2)
SITTI MAJUA BINTI SALIM - (OK9 -S3)
HALINA JUMARING - (OK9 S1)
ARELYA SAMIDAH - (OK9 S3)
HAMIDAH BINTI SHAFIE (OK9 S1)
HASBI BIN MUIN (OK9 S3)
MARIAM BINTI AWANG DAMIT (OK9 S3)
SITI FATIMAH BAHARUM (OK9 S2)
ANIMAH ASSIH (OK9 S2)
TAY HOI CHIN (OK9 S1)*

SEMUA PENGETUA SEKOLAH MENENGAH PPDKK

GURU-GURU BAHASA MELAYU (PENYUMBANG BAHAN MODUL)

SEKOLAH-SEKOLAH DALAM OK9 S1, OK9 S2, OK9 S3

*PASUKAN KREATIF, TEKNIKAL DAN URUS SETIA
ANGELA TUNDIM, IZZATI SHAIFFUDDIN*

*KULIT DEPAN MODUL
AL FAZLI AMIL BUSTAN*

**YANG KURIK ITU KUNDI,
YANG MERAH ITU SAGA;
YANG BAIK ITU BUDI,
YANG INDAH ITU BAHASA.**

****OK9 – OASIS KECEMERLANGAN 9 PPD KOTA KINABALU**

TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM 2021



TASK FORCE BAHASA MELAYU SPM 2021

Bidang Bahasa, Sektor Pembelajaran
Pejabat Pendidikan Daerah Kota Kinabalu



Angela Tundim
SISC+ Bahasa
PPD K.Kinabalu



Harliana Mohd Arifin
SMKA Tun Ahmadshah



Jauhariah Parmin
SMK Bandaraya
Kota Kinabalu



Sitti Majua Binti Salim
SMK Tebobon



Arelya Samidah
Sekolah Tinggi
Kota Kinabalu



Halina Jumaring
SMK Taman Tun Fuad



Siti Fatimah Baharum
SM St. Peter Telipok



Hasbi Bin Muin
SMK Agama
Kota Kinabalu



Hamidah Binti Shafie
SM Shan Tao



Tay Hoi Chin
SM Stella Maris



Animah Assih
SM St. Francis Convent



Mariam Binti Ag. Damit
SMK Tebobon

SENARAI PENYUMBANG MODUL KERTAS 2

BIL	TEMA	SEKOLAH
1	Keselamatan	SMK Bandaraya Kota Kinabalu Jauhariah Binti Parmin Noriayani Binti Ejip Orlen Sitang Paulina Bagu Sarina Binti Hassan
2	Sains, Teknologi dan Inovasi	SMK Agama Kota Kinabalu Hasbi Bin Muin Muhammad Zabir Muhammadih Nurul Fatin Amalina Binti Arshad Nur Syuhada Abd. Rahim
3	Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan	SM All Saints Kota Kinabalu Patricia @ Stlea Intang Adyani Binti Abdul Latif Jimmy Bin Kulas Liew Yuk Fun @ Elicia Hanney
4	Integriti	SM Shan Tao Hamidah Binti Shafie Wellina Rassin Yee Kok Hein

5	Kerjaya	SMK Kolombong Dr. Daisy Bt. Paul Hilladzirah@Hanni Bt. Abd Hamid Kasimah Bt. Beddu Rosnani Jonathan Suzana Durani
6	Kebudayaan, Kesenian dan Estetika	Sekolah Tinggi Kota Kinabalu Arelya Samidah Dr. Chong Oi Chin Fadzilah Mohd Nor Hardawati Abd Hadi Rohelmina Mohd Nur
7	Kesihatan dan Kebersihan	SMK Tebobon Mariam Binti Ag Damit Boiti@Betty Ot Borubui Halimah Lukin Jaladin Bidin
8	Perindustrian	SM Tsung Tsin Audrey Chung Chin Yee Fah Roziana Mohd Zain Surinah Binti Buss Wong Tze Ling

9	Perpaduan	SM ST. Peter Telipok Siti Fatimah Binti Baharum
10	Pertanian, Penternakan dan Perikanan	SMK Likas Hjh. Fazilah Binti Abdullah Sitti Aminah Binti Tanginang
11	Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan	SMK Inanam Arnella Binti Matdin Evita Patcey Edgar Jesslyn Henry Norlida Abdullah Nor Azita Yacob Suzie Sekit Vinaliyan Vunjian
12	Bahasa dan Kesusasteraan	SMK Pulau Gaya Azlan Bin Saflie Abd Saleh Bin Mohd Salleh Muhamad Kamel Bin Arifin Marzuki Bin Md Nor
13	Sukan dan Rekreasi	SM Stella Maris Tay Hoi Chin Narsisius Justin

14	Pentadbiran dan Politik	SMK Perempuan Likas Manson Yabot Aerliza Binti Mohd Radzi Kalsum Binti Abd. Karim
15	Pendidikan	Maktab Sabah Danielle Foong Juliah Matnoor Norasiah Kallam Kenalan Askan Mohd Bakri Mohd Roni Arelia Samidah
16	Sejarah dan Warisan	SM ST Francis Convent Animah Binti Assih Felicity Flavianniey Augusttinus @ Zackry Rossalina Abdullah Janih a/k Djuk
17	Alam Sekitar dan Teknologi Hijau	SMK TAMAN TUN FUAD Razisahmad B. Muhamad Abdullah Hasbi Bin Muin Jauhariah Binti Parmin
18	Pelancongan	Taks Force BM PPDKK

*Kekuatan bukan sahaja datang
daripada kemampuan fizikal
bahkan datang daripada semangat
yang tidak pernah pudar.*

JAUHARIAH PARMIN

SMK BANDARAYA KOTA KINABALU

Ketua Editor Kertas 2

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 Markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Yang berusaha, Tuan Haji Kuswandi bin Tayen, Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jauhari, barisan guru penolong kanan, guru kanan mata pelajaran, guru cemerlang, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi. Bersempena dengan Hari Air Sedunia yang akan disambut pada 22 Mac setiap tahun, saya akan menyampaikan syarahan yang bertajuk, “Kepentingan Sukan Air”.

Hadirin yang dihormati,

Aktiviti sukan, khususnya sukan air, merupakan suatu aktiviti yang sangat menyeronokkan. Saya percaya hadirin gemar berkelah dan bersantai di badan air seperti di tepi pantai, jeram, dan taman tema air, bukan? Namun, selain menghirup udara segar dan berenang di tepi pantai, pernahkah hadirin mengambil bahagian dalam aktiviti sukan air.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Tingkatan 4*, DBP, 2019.

[6 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kenal pasti **tiga Frasa Kerja** dan **tiga Frasa Sendi Nama**.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) merupakan satu skim simpanan wang yang telah direka khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tujuan pembiayaan pengajian pendidikan tinggi. Melalui skim ini, pendeposit melantik PTPTN untuk menguruskan deposit mereka bagi tujuan pelaburan. Mulai 1 Januari 2012, para pelajar yang ingin memohon pinjaman pendidikan bagi membiayai pengajian tinggi awam dan swasta wajib mempunyai akaun SSPN-I dengan simpanan minimum seperti yang ditetapkan oleh PTPTN.

Sumber : *Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi 11 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Remaja hendaklah selalu mandi untuk jaga kebersihan kulit. Tambahan pula, remaja senang berpeluh. Sabun tidak dimudaratkan kulit dan jika di gunakan secara berlebihan dapat menyebabkan kulit menjadi kering. Sabun yang bersesuaian hendaklah dipilih jika mempunyai kulit yang kering. Bahan pelembap kulit perlu disapu kepada kulit selepas mandi. Pelembap membantu mengekalkan kelembapan kulit. Minyak baby pula boleh digunakan untuk disapukan pada kulit yang kering. Remaja yang kulitnya berminyak pula bukan perlu menggunakan sembarang pelembap.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*

[11 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; Maka ia pun fikir dalam hatinya, “Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan.”

Setelah sudah ia berfikir demikian, maka Kertala Sari pun dilihat pula perihal penghadapan dan tempat orang bertunggu raja itu. Setelah dilihatnya ratalah, maka Kertala Sari pun kembali pada tempat singgah itu, maka ia pun pergi ke atas bukit itu. Maka dilihatnya tempat itu terlalu baik menaruh harta.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan dalam
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **tiga** peribahasa sahaja dan berikan maksud peribahasa tersebut.*

Amir: Ibu bapa perlu menunjukkan tatasusila yang terpuji pada setiap masa agar menjadi contoh yang baik kepada anak-anak.

Iman: Saya bersetuju dengan pendapat awak. Ibu bapa sebagai suri teladan anak-anak perlu menunjukkan budi pekerti yang baik jika mahu melahirkan anak-anak yang

berbudi pekerti kerana bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Biasanya, tingkah laku ibu bapa akan menjadi ikutan anak-anak.

Amir: Saya bersyukur kerana ibu bapa saya sentiasa menunjukkan contoh yang baik dan mendidik saya dengan nilai-nilai murni sejak kecil. Hal ini amat penting kerana melentur buluh, biarlah dari rebungunya.

Iman: Oh, bertuahnya kamu! Ibu bapa yang baik akan melahirkan anak-anak yang baik kerana jika asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau. Mereka akan sentiasa menjaga tingkah laku demi menjaga nama baik ibu bapa mereka.

Sumber : *Internet*

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 Markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kita dianjurkan agar mengawal atau mengurus perasaan marah. Perasaan ini perlu dikawal untuk mengelakkan kesan buruk akibat kemarahan yang tidak dikawal. Terdapat beberapa langkah yang boleh digunakan sebagai kawalan ketika marah.

Salah satu langkah untuk mengurus kemarahan adalah dengan cara bertenang semasa marah, tarik nafas dalam-dalam dan kosongkan fikiran. Tindakan ini mungkin dapat membantu anda menenangkan diri. Gunakan daya imaginasi anda untuk menggambarkan suasana yang tenang sambil menutup mata. Kemudian, lepaskan nafas perlahan-lahan.

Sumber : Saedah A. Ghani dan Rezki Perdani Sawai,
Pengurusan Kemarahan: Pengenalan dan Latihan, 2018,
Universiti Sains Islam Malaysia.

Bahan 2

Perasaan marah disebabkan oleh faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran merangkumi lingkungan sosial dan alam sekitar. Faktor lingkungan sosial ialah suasana kerja, bebanan tugas, dan sikap rakan. Faktor alam sekitar pula adalah seperti cuaca dan bencana alam. Faktor dalaman pula berkaitan dengan sikap seperti panas baran dan tidak mampu mengawal diri untuk menghadapi tekanan.

Apabila anda marah, denyutan jantung dan tekanan darah akan meningkat. Selain itu, tahap hormon tenaga, adrenalina dan nonadrenalina juga akan bertambah. Oleh itu, anda mungkin akan bertindak agresif terhadap orang yang dimarahi. Kemarahan yang tidak dikendalikan dengan baik boleh menimbulkan masalah yang lain pula. Perhubungan silaturahim juga akan terjejas.

Bagi mengurangkan rasa ketegangan tersebut, seseorang perlu kembali ke *posisi normal*. Sekiranya dia sedang marah dan ketika itu dia sedang berdiri, maka dia perlu duduk. Seandainya kemarahan semakin sukar dikawal, dia perlu berbaring untuk mengawal emosi.

Sumber : www.myhealth.gov.my/pengurusan - kemarahan

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *posisi normal*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan cara menangani kemarahan dalam diri seseorang.
[3 markah]
- (iii) Kemarahan yang tidak terkawal dengan baik boleh membawa akibat yang buruk kerana seseorang itu akan cenderung bertindak agresif.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan seseorang sukar untuk mengawal kemarahan?

[4 markah]

- (iv) Anda mempunyai rakan yang panas baran dan sukar untuk mengurus kemarahan sehingga menyebabkan hubungannya dengan orang lain terjejas.

Sebagai rakan yang prihatin, bagaimanakah cara anda membantu rakan anda untuk mengatasi masalah ini?

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1**AKU MEMBACA LAGI**

Aku mendongak langit
Membaca garis dan titik
Menaakuli kebesaran-Mu
Di bawahnya gumpalan mega
Hembusan bayu dan banjaran gunung

Kuselusuri alam
Kicauan burung
Desiran ombak dan wajah pelangi
Mewarnai kehidupan umat-Mu.

Aku mendongak lagi
Membaca langit
Di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
Dahan dan ranting terkulai
Daun-daun berguguran
Helai demi helai
Di lantai tanah airku yang makmur

Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

Bahan 2

Sungai Ceper semakin hari semakin tohor sehingga air sampai paras buku lali. Ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi. Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boleh mengalir. Hendak mandi menyelam kepala dalam-dalam pun tidak boleh lagi kerana air Ceper betul-betul tohor.

Ibu mengamuk juga. Dia maki-maki Ceper yang boleh jadi begitu sehingga menyusahkan semua. Baruh habis kering. Padi pun kecut di dalam sawah. Yang sudah menguning boleh jadi tahan-tahan sampai benar-benar tunduk. Tetapi banyak yang belum masuk isi habis kering dan mati menjadi jerami begitu saja. Yang kuning pun nampak saja besar biji-biji padinya, tetapi banyak yang hampa kerana kemarau panjang sangat dan air Sungai Ceper tidak boleh menolong langsung.

Dalam hati ibu memang Ceper itu bedebahlah. Ibu tidak turun ke Ceper lagi kerana airnya sedikit. Ibu berbaik dengan telaga. Meskipun telaga di penjuru tanah kami itu amat dalam, ibu tarik juga tali timba membawa naik air ke atas.

Dipetik daripada cerpen Ibu dan Ceper
oleh Shahnnon Ahmad *antologi Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah maksud *Menaakuli kebesaran-Mu*?
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan bukti-bukti kemusnahan alam sekitar?
[3 markah]
- (iii) Negara kita semakin maju, tetapi masalah alam sekitar semakin menjadi-jadi. Pada pendapat anda, apakah punca masalah pencemaran semakin menjadi-jadi?
[3 markah]
- (iv) Pada suatu petang anda dan rakan anda sedang memancing ikan di sebatang sungai yang jernih lalu anda ternampak banyak sampah di persekitaran sungai tersebut. Keadaan ini memberi pandangan yang kurang baik kepada pengunjung atau pelancong.
Sebagai rakyat yang prihatin, bagaimanakah anda mengatasi masalah ini?
[4 markah]

SOALAN 8: PEMAHAMAN NOVEL

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Ya, baru balik. Belum sempat mandi pun lagi. Abang dapat tahu Isha ke JB, abang terus pasang *retinal scanner* kat rumah ni ye?” kata Farisha dengan separuh menuduh.

Azraai terus meletakkan Kindle di atas meja sisi dan duduk tegak. Wajahnya kian berubah menjadi lebih serius.

“Abang risau akan Isha. Minggu lepas ada kes pembunuhan tak jauh dari apartmen tempat Isha tinggal. Lelaki itu kerja macam Isha juga, jurutera keselamatan sistem.” Abang Azraai menyuarakan sebab kebimbangannya.

“Itu kebetulan saja bang, Lelaki itu banyak berhutang dengan Ah Long. Dia bukan kena bunuh sebab kerja macam Isha. Farisha cuba meyakinkan Azraai. Kadang-kadang Azraai mudah risau tidak keruan. Dia kerap mencurigai orang tanpa usul periksa.

Sumber: Novel Di Sebalik Dinara
karya Dayang Noor

Nyatakan alasan Azraai bimbang dengan keselamatan Farisha dan tindakan yang dilakukannya?

[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- Di Sebalik Dinara, Karya Dayang Noor*
- Silir Daksina, Karya Nizar Parman*
- Jendela Menghadap Jalan, Karya Ruhaini Mandarin*
- Pantai Kasih, Karya Azmah Nordin*

Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda pelajari, jelaskan sebab-sebab bahagian permulaan novel tersebut menarik perhatian pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 Markah]

SOALAN 9

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza. Analisis ini melibatkan pesakit influenza yang dikesan di klinik dan hospital di seluruh negara. Kemasukan pesakit ke wad dengan jangkitan pernafasan akut teruk juga diambil kira dalam analisis ini.

Laporan pengawasan influenza yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan menunjukkan peningkatan pola aktiviti virus influenza dalam persekitaran. Tiada sebarang kelainan, perubahan, atau mutasi pada penularan influenza ketika ini. Penularan influenza di Malaysia adalah sama seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau World Health Organization (WHO) di pelbagai negara tropika lain.

Bagi kes influenza di sekolah, negeri Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi, iaitu 387 kes. Pulau Pinang pula mencatatkan 161 kes dan Johor mencatatkan 109 kes. Negeri-negeri lain mempunyai bilangan kes influenza kurang daripada 100 kes.

Tan Sri Dr. Nor Hisham turut mencadangkan mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza supaya berehat di rumah dan tidak berada di tempat tumpuan awam, makan angin, atau bertemu dengan orang lain. Jika perlu mengadakan pertemuan, mereka dinasihati agar memakai pelitup muka.

Sumber: *Berita Harian*, 14 Januari 2020

Bahan 2 : Grafik

Panduan Menghadapi Wabak Penyakit

Berikutan dengan penularan wabak penyakit seperti COVID-19, Influenza A, dan H1N1, semua kakitangan syarikat dinasihati agar mengambil langkah berjaga-jaga. Antara langkah yang perlu diambil adalah seperti yang berikut:

-  Pakai pelitup muka dan cuci tangan dengan sabun atau gunakan pensanitasi tangan.
-  Gunakan sapu tangan atau tisu semasa batuk dan bersin.
-  Jangan hantar anak yang menghidap penyakit berjangkit ke pusat jagaan kanak-kanak.
-  Dapatkan rawatan dengan segera jika anda mengalami demam, batuk, dan sukar hendak bernafas.
-  Tinggal di rumah hingga penyakit sembuh jika diberi cuti sakit.
-  Jangan meludah di merata-rata tempat.
-  Bersihkan permukaan lantai dan meja yang terkena cecair hidung dan mulut.
-  Elakkan diri daripada menyentuh anak atau ahli keluarga jika menghidap penyakit berjangkit.

Semoga para pekerja syarikat dapat memberikan kerjasama untuk mematuhi garis panduan yang diberikan ini.

Sekian, terima kasih.

(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)

TEMA : KESELAMATAN**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 Markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan berita di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama terbitan** dan **dua kata kerja terbitan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Kulai: Seorang pekerja tapak binaan maut dihempap jentolak yang terbalik di kawasan pembinaan di Jalan Kelah, Kampung Sungai Kulai di sini, hari ini. Dalam kejadian jam 10.29 pagi itu, mangsa yang maut dikenali sebagai Bustaman Zaidin, 60, seorang warga Indonesia manakala pemandu jentolak, Wong Kwai Soon, 59, cedera. Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Baru Kulai, Penolong Penguasa Bomba, Mohd Fauzi Awang berkata, kemalangan berlaku ketika dalam perjalanan ke tapak pembinaan itu selepas mengisi minyak. Katanya, kenderaan berat itu tiba-tiba terbabas dan terbalik serta menghempap kedua-dua mangsa menyebabkan Bustaman meninggal dunia di tempat kejadian manakala pemandu patah paha.

Dipetik dan diubah suai daripada Maut Dihempap Jentolak
oleh Omar Ahmad, am@hmetro.com.my

[8 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Nyatakan **pola ayat dasar** bagi ayat yang bergaris.

Jenayah penculikan kanak-kanak perlu ditangani secara drastik. Usaha drastik ini sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana usaha yang bersungguh-sungguh akan dapat memastikan jenayah ini tidak berlarutan. Oleh itu, keselamatan kanak-kanak ialah tanggungjawab semua pihak. Penubuhan Rukun Tetangga (RT) dan Penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRK) ialah langkah terbaik bagi meningkatkan kerjasama dalam kalangan penduduk kampung menangani masalah jenayah secara berkesan.

Dipetik dan diubah suai daripada Jenayah Penculikan Kanak-kanak
Oleh Hj Samat Buang
Koleksi Rencana Umum, Jilid 4

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi 11 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Jika ada peruntukkan dan lokasi yang sesuai eloklah jejantas dibina kerana anak-anak boleh melimpas jalan dengan selamat. Pihak sekolah dengan bantuan PIBG juga perlu mendapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan yang bertindak sebagai warden trafik ketika waktu puncak. Malah tawaran Kementerian Dalam Negeri untuk menggunakan khidmat Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) bagi mengawal lalu lintas di kawasan sekolah juga wajar ditimbang. Pihak polis pula diharap dapat mengatasi masalah lebih berat seperti gangsterisme, penyalahgunaan dadah dan berbagai jenayah lain membabitkan pelajar sekolah disamping kes penculikan di luar kawasan sekolah. Rondaan secara kerap oleh anggota polis untuk melakukan intipan secara berjadual wajar dilaksanakan supaya dapat mencegah kejadian penculikan dan pelbagai salah laku jenayah di kalangan pelajar sekolah daripada terus berleluasa. Kita tidak mahu selepas sesuatu kejadian itu berlaku barulah masing-masing menuding jari menyalahkan pihak lain. Dalam hal ini, baik dalam perimeter sekolah mahu pun di luar pagar sekolah, perkara pokoknya adalah tahap keselamatan anak-anak kita.

Dipetik dan diubah suai daripada Rencana Menangani Isu Keselamatan di Sekolah
Rencana oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
Utusan Malaysia Online, 12 Mac 2018

[11 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Setelah sudah ia berfikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Satu kajian menunjukkan 67% daripada punca kemalangan jalan raya ialah faktor manusia. Oleh itu, kemalangan tetap akan berlaku jika pengguna jalan raya tidak memilih untuk berubah menanganinya walau sebanyak manapun kempen yang dilaksanakan. Banyak usaha telah dilakukan oleh pihak penguasa trafik tetapi usaha tersebut sia-sia sahaja. Sehubungan dengan itu, angka korban akibat kemalangan jalan raya akan terus meningkat sekiranya pengguna mengambil sikap mementingkan diri sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada Kemalangan Jalan Raya: Antara Punca dan Tindakan
Oleh Hj Samat Buang
Koleksi Rencana Umum Jilid 1

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 Markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kes-kes penipuan dalam talian terus meningkat sejak akhir-akhir ini. Menurut Pakar Keselamatan Siber, Aaron Ikram Mokhtar, orang ramai perlu peka dengan jenis-jenis ancaman siber untuk menjadikan mereka lebih bijak dalam mengemudi transaksi kewangan atau berkongsi data peribadi. “Orang ramai perlu mengetahui bahawa penjenayah menggunakan e-mel palsu untuk membawa pengguna kepada laman web yang salah untuk memperoleh maklumat mangsa. Pengguna akan memberikan maklumat secara sukarela apabila melihat e-mel itu seperti e-mel rasmi walaupun pada hakikatnya e-mel tersebut bukan e-mel sebenar, “Apabila menggunakan WiFi umum, kita kena berhati-hati. Pastikan kita bersambung kepada WiFi yang selamat bukannya laman web penjenayah,”. Tambah Aaron, elakkan membuat transaksi kewangan ketika menggunakan WiFi umum tetapi lebih baik menggunakan talian telefon sendiri. Aaron juga menasihati orang ramai supaya mendapat bantuan Cyber999, satu aplikasi yang disediakan agensi keselamatan sekiranya berlaku penggodaman atau kecurian data peribadi dalam talian. Beliau juga menyeru orang ramai supaya tidak *memandang enteng* aspek keselamatan siber sebelum semuanya menjadi terlambat.

Dipetik dan diubah suai daripada
Penipuan Dalam Talian : Orang Ramai Perlu Peka Jenis Ancaman Siber
Azyati Ahmad, *Astroawani.com* 17 Julai 2020

Bahan 2



- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *memandang enteng*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan cara untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan siber. [3 markah]
- (iii) Walaupun kes penipuan siber di negara kita telah didedahkan kepada umum dan pelbagai usaha dilakukan untuk mengatasinya, kes ini tidak pernah reda malah melibatkan kerugian jutaan ringgit dan mangsa daripada pelbagai latar belakang.

Pada pendapat anda, apakah yang menyebabkan keadaan ini berlaku?

[4 markah]

- (iv) Anda telah menerima beberapa mesej pesanan ringkas daripada seorang kenalan lama yang ingin meminta bantuan kewangan daripada anda atas sebab kecemasan. Beliau berjanji akan membayarnya pada keesokan harinya.

Apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk memastikan bahawa anda tidak terjebak dalam penipuan siber?

[4 markah]

SOALAN 7 : PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**Kepada Wira dan Wirawati Negara**

Di kala merebaknya COVID-19
Menggemparkan gundah segenap
manusiawi,
Menggangu gugat rutin dan gerak-geri kita
Perintah Kawalan Pergerakan diisytiharkan
Merubah setiap detak nafas masyarakat
Dengarlah kata PM kita
Duduklah diam-diam di rumah
Usahlah pergi ke mana-mana.

Kepada wira dan wirawati negara
Terima kasih
Terima kasih kerana bertarung dengan virus
Corona yang celaka
Mengubati setiap nyawa yang tak ternilai
harganya
Mengekalkan kebahagiaan keluarga
Memapankan kesejahteraan
Demi rakyat jelata.

Kepada wira dan wirawati negara
Engkaulah
Engkaulah penyambung nafas setiap insan
Untuk kekal bernyawa
Engkaulah denyut nadi rakyat Malaysia
Untuk kekal sejahtera
Rahmat bahagia.

Kepada wira dan wirawati negara
Dikaulah adiwira bangsa
Yang berwajah insaniah
Semoga keselamatan kalian diberkati Allah
S.W.T
Semoga kesihatan kalian diberkati Allah
Yang Maha Esa.

Nukilan Teo Wei Sing

Bahan 2

Pihak komunis yang *memintas kemaraan* pasukan bantuan kampung juga tidak menembak lagi. Mereka telah berpecah kepada tiga pasukan. Satu pasukan kecil terus bertahan di situ untuk menghadapi pasukan Penghulu Ali. Dua pasukan lagi telah berpecah, bergerak ke arah jalan kampung Belatak di sebelah timur, dan satu pasukan lagi ke arah kampung Meda di sebelah barat. Pasukan yang tinggal di situ terus mendiamkan diri menunggu reaksi kumpulan pasukan bantuan dari Kampung Tul. Penghulu Ali begitu gelisah mendengar bunyi berbalas tembak yang semakin hebat. Dia harus berbuat sesuatu untuk membantu pasukan polis. Walau bagaimanapun, pergerakan mereka dapat dipintas oleh pengganas komunis. Penghulu Ali terpaksa bertahan. Sementara itu, pasukan polis terus bertahan dengan gagahnya daripada serangan pengganas komunis.

Dipetik dan diubah suai daripada Selingkar Perjuangan,
Buku Teks Bahasa Melayu tingkatan 5, Bukit Kepong,
Oleh Ismail Johari Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, nyatakan maksud rangkai kata *memintas kemaraan*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **kedua-dua bahan**, nyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara.
[3 markah]
- (iii) Keselamatan dan kesejahteraan negara merupakan tanggungjawab kita bersama. Pada pendapat anda, apakah kesannya jika tanggungjawab ini tidak dipikul bersama?
[3 markah]
- (iv) Anda telah menerima beberapa mesej yang tidak diketahui sumbernya di media sosial. Anda mendapati bahawa mesej tersebut berupa fitnah dan provokasi yang boleh mengancam perpaduan dan kesejahteraan masyarakat majmuk di negara ini. Sebagai pengguna media sosial yang bertanggungjawab, apakah yang akan anda lakukan untuk mengatasi masalah ini?
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Baiklah, kalau begitu awak fikirkanlah dahulu, Farisha. Hubungi kami apabila sudah ada keputusan.” Dr. Maxi mengenggam kedua-dua tangannya dan berkata lagi, “Tapi, jangan lambat sangat, ya!”

Farisha tersenyum tawar tetapi tiba-tiba ada rasa takut datang menyelubunginya. Hati kecilnya berasa bagaikan ada sesuatu yang tidak kena.

“Kalau begitu, boleh kami minta diri dulu?” kata Farisha. Dia tidak sabar ingin meninggalkan perbincangan dan rumah agam ini.

“Sebelum itu, saya ingin kenalkan kamu berdua dengan Karl,” Kata Aqram sambil menunjuk ke arah sebuah pintu yang lebih besar yang bakal membawa tetamu ke bahagian belakang rumah.

“Oh ya, Karl!” Farisha baru teringat tujuan utama mereka berada di situ adalah untuk bertemu Karl.

“Ya, mari jumpa Karl. Tuan rumah ini,” ajak Dr. Maxi sambil mengatur langkah ke arah pintu besar.

Farisha dan Rosman bangun dari kerusi rotan dan sedikit teragak-agak untuk berkenalan dengan seorang penyelidik terkenal. Rosman sudah mereka-reka ayat dalam kepalanya

untuk bercerita tentang rencana yang pernah ditulis tentang Karl.

Dipetik daripada Novel *Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor, Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang difikirkan oleh Farisha dan Rosman semasa mereka berada di rumah agam itu?
[4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a. *Di Sebalik Dinara*, Karya Dayang Noor
- b. *Silir Daksina*, Karya Nizar Parman
- c. *Jendela Menghadap Jalan*, Karya Ruhaini Mandarin
- d. *Pantai Kasih*, Karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan kepentingan peristiwa pada permulaan cerita yang menyebabkan anda meneruskan pembacaan.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN**[30 MARKAH]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1 : Petikan

Kematian akibat lemas boleh dikatakan satu isu yang serius kerana laporan menunjukkan kematian disebabkan lemas berlaku hampir setiap minggu di negara ini. Statistik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merekodkan seramai 336 orang mangsa lemas berlaku di seluruh negara pada tahun lalu. Angka ini terus meningkat pada tahun ini dan secara purata hampir setiap hari berlaku kematian akibat lemas yang majoritinya ialah pelajar sekolah. Kejadian lemas semasa mandi di pantai, kolam renang atau aktiviti perkhemahan sekolah sering berlaku terutama pada musim cuti persekolahan. Kanak-kanak dan remaja ialah mangsa paling ramai iaitu hampir 50 peratus daripada jumlah kematian sepanjang tahun. Sehubungan dengan itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan usaha sama Open Learning Global (M) Sdn Bhd mengambil inisiatif mewujudkan kursus Keselamatan Air secara dalam talian dan aplikasi mudah alih di <https://keselamatanair.com.my>.

Kematian akibat lemas boleh berlaku jika langkah keselamatan yang secukupnya tidak diambil serta masyarakat kurang cakna akan keselamatan masing-masing. Angka kematian boleh dibendung jika pelajar, guru, ibu bapa atau masyarakat didedahkan dengan ilmu keselamatan air yang merangkumi cara menyelamatkan diri dan kawan apabila berada di tempat yang berair. Selain itu, pengetahuan tentang jenis air, peralatan yang boleh digunakan untuk menyelamatkan mangsa dan pelbagai lagi ilmu kefahaman keselamatan diri juga akan didedahkan. Peserta kursus bukan sahaja perlu mengetahui teknik berenang, malah perlu didedahkan dengan kefahaman keselamatan diri apabila berada di tempat yang berair. Menurut Dr Tengku Fadilah, satu daripada modul yang menarik perlu diketahui adalah ketika berada di tempat aktiviti sukan air. Katanya ramai dalam kalangan kita kurang kesedaran tentang keselamatan diri, kesedaran tentang hak sebagai pengguna, keperluan memakai jaket pelampung air, teknik mendarat di tepi pantai dan perkara lain yang patut diketahui dalam kursus berkenaan. “Jangan kita terlalu gembira tanpa mengambil kira keselamatan diri. Malang tidak berbau dan kejadian boleh berlaku tanpa dijangka.

Dipetik dan diubah suai daripada Ilmu Keselamatan di Air
oleh Fazurawati Che Lah, hmetro.com.my, 12 Jun 2017

Bahan 2 : Grafik

4 TIPS PENTING KESELAMATAN KETIKA MENJALANKAN AKTIVITI DI AIR

#jadibijakuntukselamatdiair
#nyawaitutiadaganti

MEMASTIKAN CUACA BERSESUAIAN SEBELUM MELAKUKAN AKTIVITI DI KAWASAN REKREASI-BADAN AIR.

MEMBACA DAN MEMAHAMI SETIAP AMARAN DAN PANDUAN KESELAMATAN YANG TERTERA DI PAPAN TANDA KESELAMATAN DI AIR.

MEMATUHI LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN SEPERTI PEMAKAIAN JAKET KESELAMATAN ATAU PELAMPUNG KETIKA BERADA DI AIR.

MENJALANKAN AKTIVITI AIR DI KAWASAN TUMPUAN DAN MEMASTIKAN TERDAPAT PENYELAMAT KESELAMATAN BERHAMPIRAN KAWASAN REKREASI ATAU BADAN AIR.

www.kpkt.gov.my KPKT MALAYSIA @kpkt_gov KPKT MALAYSIA @kpkt

Sumber : *Internet*

KERTAS SOALAN TAMAT

TEMA : PERPADUAN**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata ganda** dan **dua kata akronim**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

Industri filem Malaysia mutakhir ini, seolah-olah mendapat “suntikan” luar biasa. Sepanjang 2010, banyak filem karya tempatan berjaya menarik orang ramai ke pawagam. Sokongan penonton dapat diukur menerusi jualan tiket pecah panggung yang memecah tradisi kutipan filem tempatan. Kecemerlangan filem tempatan bukan sahaja diukur dari segi jumlah penayangan, tetapi angka-angka kutipan kasar tiket bagi setiap filem secara puratanya mencatatkan perkembangan positif. Statistik yang dikeluarkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) menunjukkan bahawa meskipun jumlah penonton yang berkunjung ke pawagam merosot, iaitu dari 44.13 juta orang pada tahun 2009 kepada 43.91 juta orang pada 2010. Jumlah tersebut ternyata tidak menjejaskan jumlah kutipan filem tempatan.

Dipetik dan diubah suai daripada Cabaran Filem Pecah Panggung, oleh Azmi Ibrahim
Dewan Masyarakat, Bil 6/2012

[8 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian **bina 4 ayat terbitan** yang terdapat dalam petikan tersebut. Anda perlu **menyalin** semula ayat tersebut supaya menjadi **ayat terbitan yang gramatis dan tepat**.

Atiqah seorang yang bijak dan sepupunya juga seorang yang bijak. Atiqah akan belajar di England dan sepupunya belajar di England. Abang telah menghadiahkan Atiqah sebuah jam tangan sebagai meraikan kejayaan Atiqah melanjutkan pelajaran ke England. Orang tua Atiqah sangat gembira atas kejayaan Atiqah. Orang tua sepupu Atiqah sangat gembira atas kejayaan anak mereka.

Sumber: Internet

[8 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam Bahan 1, terdapat lima kesalahan kata terbitan manakala Bahan 2 terdapat tiga kesalahan frasa kerja pasif. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Penggunaan robot sebagai pengesan dalam pertanian bukan sahaja mampu menentukan keadaan cuaca, malahan berupaya memaklumkan jumlah air yang memerlukan tanaman. Untuk mendapatkan hasil ternakan udang yang menepati kehendak pelanggan, penternak perlu memastikan makanan yang mencukupi diberikan kepada udang. Kurang lengkap kunjungan seseorang pelancong yang bertandang ke Sarawak jika tidak dibawa pulang ke lapis Sarawak. Pihak kerajaan tempatan di kawasan itu sedang berusaha untuk memperlebarkan jalan agar kesesakan lalu lintas dapat diatasi. Kad pengenalan pertama yang bermutu tinggi dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara mempergunakan sistem separuh automatik.

Sumber : *Internet*

[5 markah]

Bahan 2

Kereta baharu yang ayah beli pada bulan Ogos yang lalu masih belum kami lihat kerana stok kereta itu tidak mencukupi. Pelbagai program telah kerajaan laksanakan untuk menyuburkan semangat patriotik dalam kalangan murid agar semangat itu tidak dilupakan oleh murid-murid. Kek yang dibuat oleh kamu semalam masih segar kerana bahan-bahan yang digunakan bermutu tinggi dan tidak mudah rosak.

Sumber: *Internet*

[6 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Berapa lamanya didengar oleh Patih Gajah Mada penjurit yang tujuh bersaudara yang dititahkan Seri Betara pergi ke Melaka itu sudah mati. Maka Patih pun hairan. Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. “ Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan,
Dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*.

[4 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua peribahasa sahaja**, kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut**.

Semangat kejiranan memainkan peranan penting untuk membentuk amalan bertolong-tolongan bagi aur dengan tebing dalam kalangan penduduk setempat. Antara aktiviti yang boleh dijalankan ialah gotong-royong kerana penduduk dapat mengamalkan konsep berat sama dipikul, ringan sama dijinjing dalam usaha membersihkan kawasan tempat tinggal. Dengan berbuat begitu, penduduk akan menikmati permuafakatan dan perpaduan nasional kerana jiran yang muafakat membawa berkat.

Sumber: *Internet*

[4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Usaha mengekalkan keharmonian negara yang memiliki masyarakat berbilang kaum dilihat bukan satu perkara mudah dan boleh dipandang enteng.

Setiausaha Agung Gerakan Belia 4B Malaysia, Mohamad Nazri Abdul Latiff berkata, kunci kepada perpaduan dan keharmonian kepelbagaian kaum antaranya adalah dengan menjunjung Perlembagaan Persekutuan. Menurutnya, dalam kehidupan masyarakat majmuk yang diamalkan di negara ini, semua pihak perlu memahami asal usul, menghormati serta menerima budaya, bahasa, agama dan cara hidup setiap bangsa. “Sekiranya kunci ini disematkan dalam dada setiap insan yang berada di bumi bertuah ini, sudah pasti keharmonian dapat berkekalan.

“Bagaimanapun, tidak dinafikan ada segelintir golongan yang bersikap dan bersifat ekstremis yang bertindak menabur fahaman perpecahan serta *menyemarakkan api perkauman* bagi mencetuskan suasana tidak aman dalam negara demi kepentingan peribadi,” Menurut beliau lagi sekiranya semua rakyat berpegang kepada kunci tersebut maka golongan yang sering mencetuskan perkauman dapat dibendung.

Dipetik dan diubah suai daripada “Perpaduan Kunci Keharmonian”
oleh Syajaratulhuda Mohd Rosni,
Sinar Harian, Februari 2020

Bahan 2

Mahasiswa perlu menjadi penggerak dalam memperkasakan semangat integrasi nasional dalam mengukuhkan semangat perpaduan dan penyatuan erat masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Walaupun kebelakangan ini sering kali tercetusnya isu yang boleh mengeruhkan hubungan antara kaum, mahasiswa perlu rasional dengan membuat penilaian bijak agar persengketaan yang berlaku tidak berlarutan lama sehingga menjejaskan keharmonian dan kestabilan negara.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang, Amirul Muhamad Afif berkata, sebagai golongan intelektual dan berpelajaran, mahasiswa tidak seharusnya terlalu taasub dalam sesuatu perkara terutamanya apabila timbul persengketaan yang melibatkan perbezaan fahaman serta pendapat. Menurutnya, isu perkauman, agama dan politik sempit sering menjadi modal tercetusnya ketegangan dan sekiranya perkara itu tidak ditangani dengan berhemah boleh mengundang kehancuran sekali gus merugikan masa depan golongan muda.

Dipetik dan diubahsuai daripada
“Mahasiswa penggerak usaha perkasakan integrasi nasional”
oleh, Amirul Muhamad Afif, *Sinar Harapan*, Februari 2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menyemarakkan api perkauman*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan usaha mengekalkan keharmonian negara?
[3 markah]
- (iii) Dewasa ini, perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat sangat dititikberatkan dan dipelihara oleh pelbagai pihak agar keadaan negara dalam keadaan harmonis.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu?
[3 markah]
- (iv) Keluarga anda akan mengadakan majlis rumah terbuka sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Majlis tersebut akan diadakan di kawasan perumahan tempat tinggal keluarga anda yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya.

Cadangkan kriteria-kriteria yang perlu ada pada anda dan keluarga anda lakukan ketika majlis rumah terbuka diadakan supaya majlis tersebut berjalan lancar.
[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**IKATAN PERPADUAN**

Malaysia bumiku Malaysia	Perpaduan
Terserlah aman dan maju negaranya	Menjadi simbolik kekuatan negara
Pelbagai rona budaya	Jika bercerai kita roboh
Melayu, Cina, India, Dusun, Bajau dan	Bersatu kita pasti teguh
etnik lain hidup bersama	Jika perpaduan diabaikan
Berpegangan dengan rasa cinta yang sama	Keharmonian negara pasti tergugat
Seperti sejenis persahabatan yang tak	Ekonomi negara pasti terkurai
terungkap	Ayuhlah, kita adalah insan satu gagasan
Biar tak sama budaya dan bahasanya	Gagasan satu Malaysia
Dan mesranya perhubungan	Kerana perpaduan itu
Itulah yang dinamakan perpaduan	Seperti sejenis syahdu yang bertiup lalu
	Tidak tergapai jika tiada kesepakatan
	Tragedi berdarah pasti berulang
	Namun, dengan kesepaduan dan perpaduan
	Kelangsungan kedamaian kaum
	Berkekalan hendaknya.

Sumber : *Internet*

Bahan 2

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah *mencalit sejarah hitam* dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

Dek benih penjajah yang menanam racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.

Akibatnya, darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan. Seperti kata bonda kepada saya setiap kali menjengah kalendar Mei pada wajah hari.

Dipetik daripada Cerpen Munsyi oleh Nazri,
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *mencalit sejarah hitam*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan kesan buruk yang diperoleh apabila semangat perpaduan tidak diamalkan oleh semua kaum.
[3 markah]
- (iii) Memupuk perpaduan kaum bukanlah tugas yang mudah. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan remaja.

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid?

[4 markah]

- (iv) Anda sekeluarga baru berpindah ke kawasan kejiranan di bandar yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Anda sekeluarga menghadapi masalah kerana belum mengenali penduduk di kawasan tempat tinggal anda. Anda dan sekeluarga ingin mengenali dan memahami penduduk di kawasan kejiranan tersebut supaya hubungan anda sekeluarga dengan penduduk di taman tersebut semakin erat dan harmonis.

Sebagai keluarga yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang dapat anda sekeluarga lakukan untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk di kawasan kejiranan tersebut.

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Dr. Maxi mengambil satu silinder logam sepanjang 6 cm dari celah-celah senjata yang lain. Dia menghulurkan silinder itu kepada Aqram.

“Kau boleh gunakan alat ini,” kata Dr. Maxi.

“Penetrator?” Aqram cuba dapatkan kepastian.

“Ya, aku rasa mungkin Farisha memiliki sejenis pendinding yang dipanggil WALL. Penetrator ini akan membantu kau untuk melemahkan WALL. Kau cuma perlu pastikan Farisha memegang penetrator ini selama lima belas saat,” terang Dr. Maxi.

Aqram membelek silinder logam yang berada dalam genggamannya. Terasa ringan, sejuk dan tiba-tiba Aqram tersentak apabila melihat penetrator itu berubah dan telah bertukar bentuk menjadi aiskrim! Dr. Maxi ketawa.

“Aku rasa kau tengah berfikir tentang aiskrim tadi. Begitulah caranya untuk menggunakan penetrator. Kau cuma perlu fikirkan sesuatu dan penetrator itu akan berubah bentuk menjadi seperti objek yang kau fikirkan tadi,” kata Dr. Maxi.

“Saya rasa, saya tahu tindakan yang perlu saya lakukan esok,” ujar Aqram. Nada suaranya lebih yakin kali ini.

Dipetik daripada Novel *Di Sebalik Dinara*
Karya Dayang Noor, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan keistimewaan yang terdapat pada penetrator yang dicipta oleh Dr. Maxi.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. *Di Sebalik Dinara, Karya Dayang Noor*
- b. *Silir Daksina, Karya Nizar Parman*
- c. *Jendela Menghadap Jalan, Karya Ruhaini Mandarin*
- d. *Pantai Kasih, Karya Azmah Nordin*

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang boleh dijadikan panduan hidup oleh pembaca.

[4 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

Baca **petikan dan gambar** di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Perpaduan negara merujuk kepada satu bentuk penyatuan pelbagai kelompok yang mempunyai latar belakang sosial, agama, budaya, dan bahasa yang berbeza, di bawah satu bentuk identiti nasional yang lebih khusus serta dapat diterima oleh majoriti golongan di negara ini. Memandangkan terdapat perbezaan yang begitu ketara dalam kalangan kaum, usaha yang lebih positif perlu dilakukan untuk mewujudkan masyarakat yang bekerjasama, bertolak-ansur, tolong-menolong dan seterusnya bersatu padu. Sejarah telah membuktikan kegagalan mewujudkan perpaduan antara kaum akan membawa kepada isu perkauman. Jika kita menyingkap kembali dasar pendidikan negara pada zaman pemerintahan penjajah, memang didapati ada usaha pihak penjajah untuk memecahbelahkan perpaduan kaum di negara ini sehingga membentuk semangat perkauman yang menebal.

Menyedari hakikat ini, maka diperkenalkan Penyata Razak 1956 yang bertujuan menyatukan semua pelajar daripada pelbagai bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Laporan Rahman Talib 1960 telah mengukuhkan lagi Penyata Razak melalui sistem persekolahan dan kurikulum sekolah yang sama. Matlamatnya sama, iaitu memupuk perpaduan agar tragedi 13 Mei 1969 tidak berulang lagi. Hal ini penting kerana golongan inilah yang akan menjadi penentu hala tuju negara.

Selain itu, perpaduan dapat disemai dalam kalangan pelajar melalui penghayatan dan rasa bangga menjadi warganegara Malaysia. Perasaan ini dapat dipupuk ketika guru mengajar mata pelajaran Sejarah atau melalui aktiviti kuiz kenegaraan atau Larian Jalur Gemilang. Kita juga dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum dengan cara memupuk dan menghayati semangat setia kawan, tolak ansur dan toleransi di sekolah. Keadaan ini dapat dicapai ketika menyambut perayaan pelbagai kaum di Malaysia dan sekali gus menimbulkan sentimen perpaduan dan semangat bekerjasama dalam kalangan pelbagai kaum.

Dalam bidang akademik, sentimen perpaduan dapat kita bangkitkan di sekolah dengan menekankan nilai-nilai rohani dan budaya bersama-sama dengan pelbagai kaum. Nilai-nilai ini dapat kita salurkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Dasar penubuhan sekolah wawasan yang menggabungkan ketiga-tiga sekolah rendah iaitu SRK, SRJK(C) dan SRJK(T) turut menyumbang ke arah perpaduan antara kaum yang sanggup berkongsi dalam pelbagai aspek seperti segala kemudahan, bergaul ketika bersukan, makan

di kantin atau semasa hari terbuka.

Kegiatan kokurikulum di sekolah juga mampu memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar melalui aktiviti pelbagai kaum seperti keluarga angkat, persatuan dan badan beruniform. Melalui cara ini, maka perpaduan dan integrasi nasional dapat dicapai dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia dan seterusnya melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Kesimpulannya, perpaduan dan integrasi nasional sangat penting dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Perpaduan dan integrasi ini akan melahirkan masyarakat Malaysia yang harmoni, saling bekerjasama dan persefahaman, serta sentiasa menghayati perjanjian sosial yang telah dipersetujui sejak awal kemerdekaan lagi. Usaha untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi perlu disahut oleh setiap lapisan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Pelajar,
Dewan Siswa, Mac 2006

Bahan 2- Gambar



KEBAIKAN PERPADUAN DALAM MASYARAKAT

DAPAT MENGELAKKAN SEMANGAT ASSABIAH

DAPAT MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGARA

DAPAT MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK

Sumber : *Internet*

KERTAS SOALAN TAMAT

TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **kata akronim** dan **dua kata ganda**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Menurut mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin langkah menjadikan prasekolah sebagai dasar pendidikan negara mampu mengatasi isu kemunduran murid. Sebelum ini memang tiada satu sistem, untuk prasekolah sedangkan ada bermacam-macam prasekolah yang disediakan oleh pihak swasta serta Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas). Apabila wujud sistem yang seragam ini, pastinya lebih 200,000 lagi kanak-kanak dijangka dapat mengikut pendidikan prasekolah menjelang 2021 hasil perincian Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) ketiga yang mahu memperluas akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Setiap tahun kira-kira 500,000 kanak-kanak mendaftar memasuki tahun satu, tetapi lebih kurang 200,000 yang belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

Dipetik dan diubah suai daripada "Koleksi Rencana Umum untuk Rujukan Karangan SPM dan STPM Jilid 2" oleh Hj. Samat Buang.

[8 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Pisahkan **ayat majmuk** yang bergaris kepada 6 **ayat tunggal**.

Kejayaan Kolej Vokasional (KV) Keningau, Sabah di persada dunia merupakan manifestasi penglibatan secara aktif pelajar KV Keningau dalam inovasi dan pengantarabangsaan sejak tahun 2016. Kejayaan yang diraih, sama ada oleh tenaga pengajar mahupun pelajar, kamiabadikan dalam *Facebook* sekolah untuk tatapan umum. Kami warga KV Keningau berpegang pada slogan “Rancang apa-apa yang ingin dibuat, buat apa-apa yang dirancang dan buktikan”. Kami juga mempunyai tenaga pengajar yang kreatif, inovatif dan berdedikasi yang memastikan kelangsungan kecemerlangan KV Keningau dalam bidang inovasi.

Dipetik dan diubah suai daripada KV Keningau di Puncak Dunia,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, ms-168m,
Dewan Bahasa dan Pustaka

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat **lima kesalahan bahasa** manakala, petikan 2 terdapat **enam kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Rakyat yang cetek jati dirinya serta terlalu berkiblat maklumat melalui media sosial lebih cenderung untuk dipengaruhi dan dipecahbelahkan. Malah, terkini pun, sebahagian rakyat lebih terpengaruh terhadap maklumat yang tidak sahih. Wujud pula bibit-bibit ‘menjemput’ campur tangan negara luar dalam pentadbiran di negara ini, sedangkan sesebuah negara mempunyai kedaulatan serta perundangan dan pentadbirannya sendiri. Justeru, semangat patriotisme perlulah terus disemat di setiap hati sanubari warganegara dan perlu dihayati bila-bila masa dan di mana juga berada.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Perkukuh Benteng Patriotisme, Jati Diri’
oleh Dr Ismail Sualman, *Berita Harian*

[5 markah]

Petikan 2

Menurutnya, Malaysia adalah sebuah negara yang memiliki masyarakat dengan latar belakang yang berbeza, justeru rakyat di negara ini perlu mempunyai asas kukuh dalam nilai perpaduan demi untuk mengekalkan keharmonian generasi akan datang. “Pengenalan program pendidikan kenegaraan adalah penting sangat. Untuk itu, rakyat perlu melihat ilmu kenegaraan sebagai benteng yang akan memastikan negara ini sentiasa dipandu secara terbaik oleh generasi muda yang berkualiti dan bertanggung jawab. Banyak kelebihan apabila generasi muda, terutama yang masih belajar memiliki pengetahuan kenegaraan yang tinggi.” Katanya.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Melahir Generasi Patriotik’
oleh Nurul Hidayah Bahaudin, *Harian Metro*

[6 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis petikan tersebut semula dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah hari siang pun maka orang kaya-kaya itu pun datang mengadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung, “Hai Temenggung, tiadakah menyuruh orang berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik ada menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba pun hairanlah akan penjurit itu.”

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antalogi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan dengan teliti. Senaraikan **dua peribahasa**, kemudian berikan **peribahasa lain** yang sama maksud atau hampir **sama maksud** dengan peribahasa tersebut.

Ibu bapa harus menunjukkan tatasusila yang terpuji pada setiap masa agar menjadi contoh yang baik kepada anak-anak. Ibu bapa sebagai suri teladan anak-anak perlu menunjukkan budi pekerti yang baik jika mahu melahirkan anak-anak yang berbudi pekerti kerana bagaimana acuan begitulah kuihnya. Biasanya tingkah laku ibu bapa akan menjadi ikutan anak-anak. Oleh hal yang demikian, ibu bapa hendaklah sentiasa menunjukkan contoh yang baik dan mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni sejak kecil. Ibu bapa yang baik akan melahirkan anak-anak yang baik juga kerana kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau. Pada masa yang sama, mereka akan sentiasa menjaga nama baik ibu bapa mereka.

Sumber : *Internet*

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 markah]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Mengikut catatan sejarah (Rentap – Wikipedia, the free encyclopedia), Rentap atau nama sebenarnya Libau dilahirkan di Skrang di bahagian kedua negeri Sarawak.

Beliau ialah salah seorang pahlawan kepada Orang Kaya Pemancha Dana ‘Bayang’ yang sering mengetuai serangan ‘ngayau’ di kawasan selatan Sarawak hingga ke kawasan muara Sungai Kapuas.

Apabila Orang Kaya Pemancha Dana sudah terlalu tua, maka Rentap mengambil alih mengetuai beberapa serangan di kawasan Lautan Sambas dan Pontianak, Indonesia. Atas keberanian dan kepahlawanan beliau maka Rentap menjadi terkenal sebagai seorang pahlawan handal dan juga menentang pemerintahan Rajah James Brooke.

Dipetik dan diubah suai daripada “Sejarah Bukit Sadok dan Panglima Rentap”
Oleh Saleman Senin, 7 Mei 2014, *Utusan Borneo online*

Bahan 2**Dato’ Bahaman (1868-1931)**

Dalam darah keturunan Melayu mengalir semangat kepahlawanan Dato’ Hang Tuah. Semangat ini *takkan pernah hilang* dan luntur. Inilah yang dibuktikan oleh Dato’ Bahaman ketika bangkit mengetuai penentangan terhadap British di negeri Pahang pada tahun 1892. Tanpa gentar dan takut Dato’ Bahaman menentang pelaksanaan undang-undang barat yang telah mengetepikan adat resam orang Melayu. Pada usianya 24 tahun, Dato’ Bahaman (Orang Kaya Semantan) dengan lantang menyuarakan bantahan terhadap pelaksanaan undang-undang tersebut serta ketidakadilan terhadap masyarakat Melayu pada waktu itu. Semangat keperwiraan Dato’ Bahaman amat dikagumi, walaupun tanpa kekuatan senjata yang mencukupi, beliau tetap berupaya mempertahankan orang Melayu di negeri Pahang.

Dipetik dan diubah suai daripada “Tokoh Negara Malaysia Dato’ Bahaman”,
oleh penulis blog penatokoh.blogspot.com,
3 Februari 2014

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *takkan pernah hilang*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan tokoh pejuang yang terdapat dalam petikan.
[3 markah]
- (iii) Generasi muda pada zaman sekarang kurang mempunyai semangat juang seperti tokoh pejuang yang lalu.
Pada pendapat anda, bagaimanakah generasi muda memupuk semula semangat juang ini?
[3 markah]
- (iv) Anda terlihat beberapa orang pelajar sebaya anda sedang menconteng lukisan gambar-gambar tokoh pejuang kemerdekaan.
Apakah tindakan anda untuk menghentikan perbuatan pelajar tersebut?
[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Negaraku Merdeka Negaraku tetap merdeka Walau dalam genggam bara Walau dalam tangis duka Walau dalam cemas bersama Negaraku tetap merdeka Walau ada yang cuba menderhaka Walau ada yang mengkhianati negara Walau ada sekongkol musuh durjana Negaraku tetap merdeka Kerana ada anak Malaysia Berbangga dengan negaranya Berjuang hingga akhir nafasnya Salam Kemerdekaan Dr.Zambry A.Kadir 30 Ogos 2014

Bahan 2**Jalur Gemilang**

Merahmu bara semangat waja
 Putihmu bersih budi pekerti
 Kuning berdaulat payung negara
 Biru perpaduan kami semua

Jalur gemilang.... Di bawah naunganmu
 Jalur gemilang.... Kami semua bersatu
 Perpaduan ketaatan
 Amalan murni rakyat Malaysia

Puncak dunia telah kau tawan
 Lautan luas telah kau redah
 Membawa semangat jiwa merdeka
 Semarak jaya kami warganya
 Empat belas melintang jalurnya
 Semua negeri dalam Malaysia
 Satu suara satu semangat
 Itu sumpah warga berdaulat

Jalur gemilang....megah kami terasa
 Jalur gemilang....kibarlah wawasan
 Merah putih biru kuning
 Jalur semangat kami semua
 Berkibarlah
 Berkibarlah
 Berkibarlah
 Jalur gemilang

Bahan 3

TUNKU : Kedatangan kami kemari adalah untuk membincangkan status Tanah Melayu. Kami berpendapat bahawa sudah tiba masanya untuk pihak British menyerahkan Tanah Melayu kepada penduduknya.

PEGAWAI 1: Adakah kamu merasa sudah mampu untuk mentadbir Tanah Melayu?

TUNKU : Kami yakin mampu mentadbir Tanah Melayu.

DPBG : Penduduk di Tanah Melayu mampu bekerjasama dan hidup aman damai. Pihak raja-raja di Tanah Melayu telah bersatu dengan rakyat untuk memastikan kesepakatan dalam hal ini dapat dicapai.

PEGAWAI 3: Bagaimana dengan kepentingan British di Tanah Melayu?

TUNKU : Pihak British jangan bimbang kami Cuma mahukan kemerdekaan Tanah Melayu. Kepentingan pihak British di Tanah Melayu iaitu semua perniagaan masih boleh dijalankan seperti biasa.

PEGAWAI 1: Pihak kami berjanji akan memenuhi permintaan itu.

PEGAWAI 3: Kita telah mencapai kata sepakat berhubungan perkara ini. Perjanjian ini kita namakan perjanjian London dan persekutuan Tanah Melayu akan mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Dipetik daripada, Langkah kemerdekaan
 Karya Aiza Mira, *Blogger Planet Karya Kreatif*.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *musuh durjana*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan-kepentingan menyambut bulan kemerdekaan.

[4 markah]

- (iii) Penghayatan erti kemerdekaan dalam kalangan generasi muda masa kini semakin luntur.

Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya generasi muda masa kini memandang remeh terhadap sambutan bulan kemerdekaan?

[3 markah]

- (iv) Sekolah anda mengadakan sambutan bulan kemerdekaan peringkat sekolah. Namun begitu, tidak semua pelajar menyertai aktiviti yang dianjurkan. Hal ini menunjukkan kurangnya semangat patriotik dalam kalangan pelajar khususnya pada masa kini.

Sebagai pengerusi kelab dan persatuan sejarah, apakah aktiviti yang boleh anda laksanakan semasa bulan kemerdekaan yang dapat menarik minat murid untuk mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang dianjurkan?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Terbit juga rasa kesal di hati Azraai kerana terpaksa berbohong kepada doktor yang merawat adiknya sendiri. Namun, dia membuang rasa itu jauh-jauh kerana ini ialah janjinya kepada arwah ibu dan ayah. Dia juga perlu patuh kepada surat amanah yang ditinggalkan bersama-sama Farisha. Semua mikrocip itu mesti kekal di dalam tubuh Farisha dan dia mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan.

Dipetik daripada Novel *Di Sebalik Dinara* Karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan sebab-sebab Azraai terpaksa berbohong kepada doktor yang merawat adiknya.

[4 markah]

ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. Di Sebalik Dinara, Karya Dayang Noor*
- b. Silir Daksina, Karya Nizar Parman*
- c. Jendela Menghadap Jalan, Karya Ruhaini Mandarin*
- d. Pantai Kasih, Karya Azmah Nordin*

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan **dua** peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

SOALAN 9 : RUMUSAN

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 : Petikan

Patriotisme adalah sangat penting kepada rakyat setiap negara di seluruh dunia. Patriotisme bukan sahaja sekadar luahan perasaan tetapi perlu dihayati oleh setiap warganegara. Patriotisme juga bukan sekadar semangat, tetapi juga merupakan sesuatu yang agung yang melibatkan soal keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan.

Nasionalisme ialah gerakan mencipta masyarakat yang lebih terbuka untuk mendapatkan kebahagiaan perseorangan, bagi menjamin kemerdekaan warganegara dan membebaskan akal dan fikiran. Dengan kata lain, nasionalisme itu adalah satu semangat. Oleh itu, kebudayaan seperti agama, bahasa dan lain-lain boleh menimbulkan semangat nasionalisme. Elemen-elemen tersebut mampu mewujudkan semangat yang dapat melahirkan satu identiti baharu bagi negara yang dijajah. Semangat nasionalisme juga dapat melahirkan perasaan bersatu padu antara rakyat yang dijajah.

Secara keseluruhannya, nasionalisme bertujuan untuk membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing. Namun begitu pengertian nasionalisme dalam konteks selepas merdeka pula lebih menjurus sebagai satu perjuangan bagi mempertahankan maruah dan meninggikan martabat serta kedaulatan negara. Semangat patriotisme merupakan nadi kepada kebebasan, kemerdekaan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara.

Kurangnya semangat patriotisme dalam kalangan rakyat sesebuah negara akan membawa kepada kegoyahan dan penderitaan kepada rakyat. Patriotisme juga akan melahirkan rakyat yang akan berkhidmat dengan cekap, yakin dan jujur dalam tindakan mereka seperti yang diungkap oleh Presiden Theodore Roosevelt (1969): “Semangat patriotik akan menjadikan seseorang itu berkhidmat demi negaranya dalam apa jua keadaan pun, adalah dianggap tidak patriotik kalau tidak bercakap benar, sama ada berhubung dengan presiden ataupun berhubung dengan sesiapa saja.” Oleh itu, semangat patriotisme yang tinggi perlu ada dalam diri rakyat yang menjadi tonggak utama kepada pembangunan sesebuah negara. Tanpanya negara akan musnah dan hancur bukannya kerana diserang musuh tetapi kemusnahan adalah disebabkan kegagalan rakyat untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap negara.

Semangat patriotisme terhadap negara tidak sewajarnya hanya timbul dalam perjuangan menuntut kemerdekaan atau apabila negara berada dalam ancaman musuh semata-mata.

Dalam keadaan aman, umpamanya, semangat patriotisme seharusnya menjadi pendorong kepada setiap rakyat yang cinta akan negara untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya. Lantaran itu, bagi mengembalikan semangat patriotisme, sejarah dan sivik mesti dijadikan sebagai landasan kerana melaluinya manusia dapat mempelajari segala liku-liku yang terpaksa ditempuhi oleh generasi sebelumnya untuk mewariskan sebuah kehidupan bagi generasi berikutnya.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Patriotisme Bukan Sekadar Semangat'
Oleh Ku Hasnan Ku Halim, *sinarharian.com*, 31 Ogos 2020

Bahan 2 : Grafik



KERTAS SOALAN TAMAT

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**
[35 markah]**SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata kerja**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Teknologi hijau atau lebih dikenali sebagai teknologi mesra alam menggariskan pelbagai kaedah untuk mengurangkan impak kepada alam sekitar. Secara ringkasnya, teknologi hijau ialah aplikasi sains alam sekitar untuk memulihara sumber dan alam semula jadi bagi menangani impak negatif aktiviti manusia. Selain itu, teknologi hijau memastikan pembangunan mapan dan pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang, dan meningkatkan pendidikan, serta kesedaran awam terhadap teknologi hijau.

Dipetik dan diubah suai daripada Teknologi Hijau Melestarikan Alam
Oleh Haji Samat Bin Buang
Koleksi Rencana Umum, Jilid 6

[6 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, **bina enam ayat penyata** yang gramatis. Ayat penyata yang dibina hendaklah menggunakan *frasa yang berhuruf condong*.

Kegemukan atau obesiti merupakan sindrom yang sedang menular dalam kalangan masyarakat Malaysia. Sindrom ini bukan sahaja memberikan kesan buruk kepada penampilan diri, malah berisiko membawa *masalah kesihatan*, seperti penyakit jantung, diabetes, strok dan *darah tinggi*. Umum mengetahui bahawa obesiti bukan hanya melibatkan orang dewasa, tetapi juga *golongan kanak-kanak*. Antara faktor utama yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada masalah itu termasuklah gaya pemakanan sehari-hari. *Makanan segera* senang diperoleh kerana banyak *restoran makanan segera* wujud di Malaysia. Hal ini memudahkan kanak-kanak memilih makanan tersebut sebagai *menu pilihan utama* untuk dimakan.

Dipetik daripada “Gemuk Bukan Bererti Sihat”
Oleh Azmi Ibrahim
Dewan Pelajar, Nov 2016.

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam Bahan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala bahan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1

Kesedaran tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar merupakan asas kepada perubahan amalan hidup masyarakat tentang pelaksanaan tanggung jawab yang menjurus ke arah cintakan alam sekitar. Hasil kajian-kajian sebelum ini menunjukkan tahap kesedaran alam sekitar masyarakat Malaysia masih berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan negara maju seperti Jepun, Denmark dan Jerman (Jabatan Alam Sekitar Malaysia 1997). Sikap orang awam terhadap isu alam sekitar amat membimbangkan. Hasil kajian awal menunjukkan kebanyakan orang awam menganggap peranan menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab kerajaan. Masyarakat lebih peka terhadap isu-isu alam sekitar terutamanya yang hampir kepada mereka namun kesedaran untuk terlibat mengatasi masalah tersebut terlalu minima.

[6 markah]

Bahan 2

Bahan maujud sering digunakan dalam bidang fizik untuk mengenalpasti daya yang bertindak pada sesuatu objek. Penggunaan bahan maujud membantu murid memberikan tentang gambaran yang lebih jelas. *I-Force* merupakan inovasi bahan maujud bagi membantu murid menguasai kemahiran asas konsep keseimbangan daya. *I-Force* digunakan untuk menentukan arahdaya yang bertindak ke atas objek pegun pada satah condong, satah menguffuk, dan tergantung pada tali.

[5 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan yang sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Diddy merupakan seorang anak yang degil dan tidak mendengar nasihat ibu bapanya. Segala nasihat ibu bapanya tidak diendakkannya dan dia sering melakukan sesuatu perkara mengikut perasaannya serta tidak memikirkan kesan buruk yang akan menimpa dirinya suatu hari nanti. Dia sering memandu keretanya dengan laju dan dalam keadaan bahaya. Namun begitu, selepas dia terlibat dalam kemalangan jalan raya yang menyebabkan kakinya patah, barulah dia menyesal dan sedar akan kedegilannya. Namun begitu, penyesalannya itu sudah terlambat. Selain itu, semua kawannya yang selalu mendampingiya selama ini sudah mula menjauhkan diri.

Sumber : *Internet*

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Satu cara yang berkesan untuk membudayakan inovasi dalam kalangan warganegara Malaysia adalah melalui penerapan dan penekanan inovasi dalam pendidikan. Kebanyakan negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan Perancis, telah mengaplikasikan sistem pendidikan yang berupaya memupuk budaya inovasi pada peringkat sekolah lagi. Di negara kita, usaha penerapan budaya inovasi pada peringkat sekolah mula diberikan penekanan dalam kalangan murid agar seiring dengan keperluan negara *untuk mencapai* negara maju dan menghadapi Revolusi Industri 4.0 yang bakal mengubah cara kehidupan manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada Inovasi Kreatif Memacu Kejayaan Pendidikan Khas
Oleh Hayati Adilin, *Dewan Siswa*, Bil.1/2019

Bahan 2

Malaysia harus menjadi negara yang berinovasi, mencipta serta membangunkan teknologi dan bukan lagi sebagai pengguna teknologi. Oleh itu, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 turut menggariskan agenda bagi memperkasakan pembangunan teknologi tempatan dan pembudayaan STI untuk mewujudkan masyarakat yang mampu mengaplikasikan sains dan teknologi dalam kehidupan seharian. Dalam

tempoh 10 tahun ini, pelbagai strategi dan usaha di dalam pelan tindakan STI yang komprehensif akan dilaksanakan bagi memastikan matlamat menjadi negara berteknologi tinggi tercapai. Usaha ini memerlukan komitmen dan sokongan padu dari pelbagai pihak melibatkan agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri, industri, sekolah dan masyarakat.

Dipetik daripada Buku Dasar Sains, Teknologi Dan Inovasi Negara

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *untuk mencapai*.
[2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan usaha-usaha untuk menerapkan budaya sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan rakyat Malaysia.
[3 markah]
- iii. Revolusi Industri 4.0 bakal mengubah cara kehidupan manusia.
Pada pendapat anda, apakah yang menyebabkan keadaan ini berlaku?
[3 markah]
- iv. Kumpulan anda diminta untuk menyiapkan projek inovasi pada masa yang ditetapkan. Namun, tugas tersebut tidak berjaya diselesaikan.

Sekiranya kumpulan anda diberikan peluang kedua untuk menyiapkan projek yang sama dalam masa yang ditetapkan, cadangkan langkah-langkah untuk memastikan tugas tersebut dapat diselesaikan.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**Aku membaca lagi**

Aku mendongak langit
membaca garis dan titik
menaakuli kebesaran-Mu
di bawahnya gumpulan mega

hembasan bayu dan banjaran gunung.
Kuselusuri alam kicauan burung
desiran ombak dan wajah pelangi
mewarnai kehidupan umat-Mu

Aku mendongak lagi
membaca langit
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh
dahan dan ranting terkulai

daun-daun berguguran
helai demi helai
di lantai tanah airku yang makmur

Aku membaca langit
Kutemui
bulan dan bintang menangis
meratapi luka nasib bangsa

Aku mendongak lagi
menitis air mata langit
membasahi bahasa Melayuku
yang berdarah.

Razali Mohd Yussof.

Bahan 2

Pada era globalisasi ini, pendidikan dalam semua lapisan masyarakat semakin penting dan diutamakan. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam memupuk amalan membaca namun, budaya membaca dalam masyarakat masih rendah. Melalui pembacaan, seseorang dapat memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan yang secara tidak langsung dapat membantu memajukan negara. Dengan ini, isu budaya membaca dalam kalangan masyarakat tidak boleh dipandang ringan. Jika budaya tersebut dibiarkan begitu sahaja hasrat masyarakat untuk menjadikan negara kita negara maju pasti akan terganggu. Pengamalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat akan mendatangkan pelbagai faedah terhadap diri kita. Oleh itu, semua lapisan masyarakat haruslah berusaha mengamalkan budaya membaca kerana Membaca Jambatan Ilmu.

Sumber : Kepentingan amalan membaca
Sinar Harapan

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mewarnai kehidupan umat-Mu*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kepentingan-kepentingan amalan membaca dalam kalangan masyarakat ?

[4 markah]

- (iii) Ilmu pengetahuan yang luas sangat penting dalam kalangan masyarakat dengan mengamalkan amalan membaca. Namun begitu, masih terdapat remaja yang kurang membaca dalam kehidupan seharian mereka.

Pada pendapat anda, apakah faktor remaja kurang mengamalkan amalan membaca?

[3 markah]

- (iv) Ramai pelajar menganggap membaca sebagai satu aktiviti yang tidak menyeronokkan dan membosankan. Sikap ini harus dihindar oleh pelajar kerana sikap ini akan merugikan diri sendiri.

Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah cara anda memupuk semangat amalan membaca dalam diri sendiri ?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Akhirnya, Farisha memasuki perut pesawat kira-kira sepuluh minit sebelum masa berlepas. Dia menyimpan beg beroda di ruang simpanan, mengambil tempat, memasang tali pinggang keselamatan, dan terus memejamkan mata. Seluruh sendi dan ototnya terasa lenguh. Dia bangun jam 4.30 pagi tadi. Dia mengambil penerbangan paling awal dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru dan kini berada dalam penerbangan paling akhir untuk pulang. Untung juga mesyuarat di Nusa Jaya berjalan lancar, jika tidak mungkin dia terpaksa menginap di hotel untuk beberapa hari.

Dipetik daripada Novel *Di Sebalik Dinara*

Karya Dayang Noor

Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Farisha apabila masuk ke dalam pesawat.

[4 markah]

- ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin*
- Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip*
- Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor*
- Silir Daksina, karya Nizar Parman*

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan peristiwa yang boleh menarik perhatian pembaca dalam novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN [30 MARKAH]

SOALAN 9 : RUMUSAN

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1 – Petikan

Inovasi dan kreativiti pada hari ini menjadi perkataan keramat yang mula mendapat perhatian dan telah digerakkan di pelbagai peringkat sama ada individu persatuan, sektor awam, dan syarikat swasta. Penerapan budaya inovasi dan kreativiti akan dapat melahirkan generasi yang berfikir kelas pertama dalam abad ke-21 ini untuk bersaing di peringkat global. Rakyat mula menyedari akan manfaat inovasi dan kreativiti sebagai penyelesaian masalah dalam kehidupan rutin seharian. Sehubungan dengan itu, langkah untuk menyemai budaya inovasi dan kreativiti perlu dilakukan secara menyeluruh dari bangku sekolah, universiti, industri serta kerajaan. Dalam sektor perkhidmatan awam, kerajaan telah menetapkan bahawa agenda transformasi negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti. Sebagai peneraju agenda transformasi negara, perkhidmatan awam perlu memacu program terancang bagi kejayaan agenda transformasi merentasi semua sektor dalam negara.

Dalam sistem pendidikan pula, budaya inovasi dan kreativiti turut diberikan keutamaan dengan meningkatkan kualiti sistem pendidikan dan menjadikannya bertaraf dunia, sekaligus mengemudi negara ke arah mencapai kejayaan yang lebih besar. Lantaran itu, kerajaan turut melaksanakan transformasi terhadap bidang pendidikan dalam persekitaran global yang berdaya saing. Ekoran daripada itu, pada tahun 2012, tema Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara telah dipilih sebagai galakan kepada guru menyuburkan inovasi dalam sekolah.

Bagi menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti, rancangan TV realiti yang menjadi trend terkini di Malaysia sepatutnya dijadikan platform untuk menyemai budaya inovasi ini. Dengan adanya banyak rancangan TV realiti yang berbentuk inovasi, tahap kreativiti dan pemikiran rakyat Malaysia akan mampu dijana setaraf dengan bangsa maju lain di dunia. Secara tuntas, kerajaan akan sentiasa menyokong budaya inovasi dan kreativiti dalam pelbagai bidang kehidupan bagi menjadikannya landasan dan pemacu untuk pembangunan negara. Tegasnya, budaya inovasi dan kreativiti harus diarusperdanakan bagi memperkasakan masyarakat ke arah mencapai satu negara yang inovatif dan maju.

Dipetik dan diubah suai daripada Menyemarakkan Budaya Inovasi dan Kreativiti
Oleh Haji Samat Bin Buang
Koleksi Rencana Umum, Jilid 4

Bahan 2 - Grafik



Sumber : *Internet*

KERTAS SOALAN TAMAT

TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata adjektif terbitan sisipan** dan **satu kata adjektif terbitan awalan** dan **satu kata adjektif penggandaan berentak**. Kemudian anda dikehendaki membina **ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Bayangkan suatu temasya sukan, kesepian tanpa sorakan dan bunyi gemuruh sudah pasti amat membosankan. Sebenarnya, pasukan yang gemilang dan terpuji ialah pasukan yang ada sorak-sorai yang kreatif dan mempunyai unsur kecindan. Setiap pasukan akan memastikan atlet yang disokong berjuang “*agi idup agi ngelaban*” dengan sorak-sorai yang menggabungkan gerakan badan dengan seruan dan ungkapan pembakar semangat. Oleh itu pasukan sorak memang relevan.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kitalah Juara”

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,

Hal 3, Kementerian Pendidikan Malaysia.

[8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, tukar **ayat pasif** yang bergaris kepada **ayat aktif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Jika langkah yang berkesan tidak diambil oleh pihak yang terbabit, kita pasti akan berhadapan dengan pelbagai kesan negatif dalam jangka masa panjang. Satu daripada langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memelihara keindahan alam sekitar ialah mewujudkan hutan simpan kekal. Hutan simpan kekal tersebut akan diurus dan diklasifikasikan di bawah empat fungsi utama, iaitu sebagai hutan perlindungan, hutan berhasil, hutan lipur dan hutan penyelidikan dan pembelajaran. Sementara itu, taman negara juga dilindungi oleh kerajaan supaya biodiversiti semula jadi kawasan berkenaan dipelihara dan dikekalkan.

Dipetik dan diubah suai daripada Memelihara Alam Sekitar

Oleh Samat Buang

Dewan Siswa, Disember 2016

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi 11 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Sungai Kim Kim yang didakwa dicemari 'tompokan hitam' sejak belakangan ini, didapati sudah tidak lagi berbau dan kembali ke paras julat normal hari ini, menurut Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor. “Seramai 15 anggota penguatkuasa JAS yang diketuai saya telah ke lokasi kejadian di Sungai Kim Kim Pasir Gudang pada pukul 10.30 pagi tadi untuk melakukan siasat kes aduan pencemaran sungai berwarna hitam yang diterima lewat petang semalam”. Sehubungan itu, Famey mengingatkan kepada semua pihak untuk tidak melakukan aktiviti yang boleh menjejaskan kualiti sungai dan udara. Beliau turut menyeru orang awam agar memberikan kerjasama dengan menyampaikan aduan atau maklumat kepada JAS jika berlaku sembarang pencemaran supaya siasatan dapat dilakukan dengan segera sebelum bukti pencemaran hilang di lokasi kejadian. Semalam genap ulang tahun kedua tragedi pencemaran Sungai Kim Kim yang menjejaskan ribuan pelajar sekolah serta masyarakat sekitar Pasir Gudang. Seorang penduduk Kampung Bukit Pulai Pasir Gudang yang terkenal sebagai Satria, mendakwa yang dia dapat menghidu bau busuk seperti yang dialaminya dua tahun lepas ketika hujan turun petang semalam.

Dipetik dan diubah suai daripada
Tiada lagi Tompokan Hitam di Sungai Kim Kim – JAS Johor
8 Mac 2021, *BERNAMA*

[11 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadu dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
Dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Kehidupan Zakiah sekeluarga tidaklah senang seperti orang lain. Suaminya tidak mempunyai pekerjaan tetap. Oleh itu pendapatan suami Zakiah juga tidak menentu kerana jika ada kerja barulah ada wang upah yang diperoleh. Tetapi Zakiah sebagai isteri tidaklah berdiam diri mengharapkan suami semata-mata. Zakiah melakukan pelbagai kerja seperti mengambil upah menjahit dan menjual kuih-muih demi menambah pendapatan keluarga. Zakiah juga berusaha mempelajari cara-cara menggubah bunga kerana gubahan bunga mendapat permintaan yang tinggi. Bagi Zakiah kalau ada minat dan kesungguhan, sesuatu kerja itu boleh membawa rezeki yang baik. Zakiah gigih mempelajari teknik gubahan bunga yang menarik melalui media sosial seperti melayari Youtube.

Sumber : Internet

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Penggunaan tenaga amat penting dan agak tinggi di negara ini. Tanpa tenaga, manusia sukar menjalankan aktiviti seharian. Satu teknologi dicipta untuk mendapatkan tenaga daripada radiasi cahaya matahari ini dinamakan tenaga solar. Tenaga solar merupakan satu daripada tenaga boleh diperbaharu dengan menggunakan sinaran matahari. Tenaga matahari digunakan untuk menghasilkan tenaga elektrik melalui enjin pemanasan dan panel solar fotovoltai. Solar panel digunakan untuk menukarkan cahaya matahari kepada tenaga elektrik. Kaedah ini mampu menghasilkan voltan arus secara terus. Tenaga solar digunakan untuk membekalkan tenaga elektrik ke pedalaman. Penggunaan tenaga solar mungkin *memberikan impak* kepada penurunan permintaan tenaga elektrik, sekali gus memberikan keseimbangan ekonomi negara pada masa hadapan. Bagi organisasi yang mempunyai kawasan lapangan, projek tenaga solar mampu menjanakan pendapatan dalam tempoh sekurang-kurangnya lima tahun.

Dipetik dan diubah suai daripada Tenaga Mesra Alam Lestarian Kehijauan Bumi,

Oleh Prof Madya Dr. Saunah Zainon

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar>

Bahan 2

Tenaga hidro berasal daripada air mengalir dan boleh diubah menjadi tenaga elektrik. Tenaga boleh diperbaharu ini mampu menampung keperluan pertanian. Tanah Malaysia yang kaya dengan flora dan fauna telah menjadikan negara kita sebagai kawasan yang mempunyai bekalan air yang berterusan. Hampir 90 peratus daripada sumber tenaga yang diperbaharu datang daripada kuasa hidro. Empangan telah digunakan sebagai sebuah stesen jana kuasa hidro untuk menakung air sungai. Kelebihan tenaga ini termasuklah percuma. Air juga dapat disimpan di dalam empangan dan sedia digunakan pada masa yang diperlukan serta tidak ada sisa buangan yang mencemarkan. Selain itu, tenaga ini boleh digunakan sebagai bahan api yang menggerakkan kenderaan. Secara kesimpulannya, satu sistem pengurusan sumber yang berkesan perlu dilaksanakan bagi menjamin bekalan dan penggunaan berterusan bagi kegunaan manusia pada masa depan.

Sumber : *Internet*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan maksud *memberikan impak*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan kelebihan tenaga boleh diperbaharu ?
[3 markah]
- (iii) Sumber-sumber tenaga yang boleh diperbaharu boleh diganti secara semula jadi dalam jangka masa yang singkat. Walau bagaimanapun, sumber ini masih mempunyai kekurangannya.
Pada pendapat anda, apakah kekurangan yang wujud pada tenaga mesra alam ini.
[3 markah]
- (iv) Sejak beberapa bulan yang lepas, anda mendapati bil elektrik di rumah anda menunjukkan peningkatan. Hal ini menyebabkan anda terpaksa berbelanja lebih untuk membayar bil elektrik.

Apakah usaha yang dapat anda lakukan untuk memastikan bil elektrik di rumah anda dapat dikurangkan?

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

HIJAU
Zainal Abidin

Bumi yang tiada rimba
seumpama hamba
dia dicemar manusia
yang jahil ketawa.

Bumi yang tiada udara
bagai tiada nyawa
pasti hilang suatu hari
tanpa disedari.

Bumi tanpa lautan
akan kehausan
pasti lambat laun hilang
duniaku yang malang.

Dewasa ini kita saling merayakan
kejayaan yang akhirnya membinasakan
apalah gunanya kematangan fikiran
bila dijiwa kita masih lagi muda dan mentah
kulihat hijau.

Bumiku yang kian pudar
Siapa yang melihat
Di kala kita tersedar
Mungkinkah terlewat.
Korupsi, oppressi, obsessi diri
Polussi, depressi di bumi kini.

Sumber : *Internet*

Bahan 2

“Tanggungjawab untuk memastikan pantai ini sentiasa menarik dan indah harus kita pikul bersama-sama. Barulah timbul rasa cinta dan sayang dalam diri kita sebagai masyarakat terhadap alam sekitar,” ujar Zainal, Timbalan Pengerusi Persatuan Pencinta Alam Sekitar Kita.

“Tapi aku rasa sedih juga. Bila ada yang sanggup dan tergamak melakukan pencemaran alam sekitar,” luah Zainal.

“Itulah akibatnya apabila tiada mempunyai rasa kesedaran dan betapa pentingnya menjaga alam sekitar,” ucap Rahim pula.

Dipetik daripada cerpen
Persatuan Alam Sekitar kita, Blog Saudari.com

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *pasti hilang*.
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan punca-punca pencemaran alam sekitar.
[4 markah]

(iii) Alam sekitar sangat penting dalam kitaran ekosistem bumi dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara dan memuliharanya.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar?

[3 markah]

(iv) Pada suatu hari, anda sedang berjalan di sebatang sungai di tepi kampung. Tiba-tiba, anda terlihat kelibat dua orang lelaki yang sedang mencurahkan sisa cecair ke dalam sungai. Setelah mereka beredar, anda dapat mengenal pasti cecair tersebut ialah sisa toksik yang telah mencemarkan warna air sungai.

Sebagai seorang yang prihatin terhadap alam sekitar, apakah tindakan anda dalam situasi ini?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

i. Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Haiqal terus bertanya kepada seorang pengawal keselamatan yang kebetulan juga sedang mundar-mandir melintasinya, lokasi surau yang terdekat. Pengawal keselamatan memberitahunya agar naik ke tingkat atas stesen bas itu. Di situ ada surau dan bilik air. Selepas mengucapkan terima kasih, dia langsung naik ke atas mengikut petunjuk surau yang ditampal di tepi dinding anak tangga yang dipanjatnya. Selepas menggosok gigi dan membasuh muka, dia mengambil wuduk. Selepas itu, dia menunaikan solat subuh bersama-sama jemaah yang lain.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman, Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Haiqal apabila dia tiba di stesen bas.

[4 markah]

ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. *Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin*
- b. *Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip*
- c. *Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor*
- d. *Silir Daksina, karya Nizar Parman*

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca dalam novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

SOALAN 9 : RUMUSAN

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 - Petikan

Alam sekitar ialah sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia, tidak mengira bangsa, agama dan negara. Alam sekitar ini termasuklah kawasan-kawasan tumbuhan hijau, udara dan air seperti sungai dan laut. Kepentingan utama dalam penjagaan alam sekitar ialah habitat flora dan fauna akan terpelihara. Alam sekitar yang merangkumi gunung-ganang, taburan hutan sehingga ke lautan merupakan habitat kepada flora dan fauna. Di samping itu, penjagaan alam sekitar adalah mustahak bagi memastikan kesihatan manusia terjamin. Kita merupakan makhluk yang lemah dan mudah untuk dijangkiti penyakit terutamanya andai alam sekitar tidak dijaga dengan baik.

Jika dilihat dari sudut yang berbeza, alam sekitar yang terjaga dapat menarik pelancong sama ada domestik ataupun antarabangsa. Pelancongan yang berteraskan alam sekitar mampu menjana ekonomi setempat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara amnya. Alam sekitar seharusnya dijaga kerana alam sekitar bukan hanya digunakan pada masa sekarang tetapi akan digunakan sehingga beratus-ratus tahun lagi. Oleh itu, untuk mengembalikan kesegaran alam sekitar, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

Pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar boleh dilaksanakan melalui kerjasama oleh pihak media massa. Pada hari ini, media massa memainkan peranan penting dalam membentuk cara pemikiran semua pengguna. Media massa perlulah lebih banyak memberikan maklumat tentang isu-isu pencemaran alam sekitar agar masyarakat cakna akan menjaga kebersihan persekitaran. Selain itu, langkah untuk menjaga alam sekitar ialah

melalui kempen alam sekitar. Antara kempen yang boleh dilakukan ialah kempen cintailah sungai kita, kempen kitar semula, sahabat alam dan sebagainya. Dalam kempen-kempen ini masyarakat akan didedahkan tentang pentingnya menjaga alam sekitar dan cara-cara menjaga alam sekitar seperti menguruskan sisa pembuangan supaya kurang mencemarkan alam sekitar.

Di samping itu, penggunaan teknologi moden untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar adalah amat penting. Dengan adanya teknologi moden, tumpahan minyak di lautan adalah lebih mudah dibersihkan tanpa meninggalkan sisa tumpahan minyak. Malah dengan menggunakan teknologi moden kita dapat menjalankan aktiviti kitar semula bahan-bahan buangan dan sisa-sisa pepejal seperti surat khabar, majalah lama, kain dan bahan-bahan plastik.

Dipetik dan diubah suai daripada
Pentingnya menjaga alam sekitar,
Media Permata Online, 14 Mac 2018

Bahan 2 - Grafik



Sumber : *Internet*

Bahan 3 - Sajak**PUISI TENTANG ALAM SEKITAR**

Alam hijau indah sekali
 udara segar di pagi hari
 nyaman sungguh di alam nyata
 pokok-pokok menghijai bumi
 malar hijau di hutan hujan tropika
 air jernih sumber kehidupan
 tiada air tiadalah nyawa
 alam sekitar penentu kitaran hidup.

Makin hari makin cemar dirimu
 kau dulu indah tiada kata
 kini berubah sudah
 tiada lagi alam sekitar yang indah
 yang ada cuma pencemaran alam sekitar
 menghiasi bumi
 langit biru dihiasi asap hitam
 udara segar entah ke mana.

Pencemaran udara semua merasa
 sesak nafas dibuatnya
 hutan malar hijau di garisan khatulistiwa
 menjadi sasaran
 pokok tinggi ditumbangkan
 batangnya dibeli dengan kertas yang
 bernilai
 dari pokok tinggi kini kau menjadi papan
 hutan yang ada dimusnahkan dengan
 kejam.

Sebelum bertindak fikir-fikirkan
 air tercemar hidupan binasa
 pantai yang indah kian berkurang sudah
 tiada lagi pasir putih yang bersih
 sampah sarap tinggi menggunung
 buangkan saja sampah merata-rata tempat.

Manusia punca kemusnahan alam
 manusia pencemar alam
 manusia perosak alam
 jadi wahai manusia bangunlah dari mimpi
 indah
 sedarlah apa yang kau dah lalukan itu
 tanggunglah apa yang kau telah buat.

Selamatkan bumi ini
 sebelum musnah di tangan sendiri
 jangan kau musnahkan rumah sendiri
 apa kata anak cucu kelak...

Sumber : *Internet*

TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya dan senaraikan **tiga kata ganda**. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perkembangan pesat dalam sektor pertanian belakangan ini dengan penglibatan agensi-agensi yang berkaitan adalah untuk memastikan sektor ini berupaya menarik keluar kaum tani daripada kepompong kemiskinan sejak bertahun-tahun lamanya. Menerusi penjanaan pertumbuhan ekonomi yang berlaku dalam sektor ini, sudah pasti dapat meningkatkan taraf hidup golongan petani di kawasan luar bandar. Dengan ini, dapatlah disimpulkan bahawa kemajuan mutakhir dalam sektor pertanian mampu menggalakkan generasi muda menceburi bidang pertanian dengan bersungguh-sungguh.

Dipetik dan diubahsuai daripada Sektor Pertanian Ke Arah DAN 2.0
Dewan Ekonomi Bil. 2/2019

[6 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca dialog di bawah dengan teliti. Kemudian, nyatakan ayat yang bergaris sama ada **ayat permintaan, ayat suruhan, ayat silaan, atau ayat larangan**.

- Encik Ahmad : Hai, Encik Lim. Silalah duduk di kerusi tu sementara saya menyelesaikan kerja pemberian makanan kepada udang galah ni. Lap dulu kerusi tu dengan kain buruk itu. (sambil menunjukkan kain yang tersidai pada kayu)
- Encik Lim : Terima kasih. Jangan susah-susah kerana saya. Macamlah saya tak boleh kotor-kotor ni. Udang peliharaan kamu nampak menjadi.
- Encik Ahmad : Memang menjadi jika dipelihara dengan betul. Saya perlu memberinya makan empat kali sehari. Usah kurang kerana boleh menjejaskan pertumbuhannya.
- Encik Lim : Saya tumpang gembira dengan kejayaan kamu hari ini. Haraplah suatu hari nanti kamu diiktiraf sebagai penternak yang berjaya.
- Encik Ahmad : Terima kasih, Lim. Udang-udang ni saya akan hantar ke Singapura dan China kerana permintaan amat tinggi di negara itu. Ambil udang ni bawa balik ke rumah dan suruh isteri kamu masak.
- Encik Lim : Terima kasih, Ahmad. Semoga murah rezeki kamu!

Sumber : Internet

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

*Petikan di bawah mengandungi **sembilan kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk membuat lonjakan paradigma dengan mengambil langkah yang pro-aktif untuk mengubah bentuk dan jenis pertanian yang diberikan perhatian. Antara program yang diberikan prihatin oleh kerajaan untuk diperkasakan oleh usahawan tani termasuklah oleh usahawan kontrak dalam bidang peladangan. Program ini adalah projek yang berimpak tinggi yang diperkenalkan sebagai mekanisma untuk membantu pengusaha pertanian berskala kecil dan sederhana. Sejak dari Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) lagi, kerajaan telah memperluaskan sektor ini bagi meningkatkan pendapatan petani. Pengenalan projek berimpak tinggi ini juga mampu melahirkan usahawan tani-usahawan tani yang berpendapatan tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sektor Pertanian ke Arah DAN 2.0
Dewan Ekonomi, Bil.2/2019

[9 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali. Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[8 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Kerajaan menyeru belia dan para penganggur khususnya, supaya tidak lagi bertanggung bagi memohon geran bantuan peladang kerana tindakan itu amat merugikan. Sungguhpun permohonan mereka perlu ditapis, jika bernasib baik mereka akan terpilih sebaliknya jika bukan rezeki, permohonan mereka akan ditolak. Hakikatnya, kebanyakan pemohon yang telah terpilih bersikap tidak bersungguh-sungguh menjalankan projek.

Sumber : *Internet*

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 markah]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Petani dan pesawah digalakkan untuk menceburkan diri dalam bidang akuakultur bagi meningkatkan ekonomi mereka. Bekalan ikan akan berkurangan dan harganya pula melambung tinggi pada musim nelayan tidak turun ke laut, iaitu pada bulan November dan Disember. Oleh hal yang demikian, sekiranya petani dan pesawah menceburkan diri dalam bidang sektor akuakultur, bekalan ikan akan mencukupi dan pembeli tidak akan terbeban dengan kenaikan harga.

Pada ketika ini, kerajaan sedang mempelbagaikan sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara dan akuakultur merupakan satu daripada 17 projek permulaan yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan oleh kerajaan. Menerusi projek ini, kerajaan dapat membuka peluang pekerjaan sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi mereka untuk terus bersaing

Dipetik dan diubah suai daripada
Sektor Akuakultur Tingkat Penyertaan Nelayan, oleh Azrul Shah
Dewan Ekonomi , Bil 9/2017

Bahan 2

Boleh dikatakan jarang-jarang ada orang yang berjaya mengeksploitasi seluruh bahagian yang ada pada lembu untuk tujuan komersial. Masyarakat dahulu menternak lembu sebagai sumber pendapatan sampingan atau persediaan apabila mahu mengadakan kenduri. Kini, pemikiran masyarakat kian berubah dan dengan adanya teknologi, penternak lembu mampu menjanakan pendapatan tetap dengan memperoleh hasil yang lumayan.

Berdasarkan hasil penyelidikan oleh pelbagai agensi, bidang penternakan lembu dianggap berpotensi besar untuk dibangunkan. Oleh hal yang demikian, menerusi dasar ekonomi negara yang dibentuk kerajaan menyasarkan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar daging untuk pasaran antarabangsa. Tambahan pula, Malaysia kini menjadi hab halal dunia. Untuk itu, rakyat diseru agar mengusahakan ternakan lembu untuk menampung keperluan pasaran tempatan sekali gus mampu mewujudkan banyak peluang pekerjaan

Dipetik dan diubahsuai daripada 'Buat Duit daripada Ternakan Lembu'
oleh Mohd Asri Yusof, *Dewan Ekonomi*, Bil 9/2017

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *sumber pendapatan*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** antara kepentingan bidang akuakultur dengan bidang penternakan lembu.
[3 markah]
- (iii) Kekurangan golongan muda menceburi bidang pertanian merugikan negara. Pada pendapat anda, apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan muda hingga menghalang mereka untuk menceburi bidang pertanian?
[3 markah]
- (iv) Encik Raul telah lama menceburi bidang penternakan. Lembu yang ditenaknya untuk tujuan lembu daging, tenusu dan baka. Sungguhpun begitu, pasarannya hanya untuk dalam negara. Anda selaku anak saudaranya mahu memperluas pasaran produk ternakan beliau.
Cadangkan langkah-langkah yang anda sarankan kepada Encik Rauf untuk memperluas produk ternakannya ke peringkat antarabangsa.
[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bangkitlah

Anak-anak yang sedang lena
bangkitlah
matahari sudah tinggi
di puncak gunung.

Lihat jernihnya pagi ini
burung-burung berterbangan di udara
dan pepohon hijau merendang daunnya
apa kau masih belum bangkit?

Bangkitlah
jangan sesal nanti
madu bumi yang kekeringan
isi laut kekosongan
dan perut belantara menjadi ladang.

Anak-anak
esok apa yang akan kaumakan?
tanah atau batu atau debu?
kau mahu terus nangis
tanpa air mata?

Kalau tidak
bangkitlah
matahari belum lagi rembang
dan burung-burung belum lagi menjamah
awan!

Rejab F.I
Dirgahayu Bahasaku,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Sejak dahulu, dia sering mendengar pidato, "Tuan-tuan dan puan-puan, sebahagian besar bahan makanan rakyat kita ialah bahan makanan yang diimport, sedangkan kita ada ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif. Mengapakah kita bergantung pada beras, ikan, daging, ayam dan sayur-sayuran import? Keadaan ini akan membahayakan bidang pengeluaran makanan kerana ini soal keselamatan negara.

Pemimpin tertinggi sendiri pernah berkata, "Rakyat mesti membuka mata dan melihat potensi yang ada dalam bidang pertanian. Saya menyeru kepada rakyat sekalian agar merebut peluang ini, terutama ribuan siswazah Melayu yang masih menganggur. Kerajaan menyediakan banyak peluang terutama kepada keistimewaan dalam Dasar Ekonomi Baru. Ada pelbagai bantuan dan skim pembiayaan untuk projek pertanian yang dikendalikan oleh sebuah bank khusus. Nah, semuanya ada di hadapan anda. Yang diperlukan sekarang ialah kesanggupan anda untuk bekerja kuat. Ingat slogan ini, 'Pertanian adalah Perniagaan'.

Hakim telah mendengar dengan penuh minat. Segala kata itu membakar semangatnya untuk memajukan tanah yang ditebusnya. Dia juga berharap kejayaannya nanti akan menjadi contoh teladan kepada orang yang seketurunan dengannya yang mendapat kelebihan daripada Dasar Ekonomi Baru dan pelbagai projek pembangunan sebuah kerajaan yang prihatin.

Dipetik daripada cerpen Kaduk Ayam dan Raja,
oleh Zurinah Hassan
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istambul*
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 3**Gurindam Hati Waja**

Jika teguh azam dan cita,
Yang dibuat menjadi nyata.

Jika kau asah potensi diri,
Yang diusahakan pasti menjadi.

Jika semangat tersemat di dada,
Hasil kaudapat berlipat ganda.

Jika tabah juga semangat,
Tidak rugi menumpah keringat.

Jika bekerja utamakan muafakat,
Semua usaha membawa berkat.

Jika idea sungguh kreatif
Kelak kaudapat pelbagai insentif.

Jika hidup selalu berbakti,
Namamu harum tersemat di hati.

Alias Derais
Shah Alam, Selangor
Buku Teks Tingkatan 4, halaman 5
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *melihat potensi*.
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan apabila seseorang itu rajin mengusahakan tanah terbiar.
[3 markah]

(iii) Tanah terbiar terutama di luar bandar jika tidak diusahakan merupakan satu kerugian kepada negara.

Pada pendapat anda, mengapakah masih banyak tanah terbiar di luar bandar?
[4 markah]

(iv) Pada suatu petang, ketika anda dan keluarga sedang berkumpul di ruang tamu, bapa anda telah menceritakan niatnya untuk mengusahakan tanah terbiar peninggalan bapanya di kampung. Pelbagai cadangan telah diberikan oleh setiap ahli keluarga berkaitan projek yang akan dijalankan di tanah terbiar tersebut.

Anda yang memerhatikan perbincangan tersebut telah mengutarakan pandangan untuk membina kolam ternakan udang galah di tanah terbiar tersebut.
Nyatakan alasan-alasan anda berpendapat sedemikian.
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Mikrocip yang tertanam di dalam tubuh Farisha telah direka khas oleh Karl bagi membolehkan dia menyalurkan pemikirannya kepada wanita itu. Dengan itu, Farisha boleh melaksanakan setiap tugas yang diarah oleh Karl.

Mikrocip itu berupaya menjadi penerima isyarat dan mentafsirkannya kepada arahan dan seterusnya menggerakkan anggota tubuh Farisha untuk bertindak balas. Mikrocip itu merupakan hasil daripada kajian yang mengambil masa lebih 20 tahun.

Itulah ciptaan Karl yang agung dan tidak pernah diumumkan kepada media. Pihak pengurusan Soft Lab tidak mahu ciptaan sebegitu menjadi kontroversi. Teknologi sebegitu mungkin hanya boleh digunakan untuk tujuan ketenteraan ataupun pada waktu darurat. Karl menggunakan teknologi itu sebagai satu kaedah mirip kepada telepati supaya dia boleh berhubung dengan Farisha.

Dipetik daripada Novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan ciri-ciri mikrocip yang tertanam dalam tubuh Farisha.

[4 markah]

- ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- a. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- b. *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- c. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- d. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

*Baca petikan dan gurindam di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Sektor pertanian merupakan sektor penting yang mendapat tumpuan dalam perdagangan dunia. Di Malaysia, sektor pertanian amat penting kerana menyumbang lima peratus kepada pendapatan kasar negara. Hal ini dapat membantu meningkatkan pendapatan negara dan secara tidak langsung dapat membantu ekonomi negara kita. Sektor pertanian di Malaysia berfungsi sebagai pembekal sumber makanan kepada seluruh penduduk di Malaysia. Namun begitu, bidang pertanian di negara ini masih belum berada pada tahap yang membanggakan. Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memajukan sektor pertanian walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menaiktarafkan industri ini.

Sektor ini belum dapat ditingkatkan kemajuannya kerana negara kita kekurangan tenaga kerja mahir dan separa mahir. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak golongan muda khususnya lepasan universiti yang tidak berminat untuk mempelajari dan menceburi bidang pertanian. Mereka tidak mahu bersusah payah dan berjemur di bawah panas terik matahari. Mereka lebih mementingkan keselesaan diri sendiri dan lebih berminat untuk makan gaji. Jika menceburi bidang pertanian, mereka perlu berdepan dengan pelbagai halangan dan risiko kerugian sekiranya tanaman atau ternakan tidak berjaya. Pemikiran sebegini sukar dikikis dalam golongan belia. Walhal, ada dalam kalangan mereka mengambil bidang pertanian dan perladangan.

Halangan yang lain ialah usia petani yang sudah lanjut saban hari. Tenaga buruh dalam sektor pertanian rata-ratanya melebihi usia 55 tahun mengikut statistik yang diambil oleh jawatankuasa Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani. Keadaan ini berpunca daripada penghijrahan golongan belia yang ramai ke bandar-bandar besar atau ibu kota untuk mencari peluang pekerjaan. Mereka menganggap industri ini tidak mendatangkan keuntungan dan mengambil masa yang lama untuk membuahkan hasil. Mereka juga menganggap bidang pertanian hanyalah satu bidang yang dijalankan untuk mengisi masa lapang. Golongan belia berpendapat bahawa sektor pertanian hanya layak dilakukan oleh golongan yang sudah berusia ataupun sudah pencen.

Sumber : *Internet*

Bahan 2 : Gurindam

GURINDAM POTENSI SEKTOR PERTANIAN

Tanah subur iklim sesuai
Apa ditanam cepat dituai.

Walau tanah sekangkang kera
Hasil yang banyak tidak terkira.

Ilmu ditingkat teknologi diguna
Barulah keuntungan dapat dijana.

Sektor pertanian potensinya cerah
Kehendak pasaran mencurah-curah.

Banyak petani jadi jutawan
Walaupun diusaha hanya cendawan.

Produk pertanian dieksport merata
Petani berbangga tidak terkata.

Generasi muda singsing lenganmu
Pergi ladang curahkan keringatmu.

Benarlah sungguh pujangga berfatwa
Berbudi ke tanah tidak kecewa.

Azahar Bahari

Ilham Bestari, Teluk Intan

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan **dua kata hubung gabungan** dan **dua kata hubung pancangan**. Kemudian anda dikehendaki untuk membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan anda faham akan maksud penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Itulah pegangan individu yang bijak, mempunyai pandangan jauh, dan mengamalkan perbelanjaan berhemah sehingga berjaya melahirkan jutawan. Amalan menabung merupakan satu amalan yang baik berlandaskan kesedaran untuk memastikan kedudukan kewangan kukuh. Pada zaman pascaglobalisasi ini, tabiat menabung atau menyimpan pada lahiriah memang sukar diamalkan lantaran godaan iklan daripada serata pelosok media, jati diri. Namun begitu, jati diri yang ampuh mampu menangkis godaan negatif ini.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Jadikan Menabung Amalan’,
www.beritakampus.usm.my

[8 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah dengan telitinya. **Nyatakan pola ayat dasar** bagi ayat-ayat yang bergaris di bawah.

Banyak pihak tidak menyedari potensi industri desa. Industri ini ialah industri yang mampu meningkatkan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan seharusnya memberikan sokongan kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembangunan industri desa sangat penting. Oleh itu, pihak bertanggungjawab harus ke kawasan luar bandar. Tujuannya adalah untuk memberikan penerangan kepada penduduk.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kepentingan Pembangunan Industri Desa”
 oleh Thaarmaraj a/l Ramanathan, *Dewan Siswa*, Bil. 1, 2019

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

*Petikan di bawah ini mengandungi **sebelas kesalahan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Ketika kita merayakan Hari Anti rasuah Antarabangsa, persoalan yang harus kita tanya kepada diri sendiri, iaitu di mana kita berada dalam indeks persepsi rasuah (CPI) kebangsaan? Menurut intipan pada tahun ini, Malaysia melonjakkan 10 tempat ke kedudukan 51, peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Mesti kita membantu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan memberi maklumat sekiranya mengesyaki berlakunya rasuah dalam sektor awam lalu sektor swasta. Kita tidak perlu takut kerana adanya perlindungan diberikan menerusi Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Rakyat yang perihatin terhadap isu rasuah akan menyokong pengukuhan sistem pemantauan sehingga keberkesanan seliaan integriti dapat dinilai.

Dipetik dan diubahsuai daripada ‘Pupuk Budaya Benci Rasuah Sejak Sekolah’
oleh Tan Sri Lee Tam Thye, *Berita Harian Online*, 15 Disember 2020.

[11 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Setelah hari pun siang maka orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja mengadukan halnya kecurian semalam itu. Maka baginda pun hairan serta bertitah pada temenggung, “Hai Temenggung, tiadakah menyuruhkan orangnya berkawal tadi?”

Maka sembah Temenggung, “Daulat tuanku Syah Alam, patik menyuruh orang berkawal semalam tadi, seorang pun tak bertemu. Patik hamba itu pun hairanlah akan perajurit itu.”

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’,
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, DBP.

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

*Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua peribahasa** sahaja. Kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Sebaik-baik sahaja kerajaan melonggarkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa buah negeri, sebahagian besar masyarakat mula mengambil kesempatan untuk balik ke kampung halaman seperti menahan lukah di pergentingan. Namun demikian, masih ada segelintir masyarakat mula lupa daratan kerana menganggap virus COVID-19 ini sudah dapat diatasi. Tuntasnya, masyarakat perlu peka kerana sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk bagi memastikan negara kita bebas daripada virus ini sepenuhnya.

[4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**[35 markah]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

*Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian Jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Internet mendorong perkembangan media sosial yang menghubungkan jutaan pengguna melalui Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, dan blog. Lebih penting lagi, Internet memudahkan pembangunan perniagaan dalam talian dan melahirkan usahawan, pembuat filem, dan pencipta inovasi. Di beberapa buah negara maju, kira-kira dua pertiga daripada jumlah perniagaan mempunyai laman web, manakala satu pertiga daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan laman web secara meluas. Internet dapat dimanfaatkan sebagai platform untuk mengembangkan idea baharu serta memulakan perniagaan dan memajukan perniagaan sedia ada. Internet membolehkan pencipta inovasi dan industri perniagaan dari rumah memulakan perniagaan dalam talian tanpa melibatkan kos yang tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Internet Mengubah Taraf Hidup Usahawan'
Oleh Zaili Mohamad, *Dewan Masyarakat*, Bil. 7, 2015
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 2

Sesiapa sahaja mempunyai peluang untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Sebelum memulakan sesuatu perniagaan, usahawan memerlukan idea bisnes untuk dijanakan dan direalisasikan sebagai suatu usaha dan strategik. Idea bisnes dapat dijelmakan dalam pelbagai bentuk dan keadaan tanpa mengira masa dan tempat.

Berfikir ketika memandu kenderaan ialah keadaan yang paling baik untuk mendapatkan idea bisnes. Senario yang berlaku sewaktu pemanduan banyak mendatangkan idea bisnes. Contohnya, paparan iklan luar di jalan raya dapat melahirkan idea untuk ditiru. Mendengar ceramah oleh ahli perniagaan lain turut memberikan idea secara tidak langsung. Ada *input-input penting* yang dikongsi oleh penyampai yang dapat diserap lalu menghasilkan idea bisnes. Menonton filem juga dapat mengilhamkan idea baharu yang bernas dan kreatif. Contohnya, rancangan dokumentari yang bersifat menambah maklumat dalam dunia perniagaan.

Dipetik dan diubah suai daripaa 'Usahawan Remaja Berjiwa Kental'
oleh Fadhli Ali, *Dewan Siswa*, 6/2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *input-input penting*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, jelaskan perbezaan idea perniagaan dalam kalangan usahawan yang inginkan kejayaan.
[3 markah]
- (iii) Seseorang usahawan sebelum sampai kedudukan yang selesa, mereka turut berhadapan dengan pelbagai rintangan atau cabaran pada masa lalu dan masa akan datang.
Pada pendapat anda, apakah cabaran atau rintangan yang dihadapi oleh golongan usahawan?
[4 markah]
- (iv) Kakak anda terlalu gemar membeli barangan secara dalam talian. Setiap minggu pasti ada produk baharu yang akan dibelinya. Sikap suka berbelanja tanpa kawalan yang ditunjukkan oleh kakak anda menimbulkan kerunsingan dan kebimbangan kepada adik-beradik anda yang lain.

Sekiranya adik-beradik anda meminta bantuan untuk menangani sikap suka berbelanja secara dalam talian kakak anda ini, cadangkan tindakan-tindakan untuk memastikan masalah tersebut dapat diselesaikan dengan baik.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Biarlah aku menjadi diri sendiri dengan jaket kainku.

Jaket kain itu kubeli dengan harga RM50.00 di sebuah kedai menjual baju terpakai di tanah airku. Banyak sudah jasa jaket kain itu kepadaku. Poketnya ada dua di sebelah kiri dan kanan. Terdapat tali bermanik hitam yang membolehkan poket itu dijerut, sekali gus *menjamin keselamatan* isi poket. Lazimnya, aku meletakkan pasport di poket kanan dan sedikit duit di poket kiri. Terdapat empat butang bulat berwarna perak dari atas hingga ke bawah jaket. Rumah butangnya besar dan dijahit kemas. Terdapat zip yang panjang yang membolehkan jaket itu dizip sampai ke pangkal leher. Kolarnya tinggi dan lengannya boleh dilipat.

Jaket itu sudah mengikut aku mengembara hampir ke seluruh dunia. Dari negara miskin Bangladesh, hingga negara mewah United Kingdom. Dari Indonesia di Asia Tenggara, hingga Turki di Asia Tengah. Aku belum berniat untuk mencari pengganti jaket kain itu.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'
oleh Maskiah Haji Masrom
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Azam memandang ke wajah sahabatnya. "Apa masalahnya? Bukankah kau boleh mendapat bantuan? Kerajaan sudah berjanji akan menolong penternak sebagai insentif kerana menambah bekalan makanan untuk rakyat."

"Azam, tanah ini sesuai untuk ternakan kerana jauh dari kawasan perumahan. Tetapi ada masalah yang lain. Kau tengok jalan masuk ke reban ini. Jalan itu tidak berturap dan becak pada musim hujan. Aku sudah menulis surat memohon jalan itu dinaikkan taraf. Aku sudah berusaha ke sana ke mari untuk menemui orang yang berpengaruh, tetapi jawapannya tiada peruntukan untuk menurap jalan itu buat masa ini. Aku dicaci-maki oleh orang kampung kerana kemasukan lori-lori itu memburukkan lagi keadaan jalan."

Hakim menjawab, "Mujur juga ada hasilnya. Tetapi hidupku dikelilingi hutang. Aku berhutang dengan bank. Aku berhutang dengan Syarikat RAJA. Mereka menghantar anak-anak ayam, mereka menghantar dedak, mereka menghantar ubat-ubatan. Semua itu akan dipotong daripada hasil jualanku. Kau tengok ni (Hakim menunjukkan salah satu penyata yang dikeluarkan syarikat RAJA). Nilai jualan dari rebanku ialah RM85 000.00. Tetapi akhirnya hanya RM 13 000.00 sahaja yang masuk ke kantungku. RM 72 000.00 adalah untuk RAJA kerana membayar harga anak-anak ayam, harga dedak dan ubat-ubatan. Dari RM13 000.00 itulah aku membayar hutang bank, gaji pembantu, upah penangkap ayam, membayar bil elektrik dan air yang cukup tinggi dan segala kos penyelenggaraan yang lain.

Dipetik daripada cerpen 'Kaduk, Ayam dan Raja',
Oleh Zurinah Hassan dalam antologi
Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *menjamin keselamatan*.
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan isu-isu dalam perniagaan.
[3 markah]

(iii) Bidang perniagaan menjadi pilihan ramai orang. Namun, tidak semua pengusaha atau peniaga sesuatu perniagaan berjaya.

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang untuk menjadi pengusaha atau peniaga yang berjaya?

[3 markah]

(iv) Rakan anda sering berbelanja secara tidak berhemah terutama apabila tiba musim perayaan. Setiap barangan yang diiklankan pasti dia mendapatkannya walhal amalan berjimat cermat merupakan satu amalan yang memberikan banyak manfaat kepada kita semua.

Sebagai seorang rakan, apakah nasihat anda terhadap rakan anda agar melakukan amalan berjimat cermat dalam kehidupan?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

i. Baca petikan novel di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Felicia mengeluh singkat. Sejurus, dia mengerling ke arah Doktor Mohammad yang baru sahaja sampai di pusat rawatan itu. Baru satu jam yang lalu, Doktor Mohammad yang bertugas secara *on call* pada malam itu meninggalkan bangunan PRPK, dipanggil kembali untuk menangani masalah kelahiran pramatang seorang bayi perempuan yang belum cukup masa dan menghadapi kesukaran untuk bernafas. Bayi perempuan yang tarikh konsepsinya tidak diketahui dengan pasti itu, beratnya kurang daripada 2.5kg pada masa dilahirkan, kemudian diletakkan di dalam *incubator* di sisi ibunya.

Dipetik daripada Novel *Pantai Kasih* Karya Azmah Nordin
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan masalah yang dihadapi oleh bayi yang dibantu oleh Doktor Mohammad.

[4 markah]

ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut.

- a. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- b. *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- c. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- d. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat anda teladani setelah membaca novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

SOALAN 9 : RUMUSAN

Baca petikan dan teliti bahan grafik dibawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya rumusan **tidak melebihi 120 perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Pada hari ini, kebanyakan usahawan telah beralih menjalankan perniagaan daripada berbentuk konvensional dengan menjual produk-produk mereka di premis-premis perniagaan kepada premis perniagaan alam maya. Premis perniagaan alam maya sama ada melalui laman sesawang, blog mahupun laman sosial yang lain telah menjadi trend baharu perniagaan yang dapat menjanakan pendapatan tambahan kepada mana-mana pihak termasuklah suri rumah.

Ledakan teknologi Internet sejak pertengahan tahun 1990-an telah mengubah tingkah laku manusia termasuklah dalam urusan jual beli. Melalui pendekatan ekonomi digital, urusan jual beli bukan sahaja menjadi amat mudah malah turut dapat menjimatkan masa para pembeli. Hal ini dikatakan demikian kerana sesiapa sahaja boleh berurusan jual beli tanpa perlu pergi ke premis-premis perniagaan untuk membeli produk yang dikehendaki. Pengenalan konsep e-dagang turut memudahkan urusan perniagaan pada skala yang lebih besar, iaitu melibatkan import dan eksport barangan dan produk di seluruh dunia. Oleh sebab kerajaan menyedari kepentingan ekonomi digital ini, kerajaan telah melancarkan inisiatif ekonomi digital melalui Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) pada 22 Mac 2017.

Kombinasi antara alam maya dengan alam nyata mampu mencetuskan ledakan ekonomi yang akhirnya memberikan keuntungan besar kepada negara dan rakyat Malaysia. Kecekapan perniagaan mampu ditingkatkan lagi, dan pada masa yang sama para pengguna atau pembeli akan menikmati manfaatnya melalui pembelian barangan dari mana-mana negara di dunia tanpa perlu berada di negara tersebut. Oleh itu, pendekatan baharu seperti ekonomi digital menyerlahkan lagi gaya baharu dalam kehidupan generasi muda pada masa

ini yang lebih cenderung untuk menjalankan sebarang urusan termasuklah jual beli secara maya. Melalui ekonomi digital juga, dijangkakan sebanyak 60 000 peluang pekerjaan baharu diwujudkan buat rakyat Malaysia yang melibatkan pertubuhan eksport barangan sebanyak RM112 bilion menjelang tahun 2025.

Sebelum ini, pelbagai masalah telah menyebabkan produk-produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sukar memasuki gerbang perniagaan global. Antara masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha PKS ialah masalah pemasaran, produktiviti dan teknologi yang rendah, kekurangan modal dan pembiayaan, serta masalah lokasi. Hal ini menjadikan hanya 37 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara disumbangkan oleh PKS. Namun begitu, dengan adanya konsep ekonomi digital, KDNK Malaysia melalui PKS pada masa hadapan boleh ditingkatkan kepada 80 peratus. Hal ini berlaku demikian kerana PKS juga boleh memasuki pintu gerbang perniagaan global sehingga dapat merancakkan lagi sektor berkenaan.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada ‘Ekonomi Digital Pacu Ekonomi Masa Hadapan’
Oleh Rohami Shafie, *Dewan Masyarakat*, Bil.7 2017)

Bahan 2- Grafik



TEMA : SEJARAH DAN WARISAN**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata tunggal** dan **dua kata majmuk**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau mengubah perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kerjasama semua pihak sangat penting dalam mengekalkan warisan sejarah negara kita supaya tidak lenyap dibawa arus masa. Arkib Memorial merupakan institusi yang dikendalikan oleh Arkib Negara untuk menempatkan, memulihara hak cipta dan mempamerkan apa-apa bahan bersejarah untuk memperingati sesuatu peristiwa, seseorang atau aspek sejarah lain yang ditempatkan di dalamnya. Sehingga kini, terdapat 11 buah arkib Memorial di bawah tanggungjawab pengurusan dan seliaan Jabatan Arkib Negara. Pelbagai maklumat dan fakta sejarah penting negara dipamerkan dengan cara dan konsep tersendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada Arkib Memorial Memori Negara,
Oleh Nurzuliana binti Kamaruzaman,
Dewan Siswa, Bil 10/2019.

[6 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Berdasarkan petikan di bawah, tukarkan **ayat terbitan** yang bergaris kepada **ayat tunggal** yang lengkap.

Sejarah geologi, arkeologi dan sejarah manusia moden ialah sebahagian daripada warisan ketamadunan bangsa Malaysia. Isu kesedaran masyarakat dapat digerakkan jika kita mempunyai program yang terfokus. Dana promosi dan penyelidikan perlu diberi pertimbangan yang tinggi, khususnya oleh kerajaan Persekutuan, institusi swasta dan agensi yang bertanggungjawab pada peringkat negeri. Begitu pun, isu urus tadbir berkaitan dengan hubungan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri masih perlu ditangani secara berhemah. Tapak Warisan Kebangsaan boleh berada di atas tanah kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau persendirian.

Sumber : Internet

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Nama asal Taiping ialah Klian Pauh. Klian bermaksud lombong, manakala pauh pula ialah sejenis mangga yang bersaiz kecil. Bandar ini pada mulanya merupakan penempatan kecil sebilangan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, perjumpaan bijih timah di kawasan sekitarnya telah menarik banyak orang-orang asing datang ke bandar ini. Nama Klian Pauh ditukarkan kepada Taiping bersempena dengan tamatnya perang larut pada tahun 1874. Perang ini terhasil daripada pertelingkahan puak kongsi gelap dan pendatang Cina yang melakukan aktiviti pelombongan bijih timah.

Sumber : *Internet*

[6 markah]

Petikan 2

Ghazal merupakan kesenian traditional yang popular dewasa ini. Pada permulaannya, seni ini disebut sebagai ‘gamat’ yang bererti nyanyian dan beriu rendah berasal dari Tanah Arab. Pada abad ke19, kerajaan Johor menjalin hubungan erat dengan kerajaan Riau-Lingga. Berapa bangsawan Johor yang berpatah-alik ke Riau mempelajari kesenian ini dan memperkenalkannya kepada Sultan Johor pada ketika itu di Teluk Belanga, Singapura. Perkembangan ghazal di Johor dikaitkan dengan Allahyarham Datuk Bentara Luar, Mohd. Salleh bin Perang. Semasa membuka daerah baharu, dia turut memperkenalkannya di rumah penghulu dan pada hari keramaian tertentu.

Sumber : *Internet*

[5 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam Bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahwat dan keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, “Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Janganlah membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.” Maka segala mereka itu pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Dipetik daripada “Kepimpinan melalui Teladan” dalam antologi *Jaket kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai pada ruang kosong berdasarkan situasi dalam petikan tersebut.

Dalam meniti zaman silih berganti, kita juga dapat menyaksikan kuih-muih pada hari lebaran turut mengalami perubahan. Pelbagai kuih-muih dihasilkan oleh masyarakat di negara ini _____. Bagaimanapun, sesetengah golongan lebih suka kuih-muih yang asli atau klasik kerana bagi mereka ia mencetuskan nostalgia, _____, mengimbau kenangan masa lalu dan alangkah indahnya jika kulinari warisan sejak zaman berzaman itu masih terus diingati dan diperkenalkan serta sentiasa memenuhi cita rasa orang lama dan generasi muda sekali gus melestarikan kuih-muih warisan nenek moyang kita agar _____.

Sumber : *Internet*

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6: PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Telepuk ialah suatu karya seni yang unik dalam bidang tekstil iaitu menghias kain dengan serbuk berwarna emas. Kain yang ditelepuk biasanya daripada jenis halus dan padat tenunannya. Proses menelepuk bermula dengan menyapu sejenis gam Arab pada lengan, kemudian acuan berukir akan ditekap pada gam di lengan dan dipindahkan ke permukaan kain. Serbuk emas dalam bentuk perada kemudian ditekap satu persatu di atas kain untuk meninggalkan kesan emas pada corak ragam hias. Antara motif kain telepuk yang selalu digunakan ialah motif bunga dengan corak bunga pecah lapan, bunga pecah empat dan motif bunga cengkih pecah empat. Biasanya, kraf tekstil ini digunakan untuk menghias baju kurung, kain sarung dan kain ikat kepala. Kain telepuk amat menarik ketika dipakai kerana serbuk emas akan menampakkan kilauan pancaran cahayanya.

Sumber: *Internet*

Bahan 2

Batik merupakan salah satu seni kraf tangan yang unik dan unggul di Malaysia. Ia merupakan satu seni tekstil menggunakan terapan lilin cair dan mencelup warna. Terdapat tiga cara utama menghasilkan kain batik iaitu menggunakan blok tangan, canting dan skrin. Biasanya, kain benang kapas berwarna putih digunakan untuk membuat kain batik. Motif organik dan motif geometri adalah antara bentuk yang selalu dijadikan bentuk motif apabila menghasilkan kain batik. Awalnya, kain batik dipakai oleh kaum lelaki dan wanita sebagai sarung dan kain basahan, namun batik kini telah menjadi satu bidang seni yang menyemarakkan perkembangan industri tekstil di negara ini.

Sumber: *Internet*

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *menyemarakkan perkembangan*.
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** antara seni kraf telepuk dengan batik.
[3 markah]
- iii. Seni kraf tangan tempatan perlu dimajukan dan diwariskan kepada generasi muda. Oleh itu, kerajaan melalui Persatuan Kraf tangan Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha untuk menghidupkan industri ini agar tidak terus dilupakan.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan memartabatkan industri kraf tangan tempatan?

[3 markah]

- iv. Anda telah menghadiri sebuah karnival seni kraf tangan tempatan di sebuah pusat beli-belah. Walau bagaimanapun, sambutan terhadap karnival tersebut kurang memberangsangkan.

Jika anda dilantik sebagai pengerusi karnival tersebut, cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menarik orang ramai datang ke karnival yang dianjurkan.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**PERMAINAN TRADISIONAL**

Mengintai pada jendela waktu
Kusingkap tirai rindu
Zaman dahulu berkocak di kalbu
Masih terbayang juara kujulang
Congkak kayu mainan aku
Biji getah digerak satu persatu
Pesta desa meriah masih terasa.

Guli dilambung pecah satu
Mainan tradisional desaku dulu
Tanah dikorek kayu di tengah
Lanting ke udara direbut suka
Konda-kondi permainan ceria.

Mainan tradisional warisan kita
Masih terasa nikmat di jiwa
Aroma rindu bertandang
Galah panjang akulah ibu
Anak-anak bersatu padu
Indahnya warisan impian zaman
Masih bernyawakah
Gerbang Melayu ?

Ambang moden tercipta
Teknologi meragut seninya
Tinggal kenangan sepi
Ingau menakluki hati
Menanti warisan *mekar kembali*
Bangsaku masih punya identiti
Julanglah jati diri.

Sumber: *Internet*

Bahan 2

Dia ni memang pakar zapin jincat. Kamu pernah tengok persembahan zapin?"

"Kalau di televisyen tu ada lah tetapi yang betul-betul belum lagi," jawabnya. Tarian zapin, ghazal dan kuda kepang sememangnya sinonim dengan negeri ini. Namun, dia tidak pernah menyaksikannya di depan mata. Dia benar-benar berharap agar dia masih mempunyai kesempatan untuk menyaksikannya.

"Itu dulu, Bakar, Haiqal. Sekarang ni kami dah tua. Kalau menari pun boleh tercabut lutut," kata Wak Arif berseloroh.

"Wak Arif ni, nampak jalannya saja yang terdengkot-dengkot, tapi kalau dah menari, boleh jalan lurus," sampuk Haji Salim. Seketika bergema ketawa mereka. Haiqal pun turut sama ketawa.

"Tapi yalah, zaman dah berubah. Budak-budak sekarang dah kurang berminat dengan kebudayaan tradisional ni. Banyak hiburan lain yang lebih sesuai dengan cita rasa mereka. Suatu hari nanti mungkin dah tak ada lagi pewaris muzik zapin macam kita ni," kata Haji Salim. Kali ini dia kelihatan agak serius pula.

Dipetik daripada Novel *Silir Daksina*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 3

Kalau kesenian indah berseri,
Khazanah pertiwi pasti lestari.

Kalau estetika subur di hati,
Warisan bangsa kekallah pasti.

Kalau budaya dipupuk sentiasa,
Memancar sinar citra bangsa.

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah maksud rangkai kata *mekar kembali*?

[2 markah]

- (ii) Merujuk kepada **semua bahan**, mengapakah khazanah warisan bangsa wajar dipertahankan oleh setiap lapisan masyarakat?

[3 markah]

- (iii) Warisan budaya melambangkan keunikan bangsa Malaysia yang menjadi tunjang jati diri generasi muda.

Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran dalam usaha menyemai minat generasi muda terhadap warisan bangsa?

[4 markah]

- (iv) Seorang rakan anda yang berasal dari luar negara berhasrat untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Malaysia. Dia amat meminati tarian tradisional terutamanya tarian zapin kerana keunikan rentak tari yang rancak dan ceria. Dia berhasrat untuk mempelajari tarian zapin tersebut daripada anda untuk diperkenalkan kepada rakan-rakannya di negara asal.

Sebagai seorang rakan, cadangkan langkah-langkah yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda menguasai rentak tarian zapin tersebut.

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Apa itu Shida?” tanya Farisha. Shida cuma berdiam diri untuk beberapa saat sehingga satu lagi garis cahaya kelihatan. Bunyi klik kedengaran. “*Retinal scanner*, abang kau datang pasang pagi tadi,” jawab Shida sambil membuka jerigi dan pintu kayu jati. Raket skuasy dikutip dari lantai dan mereka berdua masuk ke dalam apartmen beriringan. “Aku tak faham lah abang aku ni. Kenapa nak pasang *retinal scanner* pula? Dahlah dia sambungkan *intercom* rumah ni dengan telefon rumah dia. “Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya. “Kalau kau tak angkat telefon tadi, mesti dia yang angkat.” Farisha menunjukkan ke arah telefon bimbit Shida yang baru diletakkan di atas meja kopi. “Azraai tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ni demi keselamatan kau.” Shida berada di pihak Azraai nampaknya.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan, mengapakah Azraai memasang *retinal scanner* pada pintu rumah Farisha?

[4 markah]

- ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- b. *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- c. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- d. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang boleh memberikan keinsafan kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1 – Petikan

Warisan seni budaya mencakupi aspek kehidupan setiap bangsa termasuklah dari segi pemakaian, pemakanan, tarian, nyanyian, permainan tradisional, alatan muzik, sambutan perayaan, adat resam dan pantang larang. Sebagai negara yang terdiri daripada penduduk yang berbilang bangsa, Malaysia sememangnya kaya dengan warisan seni budaya yang dimiliki oleh setiap individu.

Warisan seni budaya merupakan salah satu aspek penting yang melambangkan identiti bangsa di sesebuah negara. Melalui warisan seni budaya, keunikan yang dimiliki oleh satu-satu bangsa jelas terpancar dan dapat dikenal pasti dengan jelasnya. Warisan seni budaya juga mencerminkan corak hidup setiap bangsa yang berbeza antara satu dengan lain.

Warisan seni budaya setiap bangsa yang bersifat unik dan unggul juga dapat menarik minat bangsa lain untuk menghayati dan mendalaminya. Hal ini amat berkesan untuk memupuk perpaduan antara kaum. Warisan seni budaya bangsa yang lain tetap dapat diterima bersama-sama oleh masyarakat majmuk. Oleh sebab itu, hubungan yang terjalin antara setiap bangsa dapat diertatkan.

Kepelbagaian warisan seni budaya di negara ini turut menjadi pemangkin kemajuan industri pelancongan sehingga mendorong pelancong luar negara untuk melawat ke negara kita. Ketika negara sedang mengorak langkah ke era kemajuan, usaha pengekalan warisan seni budaya perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh oleh semua pihak termasuklah institusi pendidikan.

Media massa juga perlu memperkenalkan warisan seni budaya setiap bangsa dari semasa ke semasa untuk memastikannya mendapat pendedahan yang luas daripada anggota masyarakat yang merangkumi segenap lapisan. Demi menangani cabaran perkembangan teknologi maklumat, warisan seni budaya setiap bangsa perlu diasimilasikan dengan teknologi maklumat dengan syarat tidak menjejaskan acuan warisan seni budaya yang diwarisi sejak turun-temurun.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Pentingnya Pengekalan Warisan Seni Budaya’,
Dewan Siswa, Januari 2015

Bahan 2 – Grafik

CARA MENGEKALKAN WARISAN BUDAYA MASYARAKAT



- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ● Kerajaan menggalakkan pameran artifak/kebudayaan warisan pelbagai kaum ● Media massa tempatan perlu sentiasa menyiarkan tayangan tentang kebudayaan Malaysia | <ul style="list-style-type: none"> ● Generasi muda haruslah mengenali asal-usul sendiri. ● Kerajaan mengadakan kempen kesedaran ● Pihak sekolah mengadakan pertandingan berkaitan kebudayaan |
|---|---|

Sumber : *Internet*

TEMA: SUKAN DAN REKREASI**BAHAGIAN A: SISTEM BAHASA DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata terbitan awalan** dan **dua kata terbitan apitan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.

Sukan rekreasi memainkan peranan yang penting dalam melahirkan modal insan minda kelas pertama yang seimbang. Oleh itu, sukan rekreasi diselaraskan dengan kurikulum di sekolah. Sukan rekreasi menjadi satu daripada komponen penting dalam Pendidikan Jasmani. Oleh sebab itu, setiap tahun, kebanyakan sekolah akan menganjurkan pelbagai aktiviti rekreasi untuk pelajar. Sekiranya para pelajar sentiasa mengambil bahagian dalam aktiviti rekreasi, mereka dapat membina dan mengekalkan keadaan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial yang sihat.

Dipetik dan diubah suai daripada Kepentingan Sukan dan Rekreasi dalam Kurikulum, oleh Nurusaf, *Dewan Siswi*, Bil 3 Mac 2008.

[8 Markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah dengan teliti, tukarkan **ayat susunan biasa** yang bergaris kepada **ayat bersusunan songsang** tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.

Zaman remaja bukanlah masa untuk berseronok semata-mata. Zaman remaja mestilah diisi dengan usaha menimba ilmu pengetahuan. Remaja jangan mudah terpedaya oleh gaya hidup moden yang berpunca daripada jiwa yang kosong. Jiwa yang kosong tidak ada rawatan kecuali dengan mendekatkan diri kepada Tuhan.

Dipetik dan diubah suai daripada Remaja Perlu Bangun, *Dewan Siswi* Bil 3 Mac 2010

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Rumah bagi masyarakat Melayu bukan sahaja merupakan keperluan asas dalam hidup, tetapi juga merupakan seni bina yang diwarisi sejak turun temurun. Pertimbangkan yang wajar daripada pelbagai sudut perlu dibuat sebelum mendirikan sesebuah rumah. Unsur seperti alam sekitar, topografi, iklim, kebolehan teknikal tukang rumah, pengaruh agama, kemampuan ekonomi, dan kebudayaan serumpun amat dipengaruhi gaya dan bentuk bangunannya.

Sumber : Internet

[6 markah]

Petikan 2

Anda perlulah berhati-hati sekiranya anda suka berekreasi di kawasan-kawasan perkelahan. Taraf kebersihan di tempat-tempat tersebut perlu diutamakan apabila jangkitan virus kencing tikus dapat berlaku melalui aktiviti rekreasi seperti berenang atau berkayak. Seseorang yang terbuka pada peralatan atau makanan yang telah tikus gigit berisiko untuk mendapat jangkitan virus kencing tikus.

Sumber : Internet

[5 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah itu maka Inderaputera melihat laku yang demikian itu. Maka tuan puteri pun membukakan pakaiannya lalu bergosokkan bedak dan langir. Maka segala bidadari pun bergosokkan juga seraya turun berenang mandi bersembur-semburan. Hatta maka segala kelakuan puteri itu pun habislah dilihat oleh Inderaputera dan bidadari pun selam-menyelam ketujuhnyanya itu sambil berpantun dan berseloka.

Dipetik daripada *Antologi Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa Dan Pustaka

[4 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua peribahasa** sahaja daripada petikan. Kemudian **bina satu ayat bagi setiap peribahasa** dengan menggunakan peribahasa tersebut dengan ayat anda sendiri.

Dalam keadaan ekonomi negara yang tidak menentu, kita mestilah berjimat cermat ketika berbelanja. Walaupun mempunyai wang yang banyak, kita tidak boleh berjoli dengan sesuka hati. Kita perlu mengambil sikap berhati-hati sebelum ditimpa kesusahan. Dengan adanya persediaan yang rapi, kita dapat mengurangkan tekanan tatkala ditimpa musibah. Kita perlu mempelajari cara-cara menguruskan wang dengan bijak. Anak-anak pula perlu dididik untuk menabung sejak kecil.

Dipetik dan diubah suai daripada “Perlunya Remaja Menabung”
oleh Lokman Ismail, *Dewan Siswi*, Bil 11. 2016

[6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Temasya sukan bukan hanya untuk tontonan dan hiburan tetapi juga ialah agen perpaduan dalam menyatukan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, sukan perlu dimartabatkan oleh semua pihak sekali gus merapatkan hubungan sesama kaum. “Apabila sukan dijadikan sebagai medium *penyatuan masyarakat*, kita akan dapat menghapuskan tembok politik perkauman dan agama. Sukan bukan sahaja untuk kita lihat dan nikmati, tetapi jauh lebih besar kerana sukan ialah agen perpaduan yang akan menyatukan kita dan rakyat Malaysia perlu bangga dengan negara ini dan bangga dengan Jalur Gemilang.

Menteri Besar Perak, Ahmad Faizal Azumu dalam ucapannya pula berkata, “Kerajaan negeri menaruh setinggi harapan agar temasya sukan ini akan menjadi pentas mencungkil bakat baharu negara untuk menyambung obor perjuangan atlet senior di peringkat antarabangsa.

Dipetik dan diubah suai daripada “Sukan Mampu Satukan Masyarakat”
oleh Muhammad Apendy Isahak dan Zahratulhayat Mat Arif,
Berita Harian, 11 September, 2018

Bahan 2

Pada tahun 2011, kerajaan telah memperkenalkan program 1Murid 1Sukan untuk memastikan semua murid terlibat dalam bidang sukan. Sukan ialah segala kegiatan yang memerlukan kemahiran atau ketangkasan serta tenaga yang dilakukan sama ada sebagai acara pertandingan, hiburan atau untuk suka-suka bagi mengisi masa lapang selain dapat melahirkan masyarakat yang sihat. Pada tahun lalu, kerajaan telah memperkenalkan dasar 1Murid 1Sukan kerana menyedari kepentingan bersukan. Antara faedah bersukan kepada murid ialah sukan dapat meningkatkan disiplin murid. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang ingin berjaya dalam bidang sukan mesti mempunyai disiplin yang tinggi dan dapat mengawal diri sendiri untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Sumber : *Internet*

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *penyatuan masyarakat*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah perbezaan manfaat bersukan?
[3 markah]
- (iii) Rakyat Malaysia dikatakan sebagai masyarakat yang kurang minat bersukan.
Pada pendapat anda, jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menarik minat masyarakat bersukan?
[3 markah]
- (iv) Anda mendapati banyak murid di sekolah anda menunjukkan pencapaian yang baik dalam bidang sukan, namun ibu bapa tidak memberikan sokongan disebabkan ibu bapa berpendapat bidang akademik lebih penting daripada menyertai pertandingan sukan. Sebagai guru yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu menyelesaikan masalah ini?
[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahan 1**HARGA REMAJA**

Berapakah sebenarnya harga remaja	Remaja amat mahal
Yang bersih	Sesungguhnya
Dari gelodak kecewa	tiada terbeli oleh perjanjian
Bagai kehijauan daun	harga remaja adalah
Bagai kesegaran pohon	pendirian
Di pinggir perjalanan ini?	Keberanian dan ilmu
Dengan apakah akan kaupenuhi <i>Piala remaja</i> mu	Penuhilah remajamu dengan ketentuan tuju.
Adakah cuka kesangsian	
Dari cinta murah	
Atau madu ajaran	
Dari ilmu susah?	

Rahimidin Zahari**Bahan 2**

- MU I : Apabila sudah tidak takut kepada Tuhan, maka dengan sendirinya mereka tidak takut pada apa-apa saja. Tidak menghormati apa dan sesiapa saja. Akhirnya setiap apa-apa yang dicipta atas nama tamadun menjadi sia-sia belaka kerana tidak ada sesiapa yang mahu menghormatinya.
- SALMAH : Segala-galanya?
- MU I : Ya, Termasuklah apa-apa yang saudara sebutkan pada awal tadi, iaitu mengenai prestasi yang negara saudara capai itu. Pada ketika itu, segala rukun tidak akan bermakna lagi. Segala dasar, etika dan segala institusi tidak akan beroperasi lagi.
- MU I : Menyalahkan mereka sepenuhnya juga tidak adil.
- CHONG : Oleh itu, menyalahkan kami sepenuhnya juga tidak adil.
- MU II : Beginilah. Salah-menyalah ialah kerja sia-sia. Yang penting ialah kita semua belajar daripada kesalahan. Dan jangan sekali-kali mengulangi kesalahan.

Dipetik daripada drama Forum Remaja 2020, *Antologi Harga Remaja*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *piala remaja* ?

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan sifat-sifat sesetengah remaja masa kini.

[3 markah]

- (iii) Remaja banyak menghabiskan masa tanpa melakukan aktiviti yang berfaedah.

Pada pendapat anda, apakah aktiviti yang boleh dilakukan oleh remaja untuk mengisi masa lapang?

[4 markah]

- (iv) Anda merupakan seorang guru yang telah ditempatkan di sebuah sekolah di bandar. Anda telah membuat pemerhatian dan mendapati murid-murid di sekolah tersebut kurang mengamalkan budi bahasa yang sewajarnya.

Apakah usaha-usaha anda untuk menyelesaikan masalah di sekolah tersebut?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Pagi tadi diam okey ke?” soal Aqram lagi. Nafasnya semakin laju, dicengkam rasa cemas.

Saat itu baru Shida teringat kelakuan Farisha yang agak aneh ketika mereka dalam perjalanan ke Cyberjaya. Farisha langsung tidak bercerita seperti biasa. Dia hanya duduk diam di dalam kereta. Shida tidak tahu sama ada dia jaga atau terlena kerana dia mengenakan sepasang kaca mata hitam yang besar, sesuatu yang jarang dilakukannya. Bibirnya kelihatan pucat tetapi Shida tidak berani hendak menegur.

“Farisha tidak ceria pagi tadi. Tapi saya tak tahu sebabnya.” Shida merenung mata Aqram. Baru dia perasan betapa sempurna penampilan lelaki itu.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan keadaan Farisha seperti yang digambarkan oleh Shida.

[4 markah]

ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- a. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- b. *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- c. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- d. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan **dua** peristiwa yang tidak wajar dicontohi.
[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 Markah]

SOALAN 9 : RUMUSAN

Baca **petikan** dan teliti **bahan grafik** yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 – Petikan

Berekreasi sememangnya digalakkan bagi setiap orang. Kepentingan menjaga kesihatan ialah tanggungjawab yang tidak boleh dipandang mudah dan kita perlu melakukannya bagi memastikan kesihatan tubuh dan kecerdasan minda tidak terganggu. Berekreasi merupakan terapi fizikal semula jadi untuk mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda.

Bagi golongan remaja, berekreasi mampu mengelakkan remaja daripada terjebak dalam aktiviti tidak sihat yang boleh merosakkan masa hadapan mereka, juga mampu mendidik remaja untuk lebih terbuka dari segi minda dan pergaulan. Kesempatan bertemu dengan rakan baharu dapat membantu membentuk sahsiah diri remaja yang baik, seperti belajar untuk bergaul dan menghormati sesama rakan.

Rekreasi yang dilakukan secara teratur mampu membentuk golongan remaja menjadi lebih matang, berketerampilan, dan mempunyai keyakinan dalam pergaulan sebagai persediaan untuk menempuh alam dewasa yang lebih mencabar. Program rekreasi secara berkumpulan mendedahkan remaja kepada aspek kerohanian. Secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi diri dan menilai diri serta menghargai usia remaja dengan sebaik-baiknya. Berekreasi juga membantu perkembangan psikologi remaja.

Oleh itu, bagi menggalakkan remaja aktif berekreasi, kerajaan perlu membina lebih

banyak infrastruktur seperti pusat sukan tertutup dan taman rekreasi. Keluarga pula boleh memainkan peranan untuk meningkatkan aktiviti riadah. Dalam hal ini, ibu bapa boleh mengajak anak-anak untuk melakukan aktiviti riadah pada hujung minggu atau cuti umum. Aktiviti riadah ini boleh dilakukan di taman rekreasi atau di tepi pantai. Anak-anak yang sudah terbiasa dengan aktiviti riadah pasti akan melakukannya apabila mereka dewasa dan berkeluarga kelak.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Ayuh Berekreasi',
Dewan Siswa, Januari 2010

Bahan 2



Sumber : *Internet*

TEMA : PENDIDIKAN**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata nama terbitan** dan **dua kata kerja terbitan**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

Kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan pemain industri sangat diperlukan dan penting bagi memberikan nafas segar untuk meningkatkan sektor pelancongan di Perlis. Pihak swasta juga wajar memikul tanggungjawab yang lebih berat untuk membantu memasarkan sektor pelancongan. Hal ini disebabkan terlalu banyak inisiatif yang boleh dilaksanakan bersesuaian dengan norma baharu dalam memperkasakan industri pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Kerjasama Tingkat Pelancongan Perlis
Utusan Malaysia, 1 September
2020

[8 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat tunggal** dalam petikan kepada **ayat majmuk** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa. Peningkatan influenza dikesan menerusi pola aktiviti influenza. Analisis ini melibatkan pesakit influenza. Analisis ini dikesan di seluruh dunia. Laporan pengawasan influenza dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan. Laporan pengawasan influenza dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan.

Dipetik daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Sudah menjadi kebiasaan, rumah terbuka mampu mengetatkan hubungan kejiwaan di dalam kalangan anggota masyarakat. Oleh hal demikian, rumah terbuka wajar diteruskan demi untuk kebaikan sesama. Walaubagaimanapun, yang dipersoalkan adalah kesan negatif rumah terbuka yang jarang-jarang dijadikan isu. Rumah terbuka di Malaysia bermaksud majlis keraian sesuatu perayaan agama yang disambut oleh penganut pelbagai agama dengan tujuan memupuk persefahaman dalam kalangan masyarakat.

Sumber : *Internet*

[6 markah]

Petikan 2

Amran : Cikgu. Bilakah akan kita mulakan latihan bolasepak, cikgu?
 Cikgu Lim : Latihan itu akan diadakan pada minggu depan, Amran. Saya harap semua kamu sudah bersedia untuk berlatih.
 Amran : Baik, cikgu. Boleh saya tahu bilakah pula perlawanan pertama pasukan kita nanti?
 Cikgu Lim : Awal bulan depan, Amran. Kita akan berdepan dengan pasukan Sekolah Menengah Tiram Jaya.
 Amran : Baiklah cikgu. Saya akan memastikan pasukan kita berlatih bersungguh-sungguh. Lagipun kami semua sudah bersedia. Kami sentiasa bersemangat waja.
 Cikgu Lim : Jangan lupa pesanan saya, jaga kesihatan dan keselamatan diri semasa latihan. Elakkan segala hal yang tidak diinginkan.
 Amran : Baik, cikgu. Terima kasih atas keperihatinan cikgu. Kami berjanji akan sentiasa menjaga kesihatan, keselamatan serta bersemangat teguh untuk perlawanan pada kali ini.

Sumber : *Internet*

[5 markah]

SOALAN 4 : BAHASA STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **Bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itupun masuk tidur.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
Dalam Antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.

Gejala mat rempit dalam kalangan remaja semakin menjadi-jadi. Walaupun ibu bapa telah menasihati anak-anak mereka tetapi nasihat mereka ibarat masuk telinga kanan keluar telinga kiri, sia-sia sahaja. Mengapakah remaja degil dan tidak mendengar kata? Mungkinkah sudah terlambat untuk mendidik mereka? Segala yang telah berlaku tidak dapat dibaiki lagi kerana nasi sudah menjadi bubur. Oleh itu, ibu bapa perlu menunjukkan suri teladan agar menjadi cerminan kepada remaja kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Sumber : *Internet*

[4 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Keupayaan pelajar memperoleh kecemerlangan mahupun kegagalan berpunca daripada pelbagai faktor. Bagi pelajar tahap sederhana, ada antara mereka yang meningkat cemerlang meskipun kurang ketara dan tidak kurang pula yang kian merosot dari semasa ke semasa. Mengapakah hal ini berlaku? Berdasarkan pemerhatian terhadap pelajar lemah, didapati bahawa sebahagian besar daripada mereka tidak memberikan tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Dalam kalangan mereka, ada yang tidak pernah membawa peralatan yang diperlukan untuk belajar seperti yang dirancang oleh guru. Kehilangan bahan yang diberi terlebih awal sudah sinonim dengan sebahagian daripada ahli kumpulan ini. Kegagalan mereka

menyiapkan tugas yang diberi langsung tidak dianggap suatu kekurangan. Tanpa persediaan dari segi material dan mental mustahil pelajar berkenaan dapat mengikuti pengajaran guru *dengan berkesan*.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kurang Tumpuan Melemahkan Pelajar”, *Dewan Siswa*, Januari 2016

Bahan 2

Di dalam bilik darjah pelajar ditempatkan secara berkumpulan. Bagi pelajar cemerlang, tindakan sedemikian dapat dimanfaatkan untuk berbincang, menyiapkan tugas secara berkumpulan ataupun saling memberikan bimbingan. Bagi pelajar golongan lemah pula, kedudukan secara berkumpulan dalam empat orang atau lebih, kebiasaannya akan mengundang masalah. Mereka seolah-olah tidak boleh berhenti berbual.

Kumpulan pelajar lemah ini juga tidak mempunyai kesedaran tentang tujuan mereka hadir ke sekolah. Mereka leka dengan fikiran mereka yang melayang hingga luar bilik darjah sewaktu pembelajaran. Tidak kurang pula yang tidur sewaktu guru memberikan penerangan. Kegagalan pelajar memberikan tumpuan atau fokus menjadi faktor utama kelemahan pelajar ini dalam akademik.

Dipetik dan diubah suai daripada “Kurang Tumpuan Melemahkan Pelajar”, *Dewan Siswa*, Februari 2016

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *dengan berkesan*. [2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan pandangan penulis terhadap punca murid-murid lemah dalam akademik. [3 markah]

- (iii) Pelbagai pihak telah berusaha menangani masalah kelemahan murid dalam akademik.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk menangani masalah ini?

[3 markah]

- (iv) Kumpulan anda diminta membantu rakan-rakan sekelas yang lemah dalam sesuatu mata pelajaran.

Sebagai ahli kumpulan, cadangkan aktiviti-aktiviti yang sesuai dilaksanakan untuk membantu rakan-rakan anda yang lemah.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**Seorang Tua**

Seorang tua
termenung di sudut tangga
tidak pernah meminta waktu untuk
menampalkan
kapas putih di kepala
mengukirkan kedut di pipi
laksana sebuah arca sepi yang kaku.

Seorang tua
di halaman rumahnya
cuba menimbus sungai waktu
yang deras mengalirkan angka usia
menghanyutkan kenangan dan peristiwa
di kamus memori
padahal sungai itu tak akan berhenti.

Seorang tua
menyusun langkah padu
dikeleknya bakul rotan
berisi nasi lemak daun pisang
sedang anaknya di rumah batu
lena dengan beberapa keping ringgit
Malaysia
orang tua itu
yang dipinta bukan wang semata
atau harta segala
cuma perhatian dan tatasusila.

AK Kelana
Dewan Siswa

Bahan 2**Pantun Kasih Sayang**

Pantun selasih si pohon rambai,
Tepian istana subur si kucai;
Angkara kasih kian diabai,
Jiwa merana hancur berkecai.

Ikan belida si ikan kelisa,
Ikan belanak disangka berudu;
Mengharap bonda sepanjang masa,
Kunjungan si anak pengubat rindu.

Berdagang barang bahtera Bermuda,
Anak kelasi mudik ke tanjung;
Lantaran kurang kasih anakanda,
Derita emosi tiada penghujung.

Susun berjajar batang pelita,
Indahnya sungguh tiada rupa;
Angkara mengejar pangkat dan harta,
Jasa si ibu kian dilupa.

Buah berangan jangan ditudung,
Jemur bersusun di atas papan;
Tiada kunjungan si anak kandung,
Bonda lesu di rumah harapan.

Nukilan,
Nur Fatimah Zahra

Bahan 3

ARIF	: Mak cik, pak cik...saya rasa Azmir bukan buat-buat gila. Bagi saya dia bukan gila atau buat-buat gila, tapi Azmir sedang menderita suatu penderitaan yang tidak tertanggung.
PELAKON I	: Kami lihat pada bajunya terdapat tanda nama, W.A. Donski?
IBU	: Itu pun satu hal. Memalukan keluarga saja. Orang ramai dah heboh. Azmir masuk Orang Putih. Dia tak mahu jadi orang Melayu lagi. Habis, macam manalah orang tak kata dia gila. Mak cik sungguh malu sekarang.
PELAKON II	: Bersabarlah, mak cik. Mungkin ada hikmah di sebalik kejadian ini buat kita semua.
PELAKON III	: Betul juga kata rakan saya tu. Peristiwa yang berlaku kepada Azmir mungkin berpunca daripada kurangnya perhatian dan kasih sayang.
IBU	: Nak buat macam mana lagi, encik. Kami dah beri pelajaran hingga dia masuk ke universiti.
ARIF	: Betul mak cik, tetapi...masuk ke universiti saja belum menjamin seseorang itu mendapat kasih sayang yang secukupnya.
(IBU dan BAPA berpandangan. Mereka kelihatan semacam rasa bersalah).	
Dipetik daripada drama “Bukan Gila” oleh Sharif Shaary, dalam antologi <i>Sejadah Rindu</i> , Kementerian Pendidikan Malaysia.	

- (i) Berdasarkan **Bahan I**, berikan maksud *menghanyutkan kenangan*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan persamaan punca-punca yang menyebabkan seseorang itu mengalami masalah tekanan emosi.
[3 markah]
- (iii) Salah satu pernyataan Deklarasi Keluarga Malaysia (DKM) di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ialah memartabatkan institusi keluarga yang terdiri daripada kepelbagaian generasi sebagai asas pembentukan negara yang sejahtera.

Pada pendapat anda, apakah manfaat-manfaat menjaga hubungan kasih sayang antara anggota keluarga?

[4 markah]

- (iv) Pada suatu petang, ketika anda sedang berjalan di kaki lima sebuah kedai, anda terpandang seorang wanita tua yang sedang merayau, berpakaian lusuh dan berpenampilan kurang terurus sedang bercakap sendirian sambil sesekali dia menjerit dan diselangi dengan tangisan. Anda berasa simpati melihat keadaan wanita tua itu. Anda yakin bahawa wanita tua itu sedang mengalami masalah gangguan emosi.

Bagaimanakah caranya anda dapat membantu wanita tua itu untuk menunjukkan keprihatinan anda?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. *Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Tinggal dua hari lagi, majlis pelancaran Malam Sekampung Puisi akan dilangsungkan. Balai raya dicat baharu. Warnanya agak terang. Ruang-ruang pameran di dalam balai raya juga sudah disiapkan. Selain pelbagai buku sastera lama yang turut akan dipamerkan di situ, puisi-puisi yang akan dibacakan pada malam itu juga akan turut dipaparkan di ruang khas yang disediakan buat tatapan umum. Gambar serta profil penulis karya sastera tersohor tanah air juga akan dipamerkan.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*
Karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Apakah persiapan yang dilakukan untuk melangsungkan majlis pelancaran Malam Sekampung Puisi?

[4 markah]

- i. *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut:*
- a. *Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin*
 - b. *Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip*
 - c. *Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor*
 - d. *Silir Daksina, karya Nizar Parman*

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** nilai tanggungjawab yang dapat diperoleh melalui novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C: RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1 : Petikan

Peranan bahasa Melayu dalam pembinaan negara bangsa berasaskan tiga kedudukan utama yang diperuntukkan, iaitu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi salah satu asas jati diri rakyat dan negara, dan menjadi unsur perpaduan rakyat berbilang keturunan. Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu menjadi alat perhubungan yang menggerakkan jentera pentadbiran negara. Sebagai bahasa ilmu pula, bahasa Melayu berperanan menjadi wasilah penyampaian ilmu kepada rakyat, khususnya generasi muda, dalam rangka membentuk modal insan untuk membangunkan negara dalam segenap bidang.

Sesudah perjuangan yang panjang, perit, dan berliku, akhirnya Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang diperkenalkan pada tahun 2003 dimansuhkan pada tahun 2012. Keputusan kerajaan menggunakan bahasa Melayu atau bahasa ibunda semula dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik disambut baik oleh golongan yang sekian lama memperjuangkan isu ini. Dasar terbaharu itu, tentunya akan mengukuhkan peranan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara.

Keputusan tersebut juga akan memberikan kesan yang positif terhadap pembelajaran dan penguasaan pelajar. Hal ini berlaku demikian kerana sudah terbukti melalui kajian bahawa seseorang pelajar dapat menguasai sesuatu pembelajaran dengan lebih berkesan melalui bahasa ibundanya. Kelemahan pelajar, terutama di luar bandar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik akan dapat dibaiki apabila mereka mempelajarinya dalam bahasa ibunda. Jurang perbezaan dari segi pencapaian antara pelajar bandar dengan pelajar luar bandar akan menjadi kecil dan seterusnya jurang sosioekonomi yang timbul daripadanya pada jangka masa panjang akan dapat disekat dan dirapatkan.

Langkah kerajaan yang berani dan tegas itu seperti yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan memberikan kesan psikologi yang positif terhadap pelajar dan pengguna bahasa Melayu. Diharapkan juga dengan keputusan tersebut, lebih banyak ilmuwan, pakar, dan profesional dalam pelbagai bidang yang menguasai ilmu dalam bahasa Melayu dapat dilahirkan. Perkara ini sebenarnya sudah pun terbukti hampir 30 tahun yang lalu. Malah, mereka yang terdidik dalam bahasa Melayu mampu melanjutkan pelajaran di luar negara sehingga ada yang meraih keputusan yang

cemerlang. Mereka menjadi pakar dan profesional dalam bidang masing-masing.

Bahasa Melayu ialah alat yang menjadi pembina dan pemantap tamadun bangsa. Oleh itu, semua pihak perlu berusaha dengan lebih serius untuk menulis, menterjemahkan dan menerbitkan buku sains dan matematik dalam bahasa Melayu. Hal ini merupakan peluang terbaik kepada mereka untuk bersama-sama membantu memperkaya korpus dalam bahasa Melayu. Sesungguhnya dengan kembalinya pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu, hal ini bermakna bahawa kita telah kembali kepada kebenaran. Dalam konsep ilmu, kebenaran ialah kunci utama.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Upaya Memantapkan Sistem Pendidikan Kebangsaan” oleh Jeniri Amir, *Dewan Bahasa*, September 2012.

Bahan 2 : Grafik

Peranan Bahasa Kebangsaan




**YAB Tan Sri Muhyiddin
bin Haji Mohamad Yassin**
(Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan, Kuching, 6 Oktober 2009)

“Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara mempunyai peranan besar dalam menegakkan identiti dan jati diri bangsa Malaysia, dan fungsinya sebagai bahasa perpaduan dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia sangat dominan.”

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **empat kata kerja**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat** anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Bahasa Melayu merupakan alat yang begitu penting dalam usaha mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu kerana buku-buku ilmiah sama ada buku terbitan asal ataupun buku terjemahan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Dengan meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sepatutnya, kebudayaan bangsa Melayu akan sentiasa terpelihara dan seterusnya dapat dilestarikan selama-lamanya.

Dipetik dan diubah suai daripada Bahasa Melayu Alat Perpaduan,
Dewan Masyarakat, Bil.3, 2020

[8 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah dan nyatakan **jenis-jenis ayat** yang bergaris di bawah.

Tahukah anda bahawa terdapat lebih kurang tujuh ribu bahasa masih dituturkan di seluruh dunia pada masa ini? Sepuluh daripada bahasa tersebut dituturkan oleh lebih 3.6 bilion penduduk dunia. Wah, hebat! Bahasa Melayu tergolong dalam kumpulan sepuluh bahasa tersebut. Bahasa Melayu telah didaulatkan dan berdaulat semenjak dua ribu tahun dahulu apabila wujudnya pelbagai kerajaan Melayu awal.

Sumber : Internet

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Isu menaikkan harga barang di negara kita yang hangat diperkatakan kini menjadi mimpi ngeri, selain menghantui masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Peningkatan harga barang menolak kehidupan masyarakat kerana mereka dipaksa membeli barang keperluan harian dengan harga yang lebih mahal dari biasa. Sehubungan itu, sebahagian besar daripada pengguna menyusun strategi perbelanjaan harian semula termasuk dapur belanja yang diharapkan oleh mereka dapat meredakan tekanan kewangan akibat kenaikan harga barang.

Sumber : Internet

[6 markah]

Petikan 2

Athalia : Suresh, mana ada orang yang membaca lalu menunggu bas?

Suresh : Betul kata kamu Athalia. Kata cikgu, kalau di Jepun keadaannya berbeza. Membaca telah menjadi budaya mereka. Sementara menunggu bas, mereka membaca, tidak hanya berbual kosong.

Athalia : Sepatutnya masyarakat kita telah sedar bahawa membaca akan dapat menambah ilmu pengetahuan dan seterusnya dapat melahirkan masyarakat yang pintar.

Suresh : Tidaklah seperti katak di bawah tempurung. Selain itu, demi membaca, kita dapat memenuhi masa terluang.

Athalia: Betul kata kamu. Penguasaan bahasa juga dapat meningkatkan.

Suresh: Oh, bas dah sampai, mari kita naik!

[5 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Hatta beberapa hari maka segala harta orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang menghadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi. Maka sembah Laksamana, “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini.” Maka titah raja. “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

SOALAN 5: PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

“Sebagai jiran, kita mestilah bersikap jujur dan tidak mengamalkan sikap berpura-pura,” kata Mak Limah kepada jirannya Aishah. “Sikap ini boleh merenggangkan hubungan sesama jiran,” sambung Mak Limah. Aishah bersetuju dengan pendapat Mak Limah lalu berkata, “Betul cakap Mak Limah, kita bukan sahaja perlu bersikap jujur sesama jiran malahan kita hendaklah sentiasa menghulurkan bantuan kewangan kepada jiran-jiran yang susah”. “Kita seharusnya mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu kesilapan kerana jiran-jiran kita turut menerima akibat daripada kesilapan yang kita lakukan itu,” ujar Mak Limah.

Sumber : *Internet*

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 markah]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Menurut Profesor Dr. Lim Kim Hui, sastera mempunyai pelbagai peranan dalam masyarakat, bergantung pada cara kita mentafsirkannya. Karya sastera yang baik lazimnya *memaparkan realiti* masyarakat dengan jujurnya. Di samping itu, sastera juga mengemukakan ilmu dan pemikiran bagi memajukan masyarakat. Penulis menjadi wakil menyampaikan suara golongan yang tertindas tanpa mengira latar belakang, keturunan, kaum, jantina atau agama. Kita juga boleh menggunakan karya sastera untuk memupuk semangat cinta akan negara, memupuk perpaduan, dan menyerlahkan identiti bangsa. Melalui karya sastera, kita dapat melahirkan masyarakat yang mencintai keamanan, persekitaran, dan kemanusiaan.

Sumber : *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Menurut Richard a/l Ignacy, seorang guru Bahasa Melayu, sastera ialah ciptaan seni yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang indah secara lisan mahupun tulisan. Melalui bahasa yang indah secara lisan mahupun tulisan. Melalui bahasa yang indah, penulis menyampaikan buah fikiran dan meluahkan perasaan, sekali gus menggambarkan ketinggian budaya sesuatu masyarakat. Oleh itu, kepentingan kesusasteraan Melayu dalam dunia pendidikan kini wajar direncanakan penggunaannya secara berkesan. Kesusasteraan Melayu penting dalam membina keterampilan berfikir, memancarkan kilauan bahasa daripada tutur bicara, dan mendidik murid menghayati pelbagai nilai tentang manusia dan duniawi yang tidak seharusnya dipinggirkan oleh masyarakat.

Sumber : *Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *memaparkan realiti*.

[2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan pengertian sastera menurut kedua-dua penulis.

[3 markah]

- (iii) Pelbagai langkah telah dilakukan untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan sastera dalam kalangan generasi muda.

Pada pendapat anda, apakah peranan pihak sekolah untuk menimbulkan kesedaran ini?

[3 markah]

- (iv) Seorang rakan anda sangat meminati dalam penghasilan karya sastera. Walau bagaimanapun, rakan anda masih kabur tentang cara mengembangkan bakatnya.

Cadangkan langkah-langkah yang dapat dilakukan oleh anda untuk membantu rakan anda.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Bahan 1

POSMEN : Ada sesiapa yang bernama Aiman Faizullah bin Khir Ghazali di rumah ini?
 AIMAN : Ada, sayalah orangnya. Surat apa ini?
 POSMEN : Surat daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara. Ini bermakna, adik terpilih untuk menyertai Program Latihan Khidmat Negara. Bagus program ini. Kalau umur abang macam adik, pasti abang tidak akan melepaskan peluang ini.
 AIMAN : Abang buang saja surat ini. Saya tak berminat langsung. Buat apa nak bersusah payah sertai program macam ini. Ayah saya banyak duit. Apa yang saya nak, semua boleh dapat. Buang masa dan tenaga saja program macam ini. Untuk orang susah bolehlah. Maklumlah, dapat makan percuma enam kali sehari, tempat tidur dan pakaian semua diberikan. Siap dapat RM50.00 lagi..ha..ha..ha.
 POSMEN : Tak baik cakap macam itu, banyak faedahnya program seperti ini. Cuba jangan fikir tentang duit dan makan minum itu. Cuba fikirkan tentang kemahiran dan pengalaman yang akan diperolehi nanti.
 AIMAN : Abang ini cakap banyak pula, macamlah abang pernah sertai program tu.
 POSMEN : Memanglah abang tak pernah sertai program itu. Tapi, hasil daripadanya, dah banyak yang abang nampak.
 AIMAN : Tak fahamlah saya, bang.
 POSMEN : Maksud abang, remaja yang dah menyertai program ini, apabila tamat latihan, banyak *kesan positif* yang akan wujud dalam diri mereka. Anak jiran abang dulu pemalas. Kalau balik rumah cuma tahu tidur dan makan sahaja. Tapi selepas tamat program ini, abang tengok dia dah rajin tolong keluarganya dan baru nampak rasa hormat kepada orang tua. Hasil yang paling dekat dengan diri abang ialah adik abang sendiri. Memang bagus program itu. Banyak perubahan positif dalam diri dia.

Dipetik daripada cerpen Berkhidmat untuk Negara
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, halaman 91-92
 Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2**SUMPAH ANAK MERDEKA**

Aku anak merdeka
bangkit dari persada luka
berdiri megah di pentas wira
inginku tebus maruah bangsa.

Aku anak merdeka
terjaga dari ranjang kecewa
berpaksi gagah di panggung perkasa
ingin kubela nasib bangsa.

Aku anak merdeka
harapan nusa dan bangsa
akan kutentang petualang negara
yang tegar membuat angkara.

Aku anak merdeka
di hati semangat waja
di dada penuh satria
ini Tuah akan membela
untuk kubalut luka lama.

Serunai Faqir
Wangsa Maju

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *kesan positif*.
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan perubahan positif watak yang terdapat dalam bahan.
[3 markah]
- iii. Jatuh bangunnya sesebuah negara terletak di tangan remaja masa ini kerana mereka pewaris kepimpinan negara.

Pada pendapat anda, bagaimanakah remaja dapat menunjukkan perasaan cinta akan negara? Kemukakan cadangan anda.
[4 markah]
- iv. Adik anda telah dipilih oleh pihak sekolah untuk menyertai kem jati diri selama satu minggu di luar kawasan. Adik anda enggan menyertai kem tersebut dengan alasan jauh daripada keluarga tetapi takut untuk menyuarakannya kepada ibu bapa anda.

Sebagai seorang kakak, apakah tindakan yang akan anda lakukan agar adik anda akan menyertai kem tersebut?
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

i . Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mata Rosman berkelip-kelip tetapi lidahnya kelu untuk bersuara. “ Jadi, bagaimana pula dengan skop kerja?” Taanya Farisha sekali lagi.

Tiba-tiba perasaan bimbang bersarang dihatinya. Jumlah RM1.5 juta bukannya sedikit, pasti tugasannya mencabar dan berisiko tinggi. Entah mengapa keyakinannya terhadap diri sendiri menjadi sedikit goyah?

“Khidmat yang kami perlukan adalah untuk mengodam tiga kelompok komputer Soft lab yang merupakan infrastruktur kepada sistem pengkomputeran awam,” terang Dr. Maxi. Farisha menahan nafas. Hanya tiga kelompok sahaja untuk RM1.5 juta?

“Berapa jumlah pelayan fizikal yang terlibat?” tanya Rosman yang sudah berjaya menstabilkan perasaan terujanya.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*
karya Dayang Noor, Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah skop kerja yang perlu dilakukan oleh Farisha ?

[4 markah]

ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut :

- a. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- b. *Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- c. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- d. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman

Berdasarkan **sebuah** novel yang ada pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang boleh membawa keinsafan kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 Markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

Baca **petikan** dan teliti **bahan grafik** yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Kajian profil membaca rakyat Malaysia yang diakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pada tahun 2005, rakyat Malaysia hanya membaca sebanyak dua naskah buku setahun. Walau bagaimanapun, angka ini meningkat kepada 15 naskah pada tahun 2014. Bilangan ini dianggap masih rendah berbanding dengan 40 judul buku setahun di negara maju. Namun demikian, secara purata, rakyat Malaysia hanya membaca 15 hingga 20 buah buku setahun. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk negara ini masih jauh ketinggalan.

Menurut statistik PNM, trend pinjaman bahan dari perpustakaan di seluruh negara menunjukkan sedikit penyusutan. Hal ini berlaku demikian mungkin kerana bahan bacaan masyarakat kini tidak lagi terhad kepada buku fizikal. Generasi Y dan netizen lebih gemar mengakses bahan bacaan melalui Internet. Statistik peminjaman bahan digital PNM menunjukkan peningkatan yang ketara. Berdasarkan data ini, PNM tidak melihat ada isu mengenai bahan bacaan di perpustakaan tidak dipinjam atau tidak menarik minat masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat buku perpustakaan yang kurang dipinjam atau digunakan disebabkan kekinian maklumat atau kandungan.

Berdasarkan Kajian Interim Tabiat Membaca Rakyat Malaysia 2014, didapati bahan pilihan rakyat Malaysia ialah majalah (62.8 peratus); akhbar (61.2 peratus); buku ilmiah (54.8 peratus); novel dan fiksiyen (47 peratus); bahan dalam talian (46.4 peratus); buku bukan fiksiyen (29.9 peratus); komik (25.3 peratus) dan jurnal (19.9 peratus). Statistik ini menunjukkan bahawa anggapan masyarakat memilih bahan bacaan yang kurang nilai ilmiah adalah kurang tepat. Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia membaca bagi tujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan mengisi masa lapang. Bahan bacaan juga dipilih sebagai bahan hiburan bagi mendapatkan motivasi selain untuk tujuan pendidikan. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa masyarakat kita berada di landasan yang betul jika diukur daripada jumlah dan jenis bahan bacaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Trend Pembacaan Rakyat Capai Sasaran Negara Maju oleh Siti Haliza Yusof,
Berita Harian, 15 Januari 2017

Bahan 2 – Grafik



Sumber : *Internet*

TEMA : KERJAYA**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata sendi nama** dan **satu kata hubung**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Amalan rumah terbuka menjadi daya penarik kepada pelancong asing. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat negara kita terdiri daripada pelbagai kaum dan agama yang berbeza serta unik. Sebagai contohnya, kaum Bidayuh akan menari tarian mereka semasa menyambut perayaan Hari Gawai. Pelancong asing dapat menyertai atau menonton tarian yang istimewa tersebut. Dalam hal ini, pelancong asing akan tertarik dengan amalan rumah terbuka di negara kita. Tegasnya, perayaan menjadi sungguh meriah apabila amalan rumah terbuka diadakan oleh rakyat berbilang kaum di negara kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
Budaya Penganjuran Terbuka, oleh Lee Pei Xian,
Dewan Siswa, Bil. 7/2019.

[6 markah]**SOALAN 2 : SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti ayat majmuk bagi setiap ayat yang bergaris di bawah sama ada **ayat majmuk gabungan**, **ayat majmuk pancangan** atau **ayat majmuk campuran**.

Selain filem yang ditayangkan di pawagam atau di kaca televisyen, satu daripada bentuk persembahan karya seni yang kekal popular ialah pementasan teater. Sesebuah pementasan teater sememangnya sesuatu yang tidak boleh dipandang enteng kerana tanpa komitmen, apa-apa juga perkara tidak akan mudah dijayakan. Komitmen dan disiplin merupakan kunci utama kepada kelancaran perancangan sesebuah produksi. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam tempoh beberapa minggu sebelum pementasan, latihan teater perlu dilakukan secara intensif. Namun begitu, dalam konteks ini, bukan mudah untuk mengumpulkan semua orang pada sesuatu masa. Penting juga difahami bahawa sesebuah pementasan teater memerlukan himpunan kelompok tenaga profesional yang berkepakaran dalam pelbagai perkara.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Komitmen dan Disiplin Membuahkan Kejayaan'
oleh Siti Salwa Shaari, *Berita Harian*, 14 Oktober 2020.

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan 1, terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

Nomofobia merupakan perasaan takut untuk berhidup tanpa telefon bimbit dalam kehidupan yang membawa impak negatif kepada kehidupan seharian kita. Fenomena ini menjadikan kita hamba pada telefon bimbit kerana isi kandungan yang terdapat dalam telefon kita. Kita akan berasa amat stress apabila telefon bimbit tidak berada di sisi kita. Kadang kala, fokus kita terpecah kerana penagihan penggunaan telefon bimbit sehingga mengundang kemalangan jalan raya. Seseengah golongan turut menjadi seseorang yang anti-sosial kerana kurangnya interaksi sesama insan.

[6 markah]

Petikan 2

Sebanyak sembilan kes penipuan umrah melibatkan kerugian kira-kira RM14.1 juta direkodkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sejak daripada 2009 hingga Mei 2013. Mantan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan bahawa kes itu memasukkan lapan buah syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang berlesen serta sebuah syarikat pengendalian pelancongan yang tidak berlesen. Menteri pada ketika itu berkata, tindakan yang boleh dikenakan terhadap syarikat pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan yang tidak memberikan perkhidmatan mengikut terma dan syarat dipersetujui atau penipuan adalah mereka perlu melakukan pembayaran balik, membayar pampasan, dikenakan tindakan kompaun atau pembatalan lesen.

[5 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam Bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemerentak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Dialog di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. **Senaraikan tiga peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.**

Azlan:	Sejak dahulu lagi, banyak rakan sekolah kita berasa kagum apabila melihat hubungan kamu dengan Seng Hock yang sangat erat tidak ubah seperti isi dengan kuku. Kamu berdua juga saling membantu bagi aur dengan tebing.
Nazri:	Oh, Seng Hock memang baik dengan saya sejak kami masih kecil! Dia selalu menyedarkan saya supaya belajar dengan rajinnya. Menurut kata Seng Hock, tanpa usaha, kita tidak akan berjaya bak kata orang tua-tua, malas berdayung perahu hanyut.
Azlan:	Saya melihat dia membawa bekal makanan ke sekolah pada setiap hari. Adakah dia daripada keluarga yang susah?
Nazri:	Oh, kehidupan Seng Hock dan keluarganya tidaklah begitu susah! Dia dengan rela hatinya mahu menabung wang sakunya kerana katanya, sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. Dia menyimpan wang untuk kegunaannya pada masa hadapan.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Memang tidak dapat dinafikan bahawa remaja merupakan generasi wawasan yang akan menerajui pucuk pimpinan dan merealisasikan Wawasan 2020. Sehubungan dengan itu, berbagai-bagai usaha perlu digerakkan untuk melahirkan modal insan berkualiti secara sistematik. Bagi memastikan aspirasi negara berjaya dilaksanakan, remaja Malaysia perlu menguasai ciri-ciri modal insan yang bertaraf dunia.

Modal insan yang berkualiti mestilah mempunyai pengetahuan yang tinggi dan luas. Remaja sebegini sentiasa menyahut seruan kerajaan yang sering menegaskan kepentingan amalan membaca dan menuntut ilmu. Modal insan yang berkualiti tinggi juga memiliki ketahanan fizikal dan mental yang menjadi sebagai asas untuk memiliki tubuh badan yang sihat dan kuat serta fikiran yang sihat dan positif.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Modal Insan Bertaraf Dunia'
oleh Lai Cu Yen, *Dewan Siswa*, Bil. 8, 2015
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Matlamat utama Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dengan minda kelas pertama. Modal insan ialah asas penting dalam pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, golongan remaja menjadi sasaran utama kerana mereka mempunyai potensi tidak ternilai harganya untuk dibangunkan.

Dalam proses membina modal insan, setiap individu harus memiliki sifat ketekunan, iaitu membawa maksud memberikan tumpuan terhadap sesuatu pekerjaan dengan sepenuhnya. Setiap individu juga harus mempunyai tekad dan azam yang kuat serta usaha yang bersungguh-sungguh bagi merealisasikan matlamat tersebut. Di samping itu, seseorang itu juga perlu *memantapkan kawalan minda* yang positif agar setiap perkara yang diusahakannya akan membuahkan kejayaan.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Melahirkan Modal Insan yang Berkualiti’
oleh Siti Maisarah Binti Sewandi, *Dewan Siswa*, Bil.3, 2007
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *memantapkan kawalan minda*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan ciri remaja yang dapat diklasifikasikan sebagai modal insan yang berkualiti.
[3 markah]
- (iii) Usaha untuk membentuk seseorang remaja agar menjadi modal insan yang berkualiti bukanlah suatu usaha yang mudah serta memerlukan peranan daripada pelbagai pihak terutamanya ibu bapa.
- Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa untuk melahirkan modal insan yang berkualiti?
[3 markah]
- (iv) Guru kelas anda telah memilih dan mencalonkan anda untuk menerima anugerah ikon murid cemerlang peringkat sekolah memandangkan anda merupakan murid cemerlang dalam bidang kurikulum, kokurikulum, dan sahsiah di sekolah anda.
- Apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil sebagai persediaan bagi pencalonan anugerah tersebut?
[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Berdasarkan **bahan 1** **bahan 2**, dan **bahan 3**, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelar globalisasi dalam menuju arus perdana.

“Mel, agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang! Jasad yang dibaluti agama serta lidah yang dilebati bahasa ibunda merupakan warisan kita yang masih ada. Andai kedua-dua sudah hilang di atas muka bumi ini, kita bukan lagi generasi bermaruah, tetapi bangsa yang dilaknati Allah.”

Dipetik daripada ‘cerpen *Munsiy*’
Dalam antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2**Sajak Pesan Lelaki Kecil kepada Gadis Kampus**

Kuhantar kau mengecapi angin baru
udara lain dari kampung bendang kuningmu
bumantara asing dari yang sering kaumesrai
yang sama sekali berbeza
dengan suasana suntimu
kau nikmatilah angin dan udara ilmu itu
memesrai azimat dan tangkal
dari *tangga gading*.

Kulepaskan kau menjadi burung putih
dengan sayap berkembang
menongkah awan perak dan kabut dingin
mengenal kalimat hujan dan bilah petir
menyelit antara sembilu nasib
dan waras akal.

Di awan kampus yang sarat ilmu
hadir sihir angin bernafas api
di pohon kampus yang tegar status
berceracak selumbar noda mengabur fikir
di padang kampus yang hijau pertimbangan
tumbuh gunung ego menghalau pekerti.

Pandai-pandailah kau terbang
menongkah awan mulus dan kabus dingin
jangan kau pulang
dengan percikan duka dan balutan luka
di sayapmu yang patah.

Sazalee Yacob,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bahan 3**Pantun Remaja**

Rumpun sejajar pohonnya lada,
 Di pinggir paya cuacanya redup,
 Tekun belajar ketika muda,
 Agar berjaya menempuh hidup.

Berarak mega di senja hari,
 Sinar cahaya warna tembaga,
 Mesti jaga harganya diri,
 Maruah budaya serta keluarga.

Pohon melati di dalam taman,
 Akar selirat dapat dilihat,
 Berhati-hati memilih teman,
 Jangan terjerat kumpulan jahat.

Sulam tampalan baju kebaya,
 Warnanya benang sungguh berseri,
 Kumpul bekalan semampu daya,
 Kelak senang kemudian hari.

Abdul Halim”R”

Rampai *Sari Pantun*

Institut Terjemahan & Buku Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *tangga gading*

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan pesanan yang diberikan berkaitan ilmu yang dituntut oleh generasi muda?

[3 markah]

- (iii) Nasihat ibu bapa penting sangat penting kepada anak-anak sebagai panduan hidup apabila mereka telah dewasa kelak.

Pada pendapat anda, mengapakah ibu bapa sering kali menasihati anak-anak mereka tanpa rasa jemu?

[4 markah]

- (iv) Pada suatu hari, anda ternampak dua orang murid sedang membuang sampah di kawasan sekolah sedangkan terdapat tong sampah disediakan oleh pihak sekolah. Anda berusaha untuk menasihati kedua-dua orang murid tersebut agar mengutip semula sampah yang dibuang tadi.

Apakah pendekatan berkesan yang akan anda gunakan untuk memastikan kedua-dua murid itu menuruti nasihat anda?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. *Baca petikan novel dibawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Penduduk kampung bergotong-royong menyiapkan kerja untuk menyambut kedatangan Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi sebagai tetamu kehormat. Lewat petang, berita mengejutkan yang merentap semangat setiap kumpulan Zapin D’Purnama apabila Lazim tidak dapat menari kerana terlibat dalam kemalangan jalan raya. Mereka kekurangan penari. Haji Salim mencadangkan See Hwa untuk menggantikan tempat Lazim dan meminta Haiqal memujuk See Hwa untuk menari pada malam itu. Selepas maghrib, Haiqal ke rumah Tauke Ong untuk memujuk See Hwa menari. Setelah dipujuk, See hwa bersetuju untuk menggantikan Lazim. Malam itu, walaupun sedikit gemuruh, Haiqal dapat mempersembahkan tarian zapin dengan baik. Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal. Haiqal terharu apabila melihat umi, walid dan adik tirinya datang menyaksikan persembahan zapinnya.

Dipetik daripada ‘novel *Silir Daksina*’
karya Nizar Parman, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan kejutan peristiwa yang dialami oleh Haiqal pada hari tersebut.

[4 markah]

- ii. *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut.*

- a. *Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin*
- b. *Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip*
- c. *Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor*
- d. *Silir Daksina, karya Nizar Parman*

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan kepincangan-kepincangan masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN****Bahan 1**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini. Kemudian buat satu rumusan yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal dalam petikan dan bahan.*

Hampir sebahagian besar golongan remaja dan anak muda yang terdiri daripada lepasan sekolah sehinggalah graduan universiti berharap agar memperoleh kerjaya yang bersesuaian selepas mereka menamatkan pengajian. Pekerjaan yang dapat menjamin masa hadapan yang cerah merupakan faktor seseorang remaja memilih pekerjaan yang diidamkan. Oleh itu, tidak hairanlah jika persaingan untuk merebut pekerjaan semakin sengit sehingga mengakibatkan pengangguran. Oleh sebab itu, remaja perlu memastikan kerjaya ialah pilihan sendiri, bukan kerana desakan ataupun paksaan orang lain, contohnya daripada ibu bapa, keluarga, rakan mahupun guru.

Masalah pemilihan kerjaya sebenarnya masalah yang dihadapi oleh remaja. Dalam hal ini, persediaan sebelum menceburi bidang kerjaya perlu dilakukan, iaitu mengenal pasti kekuatan, kelemahan, minat, dan kemahiran seseorang itu supaya dapat disesuaikan dengan pemilihan kerjaya nanti. Seseorang individu mungkin sesuai bekerja makan gaji, ada pula individu yang lebih selesa bekerja sendiri. Bagi individu yang makan gaji, mereka akan mempunyai majikan, rakan sekerja, serta pelanggan. Mereka perlu bersedia untuk berhadapan dengan tekanan kerja mengikut masa yang telah ditetapkan. Individu yang bekerja sendiri pula harus berani menghadapi risiko dalam persaingan. Banyak orang yang mengatakan bahawa bekerja sendiri menjanjikan pendapatan yang lebih lumayan hingga menyebabkan lebih banyak remaja ingin mencuba kerjaya ini.

Proses pemilihan kerjaya juga disebabkan oleh pengaruh atau terikut-ikut dengan rakan sebaya. Kesannya, remaja itu tidak benar-benar meminati kerjaya berkenaan dan sudah pasti hal ini akan merugikan mereka. Oleh itu, remaja perlu meluangkan masa untuk menghadiri pameran kerjaya yang diadakan oleh pelbagai pihak agar mengetahui hala tuju sesuatu pekerjaan. Mereka boleh bertukar-tukar pandangan serta menimba pengalaman dengan individu yang sudah berada dunia kerjaya. Bagi murid-murid yang masih berada di bangku sekolah, mereka boleh menyertai program mentor kerjaya. Mentor profesional ini akan membimbing murid tentang realiti dunia kerjaya dan dapat memberikan nasihat pemilihan kerjaya berdasarkan kebolehan dan keupayaan yang dimiliki oleh murid tersebut. Konklusinya, keputusan pemilihan kerjaya terletak di tangan remaja itu sendiri. Oleh itu, lihatlah potensi dan rebutlah peluang yang terhidang di depan mata.

Dipetik dan diubahsuai daripada Remaja dan Kerjaya,
oleh Sharifah Nursyidah Syed Annuar,
Dewan Siswa, Bil. 9/2017

Bahan 2

TIP PEMILIHAN KERJAYA

Kebanyakan murid mengalami isu ini. Sebelum anda melangkah keluar dari alam persekolahan, pastikan anda tahu matlamat yang akan anda capai dalam pekerjaan.

REALISTIK
INVESTIGATIF
ARTISTIK
SOSIAL
KONVENSI

1. Kenal pasti minat dan potensi diri
2. Senaraikan beberapa kerjaya yang dominan dengan minat dan personaliti anda
3. Menjawab soal selidik minat kerjaya
4. Kenali tokoh dan idola dalam bidang kerjaya yang diminati
5. Membuat kajian dan analisis keperluan kerjaya dalam dan luar negara
6. Pastikan kelayakan akademik seiring dengan keperluan kerjaya






Buatlah Pilihan yang Bijak untuk Masa Depan Anda

Faktor Pemilihan Kerjaya

1. Memilih pekerjaan yang dominan dengan minat dan personaliti
2. Minat peribadi yang sudah lama wujud
3. Pekerjaan yang berprestij tinggi
4. Kelayakan akademik seiring dengan keperluan kerjaya

TEMA: INTEGRITI**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **2 kata sendi** dan **2 kata hubung**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih**. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Beberapa tahun kemudian, ketika pokok getah tinggi meluyup, hasilnya mula ditoreh. Seminggu sekali, dikepalai Tuan Booth, kepingan getah dikandar puluhan pekerja melintasi jalan kampung menuju ke bandar. Kehadiran Tuan Booth sekeluarga serta lima belas keluarga buruh estet keturunan India merubah wajah kampung kami. Walaupun lelaki kulit putih yang gemar berseluar pendek dan bertopi bulat itu terkenal kerana kemurahan senyumannya, kawasan kebun getah, estet pekerja serta banglo kolonialnya tetap asing kepada kami.

Dipetik daripada cerpen “Cinta Ahmad Mutawakkil”
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

[8 markah]**SOALAN 2: SINTAKSIS**

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan **ayat terbitan** yang bergaris kepada **ayat dasar** tanpa mengubah maksud asalnya.

Pengurusan masa bermaksud pembahagian masa yang diatur dengan betul. Pembahagian masa ini dilakukan supaya aktiviti harian seseorang dapat dijalankan dengan baik. Pengurusan masa juga boleh dimaksudkan sebagai pembahagian masa yang cekap. Pengurusan masa efektif akan memberikan kesan positif kepada seseorang. Remaja dapat memanfaatkan masa bersama keluarga tersayang untuk memupuk sikap kasih sayang dalam keluarga. Hal ini dilihat apabila masa diperuntukkan bersama-sama keluarga untuk melakukan aktiviti sampingan seperti bersenam dan beriadah. Aktiviti riadah dan senaman juga mampu menjanakan kesihatan optimum.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Pengurusan Masa Yang Berkesan’ oleh
Sham al-Johori, *Minda Pelajar*, Januari 2008

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

*Dalam petikan 1, terdapat **lima** kesalahan bahasa manakala dalam petikan 2 terdapat **empat** kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap perkataan, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Petikan 1

Jambu batu atau Psidium Guajava merupakan sejenis tumbuhan perdu yang banyak cabang. Tingginya dapat mencapai 12 meter, manakala daunnya berbentuk telur bulat, kasar dan kusam. Pada era 60an, jambu batu banyak terdapat di kawasan kampung dan digemari ramai. Bagi mereka yang menghadapi masalah paras colestrol yang tinggi dalam darah, amalan pemakanan jambu batu sangat digalakkan. Jambu batu juga boleh membaiki tekstur kulit individu di samping mengelakkan masalah kulit yang mereka alami.

Sumber : *Internet*

[5 markah]

Petikan 2

Kadar keciciran pelajar orang asli menurun daripada 26% pada tahun 2012 kepada 25% pada tahun 2014. Golongan paling banyak tercicir adalah pelajar yang tamat darjah enam dan enggan ke sekolah menengah berikutan jauh dari petempatan mereka. Bagi meningkatkan prestasi akademik mereka, beberapa kelemahan diperbaiki. Kemudahan asas seperti bekalan elektrik perlu disediakan. Umum mengetahui bahawa kemudahan asas seperti perpustakaan, peralatan kursus, dan kemudahan teknologi maklumat dapat membantu pelajar belajar dengan lebih baik.

Dipetik daripada Mengatasi Keciciran Pelajar Orang Asli
oleh Norwaliza Abdul Wahab, *Dewan Masyarakat*, Feb 2016

[4 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka segala orang yang kehilangan itu pun semuanya berhimpun masuk ke dalam pergi mengenal segala harta, tiada seorang pun yang tinggal. Maka kata seorang, “Ini harta patik, tuanku.”

Maka seorang, “Ini pun ia harta patik tuanku.” Kata seorang, “ Ini tuanku benda patik.” Kata seorang, “Ini bantal patik tuanku.”

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
dalam antalogi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pelajaran Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

“Chia Hong! Tunggu”

Aku menoleh, kelihatan Khyra berlari-lari mendapatkan aku dari belakang. Teman sekuliahku ini tak habis-habis berusaha untuk mendekatiku sejak di dalam bilik kuliah tadi. Sengaja aku mempercepatkan langkah agar dia tidak mengekoriku lagi.

“Aku ada idea untuk projek akhir kita! Katanya membuatkan langkahku terhenti. Aku menyedari projek ini memerlukan usaha kami berdua supaya dapat mencapai matlamat yang diharapkan. Sudah hampir dua minggu kami mencari idea untuk projek akhir kursus antropologi, namun masih kebuntuan.

Sumber: *Internet*

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

PUISI “AMANAH”

JAWATAN ITU "AMANAH"

Amanah adalah tanggungjawab

Amanah adalah beban

Amanah adalah hak

Amanah adalah kemampuan

Kita yang amanah, adalah kita yang bertanggungjawab

Kita yang amanah, adalah kita yang mampu memikul bebannya

Kita yang amanah, adalah kita yang mempunyai hak

Kita yang amanah, adalah kita mampu menjaganya

Hilang amanah, kita tidak bertanggungjawab

Hilang amanah, tidak mampu memikul beban itu

Hilang amanah, hilang jati diri

Hilang amanah, tiada integriti

Menjaga amanah insan bertanggungjawab

Menjaga amanah insan sanggup memikul bebannya

Menjaga amanah insan berpegang kepada hak

Menjaga amanah insan yang berintegriti

Sumber : *Internet*

Bahan 2

Integriti dinisbahkan sebagai sikap jujur, amanah dan amalan moral yang tinggi dalam diri seseorang individu. Keutuhan sesebuah organisasi atau negara bergantung kepada nilai integriti yang ada pada individu dalam organisasi dan masyarakat. Musibah COVID-19 banyak menguji dan mengajar kita mengenai kepentingan nilai integriti. Kurangnya nilai kejujuran dalam diri individu dan masyarakat yang akhirnya boleh menyebabkan hilangnya maruah diri. Ketirisan perkakasan hospital seperti topeng muka dan sarung tangan dalam suasana serba sulit hari ini dek COVID-19 menunjukkan ‘kulit’ sebenar sesetengah individu dalam masyarakat. Sikap sebegini *memberikan impak* yang besar kepada negara.

Dipetik dan diubah suai daripada *Kepentingan Integriti Pada Waktu Mencabar*, oleh Prof Madya Dr Nurul Aini Muhamed, daripada <https://www.bharian.com.my>, April 2021.

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *memberikan impak*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** tentang integriti?

[3 markah]

- (iii) Sikap pegawai kerajaan yang tidak berintegriti pada hari ini boleh mengurangkan keyakinan masyarakat terhadap sektor kerajaan.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan masyarakat pada hari ini tidak berintegriti?

[3 markah]

- (iv) Manusia yang berintegriti memerlukan seseorang individu itu menjadi manusia yang bermoral dan beretika dalam segala hal.

Sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda dapat membantu negara agar semua rakyat dapat mengamalkan sikap berintegriti ketika melaksanakan tugas mereka?

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca **bahan 1** dan **bahan 2** di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Saya teringat cerita bonda tentang kota mewah itu yang pernah *mencalit sejarah hitam* dekad lampau. Sejarah yang meninggalkan parut luka sentimen yang bukan sedikit. Sejarah suram yang berparut duka angkara gelodak emosi dan kesumat yang mengalir dalam dada setiap warganya sejak sekian lama.

Dek benih penjajah yang menanam racun perkauman melalui sistem pecah dan perintah, bernanahlah segala prasangka buruk sebelum meletusnya tragedi sengketa dan rusuhan antara warga kota yang mewakili bangsa-bangsa yang berbeza fahaman, bahasa dan budaya.

Akibatnya, darah dan korban menjadi saksi kepada sebuah api pergolakan sehingga mencetuskan huru-hara kepada negara yang baru setahun jagung menghirup udara kemerdekaan. Seperti kata bonda kepada saya setiap kali menjengah kalendar Mei pada wajah hari.

Dipetik daripada cerpen Munsyi, oleh Nazri, dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2**IKATAN PERPADUAN**

Malaysia bumiku Malaysia Terserlah aman dan maju negaranya Pelbagai rona budaya Melayu, Cina, India, Dusun, Bajau dan etnik lain hidup bersama Berpegangan dengan rasa cinta yang sama Seperti sejenis persahabatan yang tak terungkap Biar tak sama budaya dan bahasanya Dan mesranya perhubungan Itulah yang dinamakan perpaduan	Ayuhlah, kita adalah insan satu gagasan Gagasan satu Malaysia Kerana perpaduan itu Seperti sejenis syahdu yang bertiup lalu Tidak tergapai jika tiada kesepakatan Tragedi berdarah pasti berulang Namun, dengan kesepaduan dan perpaduan Kelangsungan kedamaian kaum Berkekalan hendaknya.
Perpaduan Menjadi simbolik kekuatan negara Jika bercerai kita roboh Bersatu kita pasti teguh Jika perpaduan diabaikan Keharmonian negara pasti tergugat Ekonomi negara pasti terkulai	<i>Sumber : Internet</i>

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *mencalit sejarah hitam*.

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kesan-kesan buruk yang diperoleh apabila semangat perpaduan tidak diamalkan oleh semua kaum.

[3 markah]

- (iii) Memupuk perpaduan kaum bukanlah tugas yang mudah. Oleh itu, pihak sekolah seharusnya memainkan peranan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan remaja.

Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan pihak sekolah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid?

[4 markah]

- (iv) Anda sekeluarga baru berpindah ke kawasan kejiranan di bandar yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Anda sekeluarga menghadapi masalah kerana belum mengenali penduduk di kawasan tersebut.

Sebagai keluarga yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang dapat anda sekeluarga lakukan untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk di kawasan kejiranan tersebut.

[4 markah]

SOALAN 8 : PEMAHAMAN NOVEL

- i. Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Jadi, benarlah sistem Dinara ini banyak kelemahannya sekarang?” Farisha meminta kepastian. Aqram hanya mengangguk.

“Penceroboh itu juga mendakwa bahawa mereka telah berjaya menyusupkan satu virus bom jangka yang akan memusnahkan Dinara pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan”.

Farisha meneguk air liur apabila dia mendengar penerangan Aqram. Hal ini serius. Dinara bukan sahaja perlu digodam, tetapi perlu diperkasakan juga.

“Apakah kemusnahan yang dimaksudkan?” tanya Farisha dengan perasaan cemas.

Aqram mengalihkan fokus Farisha kembali kepada gambar rajah arkitek sistem yang dipancarkan pada dinding putih.

“Virus itu akan menghancurkan sistem Dinara dan seterusnya menjangkiti semua alatan yang digunakan pelanggan syarikat telekomunikasi ini”.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

Nyatakan punca-punca Farisha perlu menggodam sistem Dinara?

[4 markah]

- ii. Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel berikut:

- a. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- b. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
- c. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Mandarin
- d. *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah novel** yang anda pelajari, huraikan konflik yang dihadapi oleh watak utama dan cara watak tersebut menyelesaikannya.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

*Baca petikan dan poster dengan teliti, kemudian buat **satu rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120** patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan poster.*

Bahan 1 – Petikan

Rasuah bukanlah satu fenomena baru yang wujud dalam masyarakat moden. Rasuah boleh diertikan sebagai penyuapan, pemerasan atau penyelewengan dalam apa-apa juga bentuk kuasa sama ada melibatkan kewangan atau perkhidmatan dan sebagainya untuk sesuatu kepentingan. Banyak orang lupa bahawa sebab dan asal-usul amalan rasuah atau korupsi itu berbagai-bagai, bukan satu dan bukan dua.

Satu daripada punca yang menyebabkan kegiatan rasuah terus berleluasa adalah kerana sikap segelintir masyarakat yang ingin mengejar kemewahan hidup. Ditambah lagi dengan didikan dan penghayatan terhadap nilai-nilai dan peraturan agama yang senipis kulit bawang, akhirnya seseorang itu mudah tertewas dengan tuntutan hawa nafsu. Rasuah juga sering dikaitkan dengan mereka yang menghadapi masalah kewangan. Sebenarnya perbuatan rasuah tidak akan terjadi jika seseorang itu berpegang teguh kepada ajaran agama dan bertakwa.

Selain itu, rasuah berlaku disebabkan oleh kegagalan pegawai penyelia memantau pekerja-pekerja di bawah tanggungjawabnya. Terlalu banyak penurunan kuasa tanpa pengawasan yang bijak oleh pegawai atasan juga membuka banyak ruang berlakunya perbuatan rasuah. Hal ini akan memudahkan individu tertentu mengambil peluang untuk melakukan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, dan rasuah. Bagi menyelesaikan masalah ini komitmen dan sokongan daripada semua pihak khususnya anggota masyarakat sangat diperlukan. Di samping itu, sikap hidup yang suka bermegah-megah seperti kata orang Perak “biar pape asal bergaye” menjadi amalan yang menyebabkan berlakunya rasuah. Kemajuan sesebuah negara bergantung kepada cerdik pandai dan profesional yang ada. Kegiatan rasuah hanya akan menghakis kepercayaan orang awam terhadap cerdik pandai negara kita. Di samping itu, gejala rasuah turut akan memburukkan taraf kemiskinan rakyat lagi kerana sumber-sumber yang telah ditetapkan bagi membantu rakyat miskin diselewengkan.

Rasuah juga disebabkan kelemahan kepemimpinan dalam sesuatu institusi yang berkaitan. Selain itu, rasuah berlaku disebabkan oleh pemahaman bahawa perbuatan itu bukan satu kesalahan tetapi lebih merupakan ganjaran atas bantuan atau perkhidmatan yang diberikan. Keadaan ini berlaku kerana keuntungan yang diperoleh daripada kegiatan rasuah itu adalah jauh lebih besar berbanding risiko yang bakal dihadapi. Oleh sebab itu, amalan rasuah di negara-negara dunia ketiga didapati lebih serius berbanding negara-negara maju.

Secara tuntasnya, rasuah merupakan gejala yang boleh merebak dan berjangkit sehingga menjadi rangkaian kejahatan yang besar.

Dipetik dan diubahsuai daripada “Memerangi rasuah hingga ke akar umbi”
oleh Hj Samad bin Buang, *Dewan Siswa*, Jun 2011

Bahan 2 – Grafik

JABATAN PERDANA MENTERI
MESEJ INTEGRITI JPM 05/2018

KESAN DAN IMPLIKASI
SEKIRANYA TELAH DIKENAKAN **TINDAKAN TATATERTIB:**

PERHATIAN!

Tidak layak dipertimbangkan untuk pemangkuan / kenaikan pangkat dalam tempoh berikut:

Hukuman	Tempoh
Amaran	12 bulan
Denda	18 bulan
Lucut Hak Emolumen	24 bulan
Tangguh Pergerakan Gaji	30 bulan
Turun Gaji	36 bulan
Turun Pangkat	48 bulan

- Tidak layak dipertimbangkan untuk **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** selama tempoh hukuman masih berkuatkuasa
- Tidak layak dipertimbangkan untuk menerima **Pingat Perkhidmatan Cemerlang**
- Tidak layak dipertimbangkan untuk menerima **Pingat dan Darjah Kebesaran Persekutuan / Negeri**
- Tidak layak dibayar **imbuhan tahunan dan bayaran khas** pada tahun semasa hukuman dikenakan

Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2009

Sumber : Internet

TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 markah]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti, senaraikan **tiga kata nama am** dan **dua kata nama khas**. Kemudian, anda dikehendaki **membina satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Sejak dibuka kepada orang ramai pada tahun 1995, Air Terjun Telaga Tujuh amat dikagumi dan dikenali ramai sebagai air terjun paling cantik di Langkawi, Kedah. Air terjun ini bermula dari kawasan puncak Gunung Machinchang lalu membentuk tujuh buah air terjun dengan tujuh buah telaga di tujuh ketinggian yang berbeza. Air terjun yang turun meresap masuk ke dalam tanah lalu ditapis. Air jernih ini akan mengalir dari satu telaga ke satu telaga yang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Keajaiban Telaga Tujuh’ Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, DBP, m/s 178.

[10 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan **ayat majmuk** yang bergaris dalam petikan kepada **ayat tunggal** tanpa mengubah maksud asalnya.

Skrip drama berbeza daripada novel dan cerpen. Dalam dua genre ini, situasi bagi peristiwa yang berlaku akan dijelaskan secara rinci kepada pembaca. Dalam skrip drama pula, pembaca hanya akan diberikan gambaran umum tentang situasi atau latar. Skrip drama boleh digerakkan oleh dialog manakala pemikiran pengarang dapat disampaikan melalui dialog watak-watak dalam drama. Skrip drama yang baik akan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pemikiran pengarang.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Tahukah Anda?’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, DBP, m/s 131.

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Dalam petikan di bawah, terdapat **lapan kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada lapan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Yayasan Salam Malaysia atau ringkasnya SALAM adalah badan bukan kerajaan yang diadakan pada tahun 1997. Penubuhannya adalah bertujuan untuk menanamkan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat. Para sukarelawan SALAM yang mampu mewujudkan kesejahteraan dalam komuniti dengan cara memupuk etika perkongsian, sikap bantu-membantu dan saling sayang-menyayangi. Oleh itu, rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun di atas dialu-alukan untuk menyertai sukarelawan SALAM.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Yayasan Salam’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, DBP, m/s 124.

[8 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, **tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

“Hai Temenggung, suruh segala saudagar berkawal pada kampungnya!”. Maka Temenggung pun menyuruhkan orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar. Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu berjalan di tengah orang banyak itu. Setelah hari pun siang, orang kaya-kaya itu pun datang menghadap raja dan mengadukan halnya kecurian semalam itu. Baginda pun hairan serta bertitah pada Temenggung.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’
dalam Buku Antologi Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul DBP, m/s 32.

[5 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat-tempat kosong dengan **peribahasa** yang sesuai.

- Suresh : Wah, bersih sungguh tempat ini! Dahulu tidak begitu.
 Haziqah : _____. Kini, kesedaran tentang penjagaan kebersihan di tempat awam semakin meningkat.
 Arman : Minggu lepas, saya dan Haziqah ke tempat perkelahan yang berhampiran dengan rumah saya. Keadaannya agak mendukacitakan.
 Haziqah : Betulkah begitu Suresh?
 Suresh : Betul, Haziqah. Tempat ini bersih sungguh sebelum ini.
 Haziqah : Aduhai, sungguh tak sangka! Janganlah kita menjadi_____.
 Arman : Ya, kesedaran tentang penjagaan awam perlu bermula dari rumah. Ibu bapa perlu menjadi contoh kerana_____.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Komik Bahasa’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, DBP, m/s 82

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 markah]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Minat memasak membawa Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, mengembara merentas ke seluruh ceruk desa dan merentas 11 daerah di Pahang hampir setahun bagi melengkapkan pencarian lebih kurang 600 resipi manisan tradisional Pahang, sekali gus sebagai kesinambungan koleksi Air Tangan Tengku Tuan Pahang : Masakan Tradisional Pahang yang diterbitkan pada tahun 2007.

Inspirasi untuk menghasilkan buku ini tercetus kerana baginda mahu resipi lama menjadi warisan kepada generasi akan datang yang mungkin *hilang ditelan zaman* jika tiada usaha menghimpunkannya dalam bentuk buku. Menurut baginda, kompilasi buku manisan itu cukup istimewa kerana memuatkan resipi yang jarang-jarang dinikmati, terutamanya juadah asli air tangan orang lama termasuk wanita perkampungan Orang Asli.

“Maka tercetuslah pelbagai jenis resipi yang jarang-jarang disediakan seperti pengat pisang tradisional, tahi murai, anak lebah, cucur betawi dan kuih peria yang merupakan antara manisan yang menggunakan mayang pinang,” titah baginda.

Dipetik dan diubah suai daripada “Anak raja rentas hutan kumpul 600 resipi”, oleh Mahani Ishak, *Berita Harian*, Ogos 2018.

Bahan 2

Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) mengambil inisiatif untuk menganjurkan program berteraskan masakan dan makanan tradisional agar pertautannya dengan latar belakang sejarah dan kebudayaan pelbagai kaum di negeri ini menjadi teras utama dan dapat dipertahankan daripada generasi kepada generasi. Program yang dinamakan Pesta Masakan Warisan Melaka mula dilaksanakan pada tahun 2004 dan berterusan hingga tahun 2015.

Program ini menjadi medan berkumpulnya kepelbagaian dalam penyatuan masyarakat berbilang kaum untuk menampilkan identiti dan keunikan kebudayaan dan cara hidup masing-masing. Masyarakat Melayu, Cina, India, Portugis, Orang Asli dan Baba Nyonya menjadi penyeri dan tunjang utama yang menyebabkan pesta ini bukan sahaja mendapat tempat di hati rakyat setempat, malah pelancong dari dalam negara dan luar negara.

Melalui program ini juga, buku resipi masakan Gemilang Masakan Warisan Melaka

diterbitkan pada tahun 2008 untuk mengabdikan resipi warisan berbilang kaum untuk generasi akan datang. Keenakan masakan asam pedas, masak pindang, ayam pong tay, lemak udang nanas, ikan pais dan nasi dalam buluh ditampilkan melalui buku resipi yang diilhamkan oleh Toh Puan Zurina Kassim, isteri Yang di-Pertua Negeri Melaka dan direalisasikan penerbitannya, oleh PERZIM dengan kerjasama Kumpulan Karang kraf dan ADABI Consumer Industries (M) Sdn. Bhd sebagai penaja rasmi.

Dipetik dan diubah dariapada “Pesta Masakan dan Makanan Warisan Melaka”
oleh Noor Azimah Md. Ali, *Dewan Budaya*, Bil 01/2016.

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *hilang ditelan zaman*.
[2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan** dan **perbezaan** tentang buku resipi yang dihasilkan.
[3 markah]
- iii. Pada masa dahulu, makanan tradisonal menjadi salah satu sumber tarikan pelancong ke negara Malaysia. Namun, masyarakat pada hari ini kurang mengenali makanan dan kuih-muih tradisional.

Pada pendapat anda, apakah sebab-sebab makanan tradisional semakin dilupakan dan jarang ditemui?
[3 markah]
- iv. Kuih-muih tradisional seperti kuih bahulu, kuih akok, kuih talam, dan kuih cincin semakin kurang dikenali oleh generasi muda pada hari ini.

Sebagai generasi muda, bagaimanakah anda dapat mempopularkan semula makanan dan kuih-muih tradisional?
[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

“Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. Bahasa jiwa bangsa. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun.”

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikirimkan kepada sahabat lama di kota.

Dipetik daripada cerpen ‘Munysi’ oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2**AKU SANG TUA INGIN BERPESAN**

Aku sang tua di senja usia
dengarkan anak muda
aku sang tua ingin berpesan
jadi dewasa tugasnya berat
kentalkan sumur jiwamu
jadi dewasa tangisnya tersekat
teguhkan benteng hatimu
jadi dewasa otaknya sarat
perkasakan gerbang akalmu.

Anak muda pewaris bangsa tanah merdeka
bukan hidup jika tiada beronak duka
bukan manusia jika tiada ranjau dugaan
jika tersungkur jangan engkau mengalah
jika rebah jangan engkau tertewas
bangkit dan terus bangkit

kelemahan bukan penghalang
kelemahan manipulasikan jadi kekuatan
tiada kelemahan selagi engkau berjuang
bukankah, keinginan mengatasi keupayaan?

Dewan Siswa, 2018
Dewan Bahasa dan Pustaka

- i. Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *senja usia*.
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan antara bonda dan sang tua.
[3 markah]
- iii. Seseorang perantau hendaklah melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu di dada.

Pada pendapat anda, apakah persiapan-persiapan yang perlu dilakukan oleh remaja yang ingin hidup di perantauan?
[4 markah]
- iv. Rakan anda sering keluar malam hingga lewat pagi untuk berhibur bersama rakan-rakannya di kelab malam.

Sebagai rakan serumah, apakah tindakan yang akan anda lakukan agar rakan anda berubah sikap.
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Umi, yang umi beri kepada along selama ini memang tidak ada kurangnya. Cukup. Namun along ke sana ada sebab. Along cuma hendak memenuhi harapan ayah. Ayah yang suruh along ke sana, umi,” jelas Haiqal.

“Along, ayah dah tujuh tahun meninggal. Harapan apa lagi? Dah, lupakan sahaja hasrat along tu,” tingkah uminya.

“Tapi, umi...along mesti ke sana juga. Banyak perkara yang perlu along ketahui. Along dah besar, umi,” tegas Haiqal.

“Apa lagi yang along nak selesaikan? Cakap dengan umi. Along mesti terima hakikat, ayah along sudah meninggal.”

Haiqal menyandarkan tubuhnya pula ke sofa. Matanya kini tertumpu kepada kipas siling yang berputar perlahan. Kemudian, dia memandang uminya lalu berkata, “Memanglah ayah sudah meninggal, umi. Along tahu, ada sesuatu yang ditinggalkannya buat along di sana. Selama ini, along tak kenal ayah along sendiri. Ayah meninggal sebab apa pun, along tak tahu. Bagi umi, semuanya rahsia. Apa dosa ayah umi?”

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*, karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan faktor yang menyebabkan along tetap bertekad untuk ke kampung arwah ayahnya walaupun dilarang oleh uminya? [4 markah]

- ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- Silir Daksina, karya Nizar Parman
- Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Mandarin
- Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah** novel yang ada pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang dapat dikaitkan dengan kepincangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 MARKAH]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

*Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

Bahan 1 – Petikan

Seni menjadi manifestasi tamadun kehidupan sesebuah negara dan peranannya cukup besar dalam pembangunan masyarakat. Teater, seni tari, muzik, seni halus dan sinematografi umpamanya adalah prinsip asas yang diamalkan dalam seni dan pelengkap kepada kehidupan berkualiti.

Semua negara maju di dunia menegaskan pentingnya kesenian dan kebudayaan sebagai cerminan kehidupan masyarakat. Oleh itu, dalam memartabatkan kesenian dan kebudayaan negara, pencapaian, kualiti dan kemudahan untuk kegiatan kesenian perlu diberikan penekanan kerana turut dijadikan antara kayu ukur dalam penentuan tahap kemajuan sesebuah negara.

Pada masa ini, seni antara elemen pembangunan negara yang berkemampuan menjana kehidupan lebih berkualiti. Melalui latihan seni yang berteraskan pendidikan, sesebuah masyarakat pasti mampu menjelmakan modal insan yang berhemah dan bertamadun. Pelaksanaan program seni yang berkualiti tidak dapat dijayakan dengan hanya membiarkan program itu berjalan sendirian di sekolah semata-mata.

Seni, seperti juga program pembangunan yang lainnya, perlu dibimbing, dipupuk dan dirancang melalui program asuhan, bimbingan serta latihan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat perancangan selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan berkaitan memperkayakan kebudayaan, kesenian dan warisan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang lengkap, unggul dan prihatin terhadap seni.

Pelbagai program sudah dilaksanakan di sekolah sejajar dengan perkembangan dalam pembangunan pendidikan berorientasikan kepelbagaian kemahiran dan kecerdasan. Hal ini penting supaya generasi hari ini lebih berupaya menghadapi realiti dunia pekerjaan yang persaingannya sangat sengit dan mencabar. Hasrat murni KPM untuk mendaftarkan pendidikan kesenian di sekolah adalah selaras dengan misi dan visi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ke arah melahirkan bangsa Malaysia yang kaya dengan budaya warisan serta kesenian luhur dan beridentiti.

Melihat kelebihan itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) melaksanakan Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) dengan mengambil inisiatif menyediakan latihan seni budaya kepada setiap lapisan masyarakat bagi tujuan meningkatkan kefahaman serta kecintaan terhadap seni budaya. “Sebut saja tarian, ramai yang menganggap ia hanya pergerakan mengikut irama lagu. Namun di sebalik persembahan itu, ia membentuk sahsiah diri penari atau pemain (bagi permainan tradisional juga seni budaya) seperti disiplin menepati masa dan juga mematuhi setiap peraturan. “Setiap persembahan atau latihan seni budaya yang disertai individu secara tidak langsung mempamerkan elemen nilai murni.

Dipetik dan diubah suai daripada “Seni Budaya Bukan Remeh”
oleh Fazurawati Che Lah, *Harian Metro*, 2017.

Bahan 2 – Grafik



TEMA : PENTADBIRAN DAN POLITIK**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 MARKAH]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata hubung** dan **dua kata sendi nama**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perkembangan pesat dalam bidang telekomunikasi dan maklumat memudahkan capaian kepada aplikasi Internet malah sesiapa sahaja boleh melayarinya. Sebenarnya, kebanyakan ibu bapa bimbang akan fenomena remaja yang melayari Internet kerana hal ini akan mendatangkan pelbagai kesan negatif. Tidak dinafikan bahawa golongan remaja yang kerap berada di kafe siber begitu terangsang melayari Internet kerana tarikan Internet lebih menyeronokkan berbanding dengan gadget-gadget yang lain. Keresahan dan kebimbangan ini dapat dirasakan oleh kebanyakan ibu bapa apabila remaja terpengaruh oleh budaya hedonisme dan akhirnya melalaikan kepentingan pelajaran. Faktor ini didorong oleh sesetengah ibu bapa yang buta Internet dan tidak mengetahui kebaikan dan keburukannya terus dimanipulasi oleh remaja untuk mengunjungi kafe siber.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Atasi Kesan Internet’
oleh Ami Masra
Dewan Siswa, Jun 2013

[8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis subjek dan predikat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut.

Subjek : _____
Predikat : _____

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan masyarakat yang berbilang etnik dan keturunan. Semua bangsa dapat bekerjasama secara kolektif dan mengamalkan prinsip-prinsip jitu untuk perpaduan. Masyarakat Malaysia hendaklah mengamalkan sikap keterbukaan yang perlu disemai sejak kecil kerana amalan ini membuktikan sebarang usaha mewujudkan perpaduan kaum akan menghasilkan natijah yang berkesan. Masyarakat pelbagai kaum boleh mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Perpaduan : Di manakah Penghujungnya’
oleh Dr Ahmad Zaharuddin Sani Sabri,
Mstar Online, Februari, 2012

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

*Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Seorang guru sekolah berputih-mata selepas ditipu sebanyak RM358 350 oleh sindiket sejak Ogos lampau. Semuanya bermula apabila guru wanita daripada Bayan Lepas itu mula berkenalan dengan seorang lelaki yang dikenalkan sebagai Yusuf Ismail Osman melalui sebuah taman media sosial. Ketua polis daerah barat daya, Superintendan AA Anbalagan berkata, lelaki itu memberitahu mangsa yang berusia 53 tahun itu bahawa dia telah mengpos hadiah kepada-Nya. Menurutnya, susulan daripada itu, mangsa dihubungi seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai perkhidmatan kurier bernama Khalid. Lelaki itu mendakwa bahawa mangsa mempunyai bungkusan hadiah dan perlu membayar RM2 850 untuk pembayaran duti import dan caj penghantaran. Mangsa yang menyangka bungkusan itu dikirim oleh kenalannya yang bernama Yusof terus membayar wang berkenaan secara di dalam talian ke akaun seorang bernama.

Sumber : *Internet*

[11 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan Bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Wisna : Sikap mementingkan diri sendiri bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk
Masing-masing jika dibiarkan akan melunturkan semangat kejiranan
dan menjejaskan perpaduan negara. Segala masalah dapat diselesaikan secara
muafakat kerana muafakat membawa berkat.

Marty : Betul tu, Wisna. Kita bukan sahaja perlu menjauhkan diri daripada sikap
mementingkan diri sendiri malah kita hendaklah sentiasa menghulurkan
bantuan bagai aur dengan tebing kepada jiran-jiran yang susah.

Wisna : Selain itu, kita juga seharusnya mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu
kesilapan bak kata pepatah ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua
kerana jiran-jiran kita turut menerima akibat daripada kesilapan yang kita lakukan.

Marty : Saya setuju dengan pendapat awak, Wisna.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 markah]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Individu yang berintegriti akan tetap mematuhi peraturan jalan raya walaupun lampu isyarat merah menyala dan tiada sesiapa di situ kecuali diri sendiri pada pukul 2.00 pagi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana takrif integriti memerlukan individu bertingkah laku berdasarkan prinsip moral dan nilai-nilai etika, tanpa mengambil kira sama ada dilihat atau tidak. Mereka yang tidak berintegriti cenderung melanggar peraturan dan undang-undang kerana mereka berpendapat bahawa tiada hukuman yang dikenakan terhadap salah laku mereka. Oleh itu, untuk menjadi manusia yang berintegriti, seseorang individu perlu menjadi manusia yang bermoral dan beretika dalam semua aspek kehidupan setiap masa.

Dalam aspek tadbir urus dan pentadbiran organisasi, misalnya keruntuhan integriti menyebabkan berlakunya pelbagai kepincangan seperti peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah. Tidak kira sama ada dalam organisasi awam mahupun swasta, pemegang jawatan ataupun pekerja yang tidak memiliki integriti akan sentiasa mencari peluang untuk melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi tanpa memikirkan implikasi perbuatan mereka terhadap imej organisasi dan negara.

Dalam aspek pendidikan pula, tindakan oleh individu-individu tidak berintegriti boleh mencemarkan kesucian bidang yang sangat penting untuk membangunkan modal insan negara ini. Perbuatan-perbuatan memanipulasikan kelayakan akademik bukan sahaja akan *meruntuhkan reputasi* si pelakunya, tetapi juga mengakibatkan kualiti sistem pendidikan negara di semua peringkat dipertikai secara keseluruhan.

Sumber : *Internet*

Bahan 2

Mutakhir ini, saban hari kita dihidangkan dengan berita yang berkaitan dengan skandal korporat, rasuah skala besar, penyelewangan dana, ketirisan bantuan, pecah amanah, penipuan peruntukan dan pembelian, malah banyak lagi jenayah moden yang menggambarkan wujudnya ciri-ciri masyarakat maju, tetapi tidak berintegriti. Adakah ini petanda elemen integriti dalam kalangan kita semakin lemah?

Orang ramai bukan sahaja tidak lagi berasa malu untuk melakukan rasuah malah juga tidak takut akan dihukum. Terdapat segelintir pihak pula berasa bangga apabila perlakuan buruknya tidak dapat dibuktikan. Di sesetengah sempadan dan pelabuhan negara, diesel, petrol, beras, minyak masak, gula dan pelbagai barangan bersubsidi kelihatan mudah keluar dari negara ini disebabkan wujudnya manusia tidak berintegriti. Bunyinya seperti tidak ada apa-apa dan tidak memudaratkan, tetapi memberikan kesan sangat buruk kepada orang lain, menjejaskan kesejahteraan hidup, mengugat keselamatan, keharmonian dan pertumbuhan ekonomi.

Orang yang tidak berintegriti sebenarnya tidak boleh dipercayai. Orang yang tidak berintegriti sentiasa berkemungkinan melanggar peraturan dan undang-undang, mengkhianati amanah, mungkir janji, mementingkan diri sendiri, bersikap kurang ajar dan tidak menghormati orang lain.

Dipetik dan diubah suai daripada *Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *meruntuhkan reputasi*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan orang yang tidak berintegriti?
[3 markah]
- (iii) Integriti dalam bidang pendidikan perlu diperkukuh supaya lebih ramai yang cemerlang dapat dilahirkan.

Pada pendapat anda, apakah amalan-amalan berintegriti dalam bidang pendidikan?
[3 markah]

- (iv) Amzari dimarahi ibunya kerana dia enggan hadir ke sekolah pagi tadi. Dia menyimpan perasaan dendam kepada ibunya kerana berpendapat dia tidak bersalah. Amzari berasa ibunya tidak menyayangnya lagi. Oleh itu, dia mengambil keputusannya melarikan diri dari rumah. Anda mendapat tahu perkara ini dan berpendapat tindakan ini merupakan tindakan yang tidak berintegriti dalam keluarga.

Sebagai rakan baik Amzari, bagaimanakah anda boleh membantu Amzari?

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

Bahan 1

Akhirnya harapan yang diimpikan selama ini menjadi kenyataan. Kini, dia sudah bergelar guru berijazah walaupun belum lagi memasuki kelas untuk memulakan tugas dan belum lagi berhadapan dengan murid. Paling seronok dan amat dibanggakan, kini dia guru Bahasa Melayu yang akan mengajar bahasa kebanggaan ini, yang bukan bahasa ibundanya malah bahasa rasmi negara, serta bahasa yang dikatakan menduduki tangga keempat paling banyak penuturnya di dunia. Dia diberitahu bahawa bahasa Melayu kini dituturkan oleh kira-kira 300 juta daripada jumlah penduduk dunia dengan penuturnya dalam pelbagai dialek, namun tetap dapat difahami oleh satu sama lain.

Dipetik daripada cerpen “Mantap” oleh Ramli Abdul Halim,
Pelita Bahasa, Bil 12, 2018

Bahan 2**Sajak Dirgahayu Bahasaku**

Tempatmu di singgahsana
hati nurani bangsaku
warga yang berbudi
Setia dan amanah

Bahasa itu maruah bangsa
yang mesti dipelihara martabatnya
agar tetap kukuh dan ampuh
melayari lautan bijaksana
salam ikatan mesra dan teguh

Cekal dan waja semangat pejuangku
hak bangsaku memiliki
hak bangsaku mendaulatkanmu di bumi
bertuah ini
Merentas dunia tak bertepi .

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan
ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan
gagah pelautku membelah lautan
ke utara dan ke selatan bahasaku
mencengkam dan pulau ke pulau menggilap
mutiara silam.

Dirgahayu bahasaku
di arena antarabangsa suaramu tumbuh
menusuk kalbu lagu bahasamu
bahasamu bahasa minda
mudah akrab dan bertatasusila
daripada bangsa yang bernama Melayu
menempa kejayaan di alaf baru.

Ahmad Sarju
Antologi Dirgahayu Bahasaku

(i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *cekal dan waja*.
[2 markah]

(ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan fungsi bahasa Melayu
[3 markah]

(iii) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan platform kerajaan untuk membina dan memperkaya bahasa Melayu dalam semua bidang.

Pada pendapat anda, apakah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka?
[4 markah]

(iv) Anda merupakan guru bahasa Melayu di sebuah sekolah. Anda mendapati murid-murid anda sangat lemah dalam bahasa Melayu.

Sebagai seorang guru bahasa Melayu, bagaimanakah anda membantu mereka untuk menguasai bahasa Melayu?
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

i. *Baca petikan novel di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Haiqal meletakkan kembali manuskrip setebal lima puluh lapan muka surat itu di atas meja kecil di sisi katilnya. Sudah seminggu dia membelek-belek manuskrip yang berkulit biru muda itu. Kertas kandungannya sudah berwarna kekuning-kuningan lantaran dimamah masa. Sejak kehadiran manuskrip itu, seolah-olah itulah dunia baharunya. Bagai tidak lengkap jika dia tidak membaca sehelai dua kandungan manuskrip itu pada setiap hari sejak sampai ke tangannya.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*, karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan ciri-ciri manuskrip yang diterima oleh Haiqal.

[4 markah]

ii. *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- a. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- b. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Mandarin
- d. Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

SOALAN 9 : RUMUSAN

Baca petikan dan bahan grafik yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1

Kementerian Pendidikan Malaysia disarankan agar menjadikan pengucapan awam sebagai subjek khusus dalam sistem pendidikan negara kerana masih yang tidak mahir untuk berkomunikasi apabila berada di khalayak ramai. Terdapat banyak kesan positif jika subjek ini dijadikan huraian sukatan pelajaran di negara kita. Antara kesan positif tersebut termasuklah dapat melahirkan individu yang dapat menjadi pemimpin masa hadapan.

Selain itu, subjek pengucapan awam ini juga dapat memudahkan remaja untuk mencari pekerjaan suatu hari nanti. Di samping itu, pengucapan awam ini dapat mencungkil bakat dan potensi remaja untuk menjadi remaja yang cemerlang. Guru dapat membantu dalam mengenal pasti murid yang boleh menjadi pemidato atau pendebat yang baik. Seterusnya, pengucapan awam juga memastikan sama ada seseorang murid itu benar-benar cemerlang atau tidak dalam bidang bahasa.


Pengucapan awam turut memberikan skil penyampaian komunikasi yang berkesan melalui teknik-teknik tertentu. Pengucap yang baik dapat menyampaikan maklumat mengikut fokus acara seperti ceramah, syarahan, dan pembentangan, mempunyai pengetahuan tentang perkara yang hendak disampaikan serta peka dengan latar belakang dan

situasi semasa hadirin. Pengucap yang baik dan berkesan juga lazimnya menggunakan kepelbagaian intonasi suara, bijak mengawal kelajuan suara dan sentiasa melibatkan hadirin dalam pengucapan mereka. Kemahiran pengucapan awam mampu menjadikan graduan-graduan yang menceburi pengucapan awam lebih ke hadapan berbanding dengan graduan lain. Malah, kemahiran yang dikuasai akan memberikan keyakinan apabila berkomunikasi dengan khalayak.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana “Hala Tuju TVNET di Malaysia”,

Oleh Khairul Ariffin, Dewan Masyarakat, Mac 2020

Bahan 2



Sumber : *Internet*

TEMA: PERINDUSTRIAN**BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 MARKAH]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata adjektif** dan **dua kata kerja**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih turut memudahkan orang ramai menyebarkan berita palsu dengan begitu cepat melalui media sosial. Selain itu, ketaasuban individu yang mahu menjadi ‘orang pertama’ yang menyebarkan sesuatu berita tanpa menyelidik kesahihannya juga menjadi punca penularan berita palsu. Oleh itu, setiap individu harus bertanggungjawab terhadap perkara yang dikongsikan menerusi media sosial. Hal ini bagi mengelakkan penularan berita palsu, rekaan dan fitnah.

Dipetik dan diubah suai daripada “Penularan Wabak Berita Palsu”
oleh Laupa Junus, *Dewan Masyarakat*, Jun 2020

[8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Gabungkan ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi **tiga ayat majmuk** tanpa mengubah maksud asalnya.

Malaysia merupakan pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia. Malaysia amat menekankan pengeluaran biodiesel sawit. Langkah ini merupakan sebahagian daripada strategi kerajaan. Kerajaan mempelbagaikan penggunaan minyak sawit. Kerajaan merangsang peningkatan harga minyak sawit. Harga kelapa sawit mengalami kejatuhan. Berlakunya kelembapan pasaran minyak sayuran dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
“Biodiesel Sawit Sumber Tenaga Mesra Alam”
oleh Mohd Saufi Awang, *Berita Harian*, 14 Februari 2019

[6 markah]

SOALAN 2 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah terdapat **sembilan kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada dua belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Karnival kerjaya yang dianjurkan oleh Yayasan Anak Watan Malaysia (Yawam) dan Persatuan Mahasiswa Muda (Permam) telah memberikan ruang kepada anak muda untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Berbagai aktiviti menarik dan sarat dengan ilmu turut disediakan seperti acara senam robik, program bual bicara bersama panel jemputan, dan uji bakat kerjaya dalam bidang penyiaran. Selain itu, karnival ini turut menyediakan ruang niaga untuk 30 baris gerai makanan, pakaian, barangan digital dan kounter kesihatan Hospital Kuala Lumpur untuk pemeriksaan kesihatan.

Menerusi program bimbingan Tata cara Temu Duga dan Taklimat Industri pula, pengunjung mendapat beberapa tip untuk temu duga. Bengkel dan taklimat semasa Kaunselling Kerjaya bersama panel penganjur membolehkan para pengunjung mendapatkan panduan dan latihan temu duga sebagai persediaan untuk temu duga sebenar.

Dipetik dan diubah suai daripada *Alam Kerjaya Terbentang Luas*
Buku Teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4, muka surat 37,
 Dewan Bahasa dan Pustaka

[9 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?”

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, “Hai anakku, yang bapakmu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka.”

Dipetik daripada “Kepimpinan Melalui Teladan”
 antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
 Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Walaupun Aiman gagal dalam peperiksaan sekolah tetapi dia tidak berputus asa dan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam pelajaran untuk mencapai keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang. Oleh itu, dia tidak suka menanggung-nanggungkan segala kerja sekolah yang diberikan oleh guru kerana sikap itu akan merugikan diri sendiri. Aiman yakin bahawa jika dia tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh, dia tidak akan mencapai kejayaan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 MARKAH]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kurang lengkap kunjungan seseorang pelancong yang bertandang ke Sarawak jika tidak membawa pulang kek lapis Sarawak. Juadah ini menjadi pilihan pelancong sebagai cenderamata untuk diberikan kepada sanak saudara dan sahabat handai. Oleh yang demikian, kek lapis Sarawak mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja pada hari perayaan, malahan pada hari biasa.

Pada masa ini, kek lapis Sarawak telah menjadi sebahagian daripada ikon pelancongan Bumi Kenyalang. Permintaan yang tinggi ini menjadikan pembuatan kek lapis ini sebagai satu industri besar di Sarawak, khususnya yang diusahakan oleh golongan wanita. Masyarakat tempatan mengambil peluang perniagaan dalam penghasilan kek lapis apabila menyedari potensinya yang memberikan pulangan lumayan. Perusahaan ini juga mendapat perhatian daripada kerajaan negeri Sarawak yang memberikan bantuan modal kepada pengusaha yang berminat untuk mengusahakannya. Pengusaha kek lapis Sarawak mestilah menghasilkan produk yang memenuhi piawaian dari segi kualiti, pembungkusan, dan pelabelan untuk menarik minat pelanggan. Pembuatan dan penghasilan kek lapis berperanan penting kepada sektor pelancongan kerana produk ini *sinonim dengan imej* negeri Sarawak.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Ikon Pelancongan Bumi Kenyalang’
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 2

Seni batik merupakan salah satu akar budaya yang menjadi identiti bangsa Malaysia dan bidang kraf tangan yang unggul di Malaysia. Selain itu, batik juga boleh dijadikan cenderamata kepada sesiapa sahaja sama ada di dalam mahupun di luar negara. Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia perlulah bekerja keras untuk mempromosikan batik agar produk ini mendapat tempat dalam kalangan masyarakat tempatan dan pelancong asing. Di samping itu, teknologi baharu seperti penggunaan mesin dan bantuan komputer untuk menghasilkan batik yang lebih menarik dan berkualiti diperkenalkan. Para pengusaha batik tempatan perlu lebih kreatif dalam menghasilkan batik yang lebih menarik dan lebih bermutu bagi memastikan batik tempatan mampu bersaing dengan batik dari negara-negara lain. Sudah tiba masanya seni batik Malaysia yang diusahakan secara turun-temurun, kembali berdaya maju seperti yang pernah dilaluinya sebelum ini dan terus bertapak di hati generasi demi generasi sebagai khazanah bangsa yang dibanggakan.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Memartabatkan Batik Malaysia'
oleh Samat Buang, *Dewan Siswa*, April 2006

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *sinonim dengan imej*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan **persamaan dan perbezaan** antara perusahaan kek lapis Sarawak dan perusahaan batik.
[4 markah]
- (iii) Perusahaan industri kecil dan sederhana yang diusahakan di kawasan luar bandar atau desa membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan jika diusahakan secara konsisten dan terancang.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh masyarakat setempat untuk mengusahakan sumber bahan mentah yang ada bagi menjana pendapatan dalam industri desa?

[3 markah]

- (iv) Sebagai salah seorang penduduk di kawasan perkampungan nelayan, Pak Ali sering kali menghadapi masalah apabila tiba musim tengkujuh menyebabkan sumber pendapatan keluarga yang diperoleh hasil daripada perusahaan ikan keringnya terjejas. Hal ini juga turut menyebabkan Pak Ali dan keluarganya hampir hilang punca pendapatan untuk menampung kehidupan seharian.

Sebagai seorang pegawai dari Jabatan Perikanan, cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh Pak Ali untuk mengubah nasib keluarganya.

[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

“Awak tahu siapa Tuan Besar Musa? Korporat, teknokrat yang banyak *menyumbangkan dana* kepada kelab elit kita. Kita tak mahu dia mati. Dia dermawan yang prihatin. Kita begitu berhutang budi kepadanya. Makan malam kita yang beratus-ratus ribu itu ditaja olehnya. “

Tekanan darah Solehah semakin rendah. Jeritku menyapa kuping Profesor Doktor Juaidi. Dia menoleh.

“Berikan *gelafundin*,” arahnya acuh tak acuh.

“Dia memerlukan darah.” Hatiku pilu tiba-tiba.

“Kandungan *gelafundin* itu seakan-akan darah.” Mata bulat berkening lebat doktor itu terjegal. “Paling tidak pun dapat meningkatkan tekanan darah. Sekurang-kurangnya dia tidak mati untuk hari ini.”

Dipetik daripada ‘Cerpun Gerhana Manusia’
dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

(Dalam wad pesakit jiwa, AZMIR didatangi DOKTOR)

DOKTOR : Encik Azmir apa khabar?

AZMIR : Baik, doktor. Doktor?

DOKTOR : Saya juga baik. Terima kasih. Encik Azmir suka tak kalau saya benarkan Encik Azmir keluar bersiar-siar di luar sana?

AZMIR : (Tidak sabar) Saya suka, tuan doktor. Terima kasih, tuan doktor.

DOKTOR : Saya benarkan Encik Azmir keluar bersiar-siar di luar kerana Encik Azmir telah memperlihatkan kelakuan yang baik, tetapi jangan pergi jauh-jauh. Selepas bersiar-siar, Encik Azmir mesti balik ke sini semula. Jika Encik Azmir boleh patuh kepada syarat ini, Encik Azmir boleh keluar sekarang.

AZMIR : (Sambil keluar). Terima kasih, tuan doktor.

Dipetik daripada ‘Drama Bukan Gila’
dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *menyumbangkan dana*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan sikap doktor ketika merawat pesakit-pesakit mereka.
[3 markah]
- (iii) Kerjaya dalam bidang perubatan memerlukan komitmen dan pengorbanan yang tinggi.
Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang doktor yang berkomitmen tinggi?
[4 markah]
- (v) Bidang perubatan di negara ini semakin maju namun tidak dapat dinafikan bahawa dunia perubatan masih mengalami masalah kekurangan doktor pakar dalam bidang-bidang tertentu terutama di hospital-hospital kerajaan. Kekurangan doktor pakar juga menyebabkan banyak kes rawatan bagi pesakit kritikal tertangguh atau terpaksa dirujuk kepada pakar perubatan dari luar negara.
Sekiranya anda diberi peluang menjadi Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia, apakah langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk menaik taraf dunia perubatan di negara ini?
[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

i. Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Apa tu Shida?” tanya Farisha. Shida cuma berdiam diri untuk beberapa saat sehingga satu lagi garis cahaya kelihatan. Bunyi klik kedengaran. “*Retinal scanner*, abang kau datang pasang pagi tadi,” jawab Shida sambil membuka jerigi dan pintu kayu jati. Raket skuasy dikutip dari lantai dan mereka berdua masuk ke dalam apartmen beriringan. “Aku tak faham abang aku ni. Kenapa nak pasang *retinal scanner* pula? Dahlah dia sambungkan intercom rumah ni dengan telefon rumah dia.” Farisha berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya. “Kalau kau tak angkat telefon tadi, mesti dia yang angkat.” Farisha menunjukkan ke arah telefon bimbit Shida yang baru diletakkan di atas meja kopi. “Azraai tu abang kau. Dia sayang akan kau. Tentulah dia buat semua ni demi keselamatan kau.” Shida berada di pintu Azraai nampaknya.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan novel, apakah yang telah dilakukan oleh Azraai apabila Farisha tidak berada di rumah?

[4 markah]

ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- b. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
- c. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Mandarin
- d. *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, nyatakan **dua** peristiwa menarik kepada pembaca pada bahagian permulaan. Huraikan sebab anda berpendapat sedemikian.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]**

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan di bawah ini, kemudian buat **satu rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Malaysia merupakan sebuah negara yang istimewa kerana mempunyai pelbagai jenis industri pelancongan yang boleh dikomersialkan untuk para pelancong yang mempunyai minat berbeza dan memudahkan mereka membuat pilihan untuk melancong ke tempat-tempat yang mempunyai keunikan identiti dan keistimewaan tersendiri. Salah satu tarikan pelancongan di negara ini ialah destinasi pelancongan berasaskan tempat-tempat menarik yang diwartakan oleh *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) seperti Gua Mulu di Sarawak, Taman Negara Kinabalu di Sabah, Bandar Bersejarah Melaka dan Taman Georimba di Langkawi. Selain itu, tarikan pelancongan berasaskan sukan dapat direalisasikan melalui penganjuran sukan antarabangsa seperti Formula 1 di Sepang dan Le Tour De Langkawi yang menjadi acara tahunan di Pulau Langkawi.

Umum mengetahui bahawa keindahan alam sekitar yang menarik dengan keunikan dan keindahan alam semula jadi juga terdapat di negara ini. Apabila melancong di pantai, di pulau dan di kawasan tanah tinggi, para pelancong dapat menghilangkan tekanan dan mendapat hiburan. Tambahan pula, Pulau Pinang, Pulau Tioman, Pulau Redang, Desaru Kota Tinggi, Tanah Tinggi Cameron, Tanah Tinggi Genting dan banyak lokasi lain yang dilengkapi pelbagai prasarana amat sesuai dijadikan destinasi pelancongan keluarga untuk pelancong domestik. Kemajuan industri pelancongan tanah air juga dibantu oleh keunikan kebudayaan masyarakat majmuk di negara kita. Gabungan budaya masyarakat Melayu, Cina, India dan pelbagai suku kaum lain telah berjaya meningkatkan kunjungan pelancong asing ke Malaysia.

Sesungguhnya, kemasukan pelancong-pelancong dari segenap pelosok dunia mewujudkan peningkatan ekonomi negara yang amat ketara kerana kadar pengaliran wang masuk semakin meningkat. Hal ini dikatakan demikian kerana para pelancong akan menggunakan wang untuk menampung pelancongan mereka di Malaysia. Keuntungan yang diperoleh akan menjadi dana kerajaan untuk membaik pulih infrastruktur dan perkhidmatan awam negara sekali gus meningkatkan taraf hidup marhaen tempatan agar hidup dengan lebih selesa. Sektor pelancongan juga telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada para penduduk. Rentetan kedatangan pelancong-pelancong, permintaan kepada perkhidmatan penginapan, pengangkutan dan perdagangan kraf tangan semakin bertambah justeru menawarkan pekerjaan yang pelbagai kepada masyarakat tempatan. Tuntasnya, sektor pelancongan merupakan sektor yang amat penting dan banyak membawa kemaslahatan kepada kehidupan masyarakat setempat dan ekonomi negara.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pelancogan di Malaysia'
Berita Harian, Ogos 2019

Bahan 2 – Grafik



KERTAS SOALAN TAMAT

TEMA : PELANCONGAN**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA****[35 MARKAH]****SOALAN 1 : MORFOLOGI**

*Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata kerja pasif** dan **satu akronim**. Kemudian anda dikehendaki **membina ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Selain itu, perlu ada penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengekalkan bangunan-bangunan sebegitu dan langkah yang diambil tidak kira sama ada organisasi swasta mahupun badan bukan kerajaan (NGO). Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) sebelum ini sentiasa membuat pemeriksaan berkala terhadap semua bangunan yang diisytiharkan sebagai bangunan terbabit diurus dan dijaga dengan baik. Pegawai-pegawai Jabatan Warisan Kebangsaan di bawah KeKKWa diberi surat kuasa mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 untuk membolehkan mereka membuat pemeriksaan itu bagi memastikan semua bangunan berkenaan tidak menerima nasib seperti bangunan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang kini dikatakan terbiar.

Dipetik dan diubah suai daripada "Koleksi Rencana Umum untuk Rujukan Karangan SPM dan STPM Jilid 1" oleh Hj. Samat Buang.

[6 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

*Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti frasa yang bergaris di bawah sama ada **frasa nama**, **frasa kerja**, **frasa adjektif** atau **frasa sendi nama** tanpa mengubah maksud asalnya.*

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang mula beroperasi pada tahun 2013 terletak di Chow Kit, Kuala Lumpur. Sekolah ini amat istimewa kerana mengambil murid dalam kalangan golongan kurang bernasib baik. Antaranya termasuklah gelandangan, golongan terpinggir, kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri, dan anak yatim. Mereka mengikuti modul pembelajaran khas bagi membolehkan mereka belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada “Tiada Tercicir, Tiada Terpinggir”
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Hal 58, Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah terdapat 11 kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 11 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Sejak dari zaman-berzaman, kerja adalah suatu bebanan yang perlu dilakukan untuk kehidupan samaada dengan membanting tulang atau pun memerah otak. Kerja bukanlah sesuatu yang ringan, tetapi bagi kebanyakan manusia, bekerja itu tiada hujungnya. Namun begitu, jika kita ambil pendirian yang optimistic, kita boleh menjadi kerja itu sesuatu yang mengundang keseronokan.

Dipetik dan diubah suai daripada “Keperibadian Penjawat Awam”
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, Hal.217
 Kementerian Pendidikan Malaysia.

[11 markah]

SOALAN 4 : BAHASA STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan telitinya. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi menanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah. Maka orang Patih Gajah Mada pun pergilah kepada bininya Petala Bumi.

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan
 dalam *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, hal.27-28
 Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Senaraikan tiga peribahasa sahaja, kemudian bina ayat daripada peribahasa tersebut.

Orang yang menghargai masa tidak akan membiarkan berlalunya masa tanpa sebarang kerja yang berfaedah kerana masa itu emas. Pada masa ini, dengan adanya teknologi canggih maka perhubungan menjadi rapat dan banyak keputusan dilaksanakan dalam masa yang singkat. Sikap bertanggung itu pencuri masa akan menyebabkan hilangnya peluang keemasan. Setiap orang diberikan masa yang sama banyak. Terpulanglah kepada setiap individu untuk merancangkan masanya dengan bijak kerana di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Keperibadian Penjawat Awam’,
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5, Hal.216,
 Kementerian Pendidikan Malaysia.

[6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**[35 MARKAH]****SOALAN 6 : PETIKAN UMUM**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutny dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pelancongan hijau merupakan subsektor industri pelancongan yang paling berkembang. Begitu juga dengan ekopelancongan yang menjadi bentuk pelancongan yang pesat berkembang di Malaysia dan menyumbang sebanyak 10% daripada pendapatan pelancongan negara. Pelancongan berkonsepkan ‘Hijau’ memberi peluang kepada pelancong tempatan dan luar negara menerokai landskap semula jadi Malaysia untuk menikmati udara bersih dan melihat kepelbagaian hidupan liar dan tumbuh-tumbuhan.

Ramai pelancong asing datang untuk menyaksikan keindahan semula jadi dan melakukan aktiviti rekreasi seperti menyelam dan snorkeling. Walau bagaimanapun, permintaan yang tinggi menyebabkan jumlah kunjungan pelancong melebihi kapasiti muatan. Selain itu, aktiviti rekreasi manusia dan juga faktor cuaca telah menyumbang kepada kelunturan karang. Kepelbagaian alam sekeliling yang merupakan sumber asas pelancongan, jika tiada usaha perlindungan akan menyebabkan daya tarikannya hilang begitu sahaja. Pengusaha industri pelancongan dan perhotelan hijau yang bertanggungjawab perlu memelihara dan memulihara alam sekitar dengan menyimpan air, mengurangkan penggunaan tenaga dan mengurangkan sisa pepejal untuk menjamin peningkatan kualiti hidup generasi akan datang.

Sumber : *Internet*

Bahan 2

Ekopelancongan berpotensi menghasilkan kesan negatif kepada alam sekitar. Persekitaran destinasi pelancongan yang biasanya dikenali sebagai kawasan perlindungan yang asli boleh terjejas dengan mudah melalui aktiviti pelancongan terutamanya apabila strategi pengurusan pengunjung tidak berfungsi dengan baik.

Keadaan infrastruktur dan kegiatan pelancongan yang tidak diurus dengan lestari melalui aktiviti ekopelancongan juga menyebabkan tekanan dan kesan negatif terhadap sesebuah kawasan alam semula jadi seperti yang terjadi di Pulau Perhentian, Terengganu. Kebanyakan terumbu karang di sana telah terjejas akibat aktiviti pelancongan yang tidak terkawal.

Oleh itu, strategi pengurusan ekopelancongan yang lestari menjadi sangat penting kerana alam semula jadi bersifat rapuh. Kaedah pengurusan yang tidak cekap untuk melindungi alam sekitar boleh menyebabkan matlamat utama ekopelancongan sebagai *langkah konservasi* akan terhalang sekiranya tidak diuruskan dengan baik.

Dipetik dan diubah suai daripada
Ekopelancongan dan Impak kepada Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar
Oleh Norhizami Hussin
Fakulti Sains Bumi Universiti Malaysia Kelantan

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *langkah konservasi*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan perbezaan faktor bagi kesan negatif ekopelancongan?
[3 markah]
- (iii) Ekopelancongan ialah sektor pelancongan yang berkonsepkan alam semula jadi dan melibatkan elemen pendidikan dan pembelajaran kepada pelancong dan penduduk tempatan.

Pada pendapat anda, bagaimanakah ekopelancongan dapat memberikan faedah dari sudut sosial kepada penduduk tempatan?
[3 markah]
- (iv) Keluarga anda sedang mengusahakan aktiviti ekopelancongan di kawasan pedalaman. Walau bagaimanapun, cabaran yang terpaksa dihadapi ialah aktiviti ini terjejas akibat pandemik COVID-19.

Apakah strategi yang akan anda lakukan untuk meneruskan kelangsungan aktiviti ekopelancongan di tempat anda?
[4 markah]

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1**PELANCONGAN MAMPAN**

Melancong bukan sekadar
Beli tiket
Kemas beg
Hore, satu dunia digelintar!

Pelancong mampan mengkaji
Adakah sumber semula jadinya lestari?
Air, udara, hutan, dan tanah tahan uji
Spesies burung berbebaran di sana sini
Mamalia, reptilia terpelihara di habitat semula jadi.

Pelancong mampan melihat
Adakah penjagaan kualiti alam sekitar hebat?
Pelancongan hijau menjadi matlamat
Program pemeliharaan dan pemuliharaan
Masyarakat setempat
Bersihkan pantai, tanam pokok
Pilihan utama pelancong sejagat.

Pelancong mampan meneliti
Adakah pembangunan sosialnya seimbang dan harmoni?
Rakyat sihat, ekonomi mantap, dan bernilai murni
Kaya budaya dan seni
Warisan kebangsaan dihargai.

Pelancong mampan meneroka
Adakah pembangunan fizikal dipelihara dan dipulihara?
Konservasi bangunan, monumen arkeologi, dan tapak warisan negara
Menyimpan seribu satu cerita
Sejarah negara bermulanya tamadun bangsa.

Pelancong mampan
Pilihan warga dunia yang memandang ke hadapan.

Sumber : *Buku teks BM tingkatan 5.*

Bahan 2**ANTARA ALAM SEKITAR DENGAN PEMBANGUNAN**

Watak : Amin dan Kak Su.

Babak 1

Dua beradik duduk di meja makan menikmati minum petang di beranda rumah.

Amin : Amin, lihat, ada banyak lori dan kereta pacuan empat roda keluar masuk di kawasan hutan bersebelahan kebun Pak Wan. Macam ada kerja menarah hutan! Mengapa dibiarkan? Sudah tiadakah pemuda kampung ni yang berani buat bantahan?

Kak Su : Amboi, sedapnya mulut berkata-kata! Itu projek pelancongan, bukan projek tarah hutan. Nama sahaja pelajar luar negara, itu pun tak tahu hendak beza.

Amin : Projek pelancongan akan menarah hutan juga akhirnya. Kalau semua pokok ditebang, bangunan konkrit didirikan, apa lagi yang tinggal? Mereka tak tahu ke hutan itu khazanah yang tak ternilai harganya?

Kak Su : Negara kita ni belum lagi ketinggalan, Min. Malahan, ada ketikanya kita mendahului yang lain terutama dalam konsep pelancongan mampan. Apatah lagi sektor pelancongan menjadi antara *penyumbang utama* pendapatan negara. Kita mahu situasi menang-menang. Pusat pelancongan dibina, khazanah negara dipelihara. Tentang projek pelancongan tu, projek tu diusahakan oleh anak kampung kita juga, Zahid, anak sulung Pak Wan, dibantu oleh adik bongsunya Sarah yang kini merupakan pegawai alam sekitar.

Amin : Oh, Sarah! Budak perempuan yang selalu ikut kami masuk hutan dulu tu. Tapi, bagaimanakah pembangunan boleh dibuat tanpa memusnahkan alam sekitar?

Kak Su : Sebelum habis cuti nanti, carilah masa untuk melawat tempat-tempat pelancongan yang berkonsepkan pelestarian alam sekitar yang ada di negara kita. Yang terdekat ialah rumah hutan dan rumah sungai di Batang Kali ataupun inap desa alam semula jadi di Janda Baik.

Amin : Menarik juga tu. Kak Su kena ikut sekali.

Sumber : *Buku teks BM tingkatan 5.*

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *penyumbang utama*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kepentingan-kepentingan pelancongan mampan kepada alam sekitar.
[4 markah]
- (iii) Alam sekitar merupakan khazanah alam yang tidak ternilai harganya. Namun begitu, masih terdapat masyarakat yang kurang cakna akan kelestarian alam sekitar sehingga berlakunya kemusnahan alam sekitar yang serius.

Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan situasi ini berlaku?

[3 markah]

- (iv) Antara isu penting dalam kehidupan manusia ialah perkara berkaitan alam sekitar. Isu ini merangkumi pencemaran udara, pencemaran air, pencemaran tanah, penebangan hutan tidak terkawal serta kepupusan pelbagai jenis spesies flora dan fauna.

Sebagai seorang remaja, apakah tindakan yang boleh anda lakukan untuk memastikan kelestarian alam sekitar tetap terpelihara?

[4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- i. Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Saya rasa ya. Dia lebih lemah daripada yang kita sangkakan.” Dahi Dr. Maxi masih berkerut. Sese kali dia menggosok-gosok pelipis kanan, mungkin cuba memicit keluar ilham.

“Mungkinkah kita patut beralih kepada Pelan B?” Khairul Anwar sudah dapat rasakan mereka perlu mendapatkan bantuan Shida secepat mungkin.

Masa yang ada untuk Karl sangat terhad. Keadaannya semakin tidak stabil. Doktor yang merawatnya sudah menyuarakan kegusaran sejak dua minggu lalu. Tubuh Karl tidak menunjukkan tindak balas positif terhadap ubat-ubatan yang diberikan. Kansernya juga kian menular dan tidak dapat dibendung lagi.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*, karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan Khairul Anwar mencadangkan untuk beralih kepada Pelan B?

[4 markah]

- ii. Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- a. *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Noor
- b. *Silir Daksina*, karya Nizar Parman
- c. *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Mandarin
- d. *Pantai Kasih*, karya Azmah Nordin

Berdasarkan **sebuah novel** yang ada pelajari, huraikan **dua** bukti kegigihan yang terdapat dalam tersebut.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN**[30 markah]****SOALAN 9 : RUMUSAN**

Baca **petikan** dan **teliti bahan grafik** yang disertakan di bawah, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 – Petikan

Malaysia diiktiraf pada peringkat global sebagai satu daripada destinasi pelancongan utama dunia, dengan kedudukan antara 10 negara teratas dari segi ketibaan pelancong. Sektor pelancongan merupakan industri perkhidmatan utama yang semakin berkembang maju di Malaysia. Oleh itu, faktor-faktor yang dapat membangunkan industri tersebut haruslah diberi penekanan yang serius oleh semua pihak.


Malaysia mempunyai banyak tempat menarik untuk dilawati. Tempat menarik tersebut lazimnya menjadi tumpuan pelancong asing yang berkunjung ke negara ini. Sebagai contoh, Malaysia memiliki kawasan rekreasi di tanah tinggi yang mempunyai suhu sejuk, seperti Cameron Highlands dan Genting Highlands di Pahang. Keadaan iklim semula jadi negara ini yang panas dan lembap sepanjang tahun juga sudah pasti menggamit hati para pelancong. Jangan kita lupa bahawa Malaysia memiliki sejarah pembentukan negara bangsa yang sangat unik. Kepelbagaian budaya dan etnik, sama ada di Semenanjung ataupun di Malaysia Timur, menjadi modal yang sangat berharga kepada sektor pelancongan. Di Sabah dan Sarawak, kegiatan seni dan manipulasi fabrik suku kaum Kadazan dan Iban telah mendapat tempat dalam hati para pelancong. Di samping itu, udara yang segar dan nyaman tanpa pencemaran di negara ini menjadi nilai tambah yang menjadi lambang kehidupan yang tenang dan bersahaja. Pelancong antarabangsa khususnya dari negara maju beranggapan bahawa Malaysia merupakan destinasi percutian yang murah dan kompetitif kerana kadar tukaran asing yang menarik.

Pakar runding pelabur asing dan kakitangan syarikat multinasional yang berurusan di negara ini juga tertarik oleh kemajuan ekonomi negara yang pesat sehingga Lembah Klang menjadi tumpuan kerana terdapatnya ibu pejabat institusi kewangan antarabangsa dan syarikat teknologi tinggi. Hal ini ditambahkan pula dengan usaha kerajaan Malaysia memajukan sektor pendidikan pengajian tinggi serta industri kesihatan dan perubatannya melalui promosi yang agresif. Penganjuran acara sukan bertaraf dunia dan persidangan antarabangsa juga meletakkan Malaysia di peta pelancongan sukan dan forum. Begitu juga dengan pembinaan pusat konvensyen, seperti Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC), Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, (PICC), dan Dewan Persidangan Hotel bertaraf lima bintang telah merancakkan ketibaan pelancong yang gemar menyertai perbincangan pada peringkat tinggi serta acara korporat antarabangsa.

Jelaslah perspektif tentang sektor pelancongan di Malaysia telah menjangkau segmen di luar tarikan keindahan alam semula jadi. Strategi ini memberikan kelebihan kepada Malaysia untuk menawarkan produk pelancongan yang lebih berdaya saing. Sumbangan sektor pelancongan kepada pendapatan negara akan terus meningkat. Kedudukan ekonomi yang maju, politik yang stabil, sosial yang harmoni dan keselamatan yang baik menjadi resipi utama bagi menarik lebih banyak pelancong asing. Kedatangan hampir 30 juta orang asing saban tahun membuktikan bahawa Malaysia memiliki masa depan yang sangat cemerlang dalam sektor pelancongan.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Pelancongan Menyuntik Pendapatan Negara’ oleh Danilah Kamarul, *Dewan Masyarakat*, 2018.

Bahan 2 – Grafik



Sumber : Internet

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN

